

**Jilid III  
Bil. 5**



**Hari Isnin  
1hb April, 1985**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 657]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong [Ruangan 727]**



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N.  
(Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM, (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J. P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K., (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,  
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,  
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN  
MUSTAFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri  
Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH  
SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD  
(Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.  
(Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T., (Kuala  
Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS  
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.  
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat **TUAN LIM KIT SIANG** (Kota Melaka).
- „ **TUAN LIM LIANG SENG**, P.P.T. (Kinta).
- „ **TUAN LING SIE MING** (Sibu).
- „ **TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN**, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ **DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI**, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD**, A.M.N. (Pekan).
- „ **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ **TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID**, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ **DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN**, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ **DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM**, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI** (Setapak).
- „ **DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG**, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB** (Hilir Padas).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH**, S.M.K. (Bachok).
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN**, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ **TUAN MUTANG TAGAL** (Bukit Mas).
- „ **TUAN NG CHENG KUAI** (Lumut).
- „ **DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN**, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ **DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN**, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ **TUAN OMAR BIN ABDULLAH** (Tampin).
- „ **TUAN OTHMAN BIN ABDUL** (Ulu Muda).
- „ **DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF**, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM**, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI** (Serian).

Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).

„ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

„ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita:*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 1hb April, 1985

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

TEKNOLOGI AMERIKA  
SYARIKAT DISALUR  
KE MALAYSIA

1. Tuan Peter Chin Gan Oon minta  
Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) kenapa dan siapa yang mengumumkan bahawa Pentagon dan Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat menganggap Malaysia sebagai satu risiko keselamatan kerana dakwaan-dakwaan bahawa kelengkapan teknologi yang diimportkan daripada Amerika Syarikat ke Malaysia boleh disalurkan ke negara-negara komunis di mana mereka boleh digunakan untuk tujuan-tujuan ketenteraan;

(b) adakah Menteri bergembira dengan keterangan Duta Amerika Syarikat bahawa oleh kerana Malaysia sekarang maju dalam teknologi pihak Amerika Syarikat mesti berwaspada supaya teknologi begini tidak akan jatuh ke tangan yang

salah, sedang pula negara-negara seperti Thailand, Australia dan New Zealand tidak termasuk dalam "senarai" tersebut; dan

(c) sama ada satu penyiasatan boleh dilancarkan untuk menentukan sama ada kes-kes yang serupa ini pernah berlaku dan dalam sebarang hal, sama ada keselamatan boleh diketatkan agar kes-kes seumpama ini tidak akan berlaku.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mula timbul berasaskan suatu berita akhbar Straits Times Singapura yang berpunca pula dari suatu laporan wakilnya di Washington, D.C.

Sukacita saya menjelaskan bahawa setakat yang kita ketahui, sebenarnya tidak terdapat senarai rahsia Pentagon seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar. Salah faham ini timbul akibat dari penubuhan satu badan baru di Amerika Syarikat yang diberi nama "Kumpulan Pemandu Pemindahan Teknologi" (Technology Transfer Steering Group). Ianya dianggotai oleh pegawai-pegawai Pentagon, Jabatan Perdagangan dan White House yang ditugaskan mengkaji dan menyelaraskan pengeksporan barangan dan teknologi hitech ke negara-negara asing. Ianya dilakukan semata-mata untuk memastikan barangan ataupun teknologi ini tidak dipindahkan ke negara-negara yang dianggap oleh Amerika Syarikat sebagai negara yang "tidak diingini".

Mengenai soalan (b) dan (c) yang berkaitan itu, ingin saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia adalah sebuah Kerajaan yang berpegang teguh kepada sebarang janji yang dibuat termasuk dalam soal mendapatkan teknologi hitech ini. Malahan Duta Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur telah menegaskan bahawa negaranya berpuas hati dengan langkah-langkah keselamatan yang kita ambil.

### **PENYALAHGUNAAN DADAH— MEMERANGI WABAK**

2. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah sambutan masyarakat antarabangsa terhadap langkah-langkah drastik memerangi wabak penyalahgunaan dadah yang dijalankan di dalam negara ini; dan
- (b) apakah masyarakat antarabangsa juga mengakui bahawa wabak penyalahgunaan dadah pada masa ini dan pada masa-masa yang akan datang sebagai wabak yang membahayakan manusia sejagat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, sambutan masyarakat antarabangsa kepada langkah-langkah yang dicadangi oleh Kerajaan sehingga ini adalah memuaskan kerana mereka bukan sahaja mendengar, tetapi cuba meneliti cadangan-cadangan daripada kita.

Mengenai (b), masyarakat antarabangsa sebenarnya juga mempunyai kesedaran yang sama dari segi penyalahgunaan dadah yang sangat berbahaya kepada masyarakat, seperti juga perkara yang dirasakan oleh kita sendiri di negara kita.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu adakah Bangsa-bangsa Bersatu bercadang untuk menubuhkan satu agensi atau satu majlis khas untuk mengumpul dan mengedar maklumat-maklumat terhadap sindiket antarabangsa yang menyeludup dadah supaya usaha kerjasama oleh masyarakat antarabangsa mengawal pasaran wabak dadah dapat lebih berkesan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Bangsa-bangsa Bersatu memerlukan persetujuan daripada negara-negara ahli. Jadi, sekiranya sebuah badan yang demikian dipersetujui oleh ahli-ahli, maka sudah tentu badan itu boleh dibentuk. Dari segi perasaan mengenai bahaya dadah, sudah tentu kesedaran ini timbul daripada semua negara-negara Bangsa-bangsa Bersatu sendiri.

### **KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA**

3. **Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau menyedari banyak maklumat dan data-data sentiasa diklasifikasikan sulit yang membawa kepada cetek dangkalnya penganalisan aktiviti ekonomi pihak swasta dalam membantu Kerajaan untuk mengrealisasikan konsep persyarikatan Malaysia untuk mengimbangkan pembangunan. Jika ia, apakah tindakan lanjut untuk memperbaiki sistem ketinggalan zaman dan merugikan pihak Kerajaan sendiri.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat maklumat-maklumat dan data-data yang diklasifikasikan sebagai sulit. Maklumat dan data ini tidak boleh disebarikan demi kepentingan negara kerana dikhuatiri

akan disalahgunakan. Tindakan ini adalah perkara biasa yang dilakukan oleh semua negara dalam dunia ini untuk menjaga kepentingan masing-masing. Maklumat-maklumat dan data-data yang sulit ini adalah segelintir sahaja. Kebanyakan maklumat dan data telah pun diterbitkan untuk kegunaan orang awam, termasuk pihak swasta dan diberikan dengan terperinci hingga ke peringkat negeri dan juga daerah. Namun demikian, maklumat-maklumat dan data-data yang telah diterbitkan ini masih tidak digunakan sepenuhnya oleh orang awam dan pihak swasta.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi beliau mengatakan bahawa maklumat-maklumat dan data-data diclassify sebagai data sulit supaya mengelakkan rakyat daripada menyalahgunakan maklumat-maklumat itu. Soalan saya ialah bagaimanakah rakyat keseluruhannya mengawasi dan mengawal Kerajaan supaya Kerajaan tidak menyalahgunakan data-data dan maklumat-maklumat itu.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan melaksanakan tugas pemerintahan sudah tentu adanya dasar dan proses pelaksanaan dasar yang mana di peringkat ini sebahagian ataupun setengah daripada maklumat perlu diklasifikasikan sebagai sulit. Kegunaan seperti ini tidaklah boleh kita katakan sebagai menyalahgunakan. Klasifikasi peringkat sulit adalah penting untuk data-data dan maklumat yang ada umpamanya dari segi keselamatan dan kepentingan negara. Jadi, ini merupakan proses biasa dan saya ingin menyatakan di sini dari segi Kerajaan sebenarnya belum lagi

menyalahgunakan data-data seperti yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

#### **WILAYAH PERSEKUTUAN— KEKOTORAN SUNGAI-SUNGAI**

**4. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kementerian beliau telah berbincang dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapat kerjasama dalam kebersihan sungai-sungai seperti Sungai Kelang, Gombak dan Batu yang mengalir ke Wilayah Persekutuan memandangkan sebahagian daripada kekotoran sungai-sungai di Wilayah Persekutuan adalah berpunca daripada punca asalnya.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan sememangnya menyedari bahawa sebahagian daripada kekotoran sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berpunca sebahagian daripadanya dari kawasan-kawasan dan pembangunan di negeri Selangor. Oleh itu penyelesaian masalah pencemaran sungai perlu dibuat melalui kerjasama kedua-dua buah pihak iaitu di antara Negeri Selangor dan Kementerian Wilayah Persekutuan serta jabatan-jabatan Kerajaan di bawah Persekutuan. Dalam hal ini sebuah pasukan petugas ataupun Jawatankuasa Kebersihan Sungai telah pun ditubuhkan di Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Sekretariatnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jawatankuasa ini dianggotai bersama oleh wakil-wakil Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Daerah Gombak, Jabatan Parit dan Taliair Selangor, Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Langkah awal telah

pun dibuat dengan meningkatkan lagi pengawasan supaya sampah tidak dibuang ke sungai-sungai dan menggiatkan lagi usaha pungutan sampah di sungai-sungai. Kajian sedang dibuat untuk mengkaji kemungkinan membina empangan sampah di tempat-tempat yang sesuai.

Adalah didapati bahawa sebahagian besar punca kekotoran sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh kawasan-kawasan kediaman dan kilang haram di sepanjang sungai di Wilayah Persekutuan dan juga di negeri Selangor. Oleh itu Kementerian Wilayah Persekutuan sedang merancang untuk memindahkan kilang-kilang dan setinggan-setinggan yang terdapat di tebing-tebing sungai di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa Kementerian yang berkenaan telah menghantar satu rombongan ke United Kingdom untuk belajar kaedah-kaedah untuk membersihkan sungai-sungai dan jika benar mengapakah Kementerian bercadang untuk memilih London sebagai satu tempat untuk belajar yang berkehendakkan begitu banyak peruntukan untuk melakukan lawatan ini. Dan saya suka mendapat tahu apakah hasil yang pihak Kerajaan boleh perolehi dari langkah yang diambil ini.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kementerian saya telah juga mengambil bahagian di dalam satu usaha untuk mempelajari daripada pihak-pihak negara-negara yang telah berjaya mengatasi masalah pencemaran kawasan air dan juga sungai-sungai yang tertentu dan di antara negara-negara yang telah berjaya melakukan perkara ini dan telah berjaya membersihkan sungai-sungai mereka dan menghidupkan

semula sungai-sungai mereka termasuklah negara Great Britain khususnya bagi yang terkenal di Bandaraya London selain daripada Sungai Thames di Bandaraya London terdapat juga bandaraya-bandaraya yang lain di negara-negara lain yang juga boleh memberikan sumbangan dan faedah terhadap mereka yang bertanggungjawab untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ini.

Sukalah saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, begitu lama sungai-sungai di negara kita dan juga bagi sungai-sungai di Bandaraya Kuala Lumpur ini yang telah semata-mata diangapkan sebagai longkang besar di mana semua kekotoran dan pembuangan sampah ditumpukan ke sungai-sungai yang berkenaan dan secara tidak langsung ini akan menjejaskan keadaan dan suasana hidup di dalam negara kita dan juga kalau kita lihat kepada sungai-sungai yang lain di dalam negara kita juga, mereka juga menghadapi berbagai masalah dan salah satu masalahnya ialah pencemaran yang telah berlaku kepada beberapa buah sungai dan anak sungai di dalam negara kita. Oleh itu kalaulah kita mengambil berat tentang apa yang ada di negara kita khususnya keadaan di sekeliling kawasan-kawasan sungai dan juga perkara-perkara seperti yang sama, saya rasa kita akan dapat meningkatkan lagi mutu penghidupan di dalam negara kita dan menjadikannya sebagai satu punca tarikan dan dalam perancangan kita pada keseluruhannya.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu sebuah Jawatankuasa Petugas telah pun dibentuk di antara negeri Selangor dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Apa yang saya ingin tahu ialah bagaimanakah dari segi perbelanjaan, adakah negeri Selangor juga turut sama dalam mengisi tabung untuk mengatasi soal yang sedang dibincangkan.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, soal tabung sebenarnya tidak timbul lagi kerana perkara-perkara yang perlu dilakukan akan dilakukan melalui proses belanjawan biasa Kerajaan. Bagi kawasan-kawasan yang terdapat di dalam negeri Selangor ianya akan dibiayai melalui peruntukan daripada negeri Selangor ataupun peruntukan yang disalurkan kepada negeri Selangor. Dan bagi kawasan-kawasan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ia juga bagi kerja-kerja yang perlu akan dibiayai melalui peruntukan dalam Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid tidak hadir).*

## MATA PELAJARAN MATEMATIK MODEN SEBAGAI WAJIB

**6. Datuk Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) faedah-faedah yang Malaysia perolehi dari Ilmu Hisab Moden, jika dibandingkan dengan Ilmu Hisab lain-lain bentuk, sebagai mata pelajaran wajib; dan
- (b) negara mana atau sistem politik manakah yang kita contohi apabila kita mempelajari Ilmu Hisab Moden sebagai mata pelajaran wajib.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mata pelajaran Matematik Moden adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar mendapat kemahiran menambah, mengurangkan, mendaraf dan membahagi. Di samping itu, pelajar-pelajar juga diharapkan mendapat kebolehan, membaca, mengenal dan memahami data-data serta membuat kesimpulan yang menasabah darinya. Sukatan pelajaran Matematik Moden digubal khas untuk membekalkan pengetahuan dan kemahiran asas matematik kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah rendah bagi menyediakan mereka melanjutkan persekolahan di peringkat menengah atas dan seterusnya di peringkat pelajaran tinggi di bidang perkaunan, kejuruteraan, ekonomi, sains dan lain-lain lapangan;
- (b) Sukatan pelajaran Matematik Moden di peringkat menengah rendah digubal berdasarkan Projek Scottish Mathematics Group sementara di peringkat menengah atas pula berdasarkan School Mathematics Project di Britain. Adalah dimaklumkan bahawa Matematik Moden merupakan mata pelajaran wajib untuk lulus SRP dan ia adalah salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid-murid di peringkat menengah atas. Walau bagaimanapun, kita tidak mencontohi mana-mana negara atau sistem politik untuk menjadikan Matematik Moden sebagai mata pelajaran wajib.

Pertimbangan dibuat dengan mengambil kira kepentingan masyarakat dan pembangunan negara kita.

### JENTERA BERAT YANG TIDAK DIPAKAI

**7. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah dan jenis jentera berat Jabatan Kerja Raya yang tersadai dan tidak dipakai di seluruh negara sekarang, dan mengapakah perkara ini boleh berlaku.

**Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa Jabatan Kerja Raya menjaga jentera-jentera berat dengan baik. Semua jentera-jentera ini adalah tersimpan dan dijaga dengan baik di kawasan-kawasan simpanan yang tertentu di beberapa tempat di seluruh negara. Oleh itu adalah tidak tepat gambaran jika perkataan tersadai itu difahamkan sebagai mengandungi unsur-unsur pengabaian. Saya sedar bahawa adalah sebilangan jentera-jentera berat yang tidak digunakan lagi. Pada masa ini bilangan jenis jentera-jentera ini adalah seperti berikut:

(a) Scraper .. ..	131
(b) Dozer .. ..	85
(c) Compactor .. ..	27
Jumlahnya .. ..	243

Kebanyakan jentera-jentera ini tidak boleh dipakai lagi oleh kerana ianya terlalu buruk serta telah mengalami kerosakan yang besar dan kesukaran mendapat alat-ganti yang sesuai baginya. Manakala ada sebahagian kecil pula yang merupakan saki-baki jentera-jentera yang telah digunakan bagi projek-projek

pembinaan lebuhraya seperti Lebuhraya Timur/Barat dan Lebuhraya Kuantan/Segamat. Oleh itu bilangan jentera yang tidak digunakan adalah berubah dari masa ke semasa.

Adalah dimaklumkan bahawa usaha-usaha sentiasa dijalankan bagi menawarkan jentera-jentera yang masih boleh dipakai lagi kepada Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Mana-mana jentera yang tidak diambil oleh agensi-agensi Kerajaan itu akan ditawarkan kepada pihak-pihak awam pula. Sementara itu urusan pelupusan akan terus dijalankan dari masa ke semasa bagi jentera-jentera yang tidak boleh dipakai sama sekali.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 243 buah jentera yang sudah tidak boleh digunakan lagi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri, saya ingin bertanya, adakah jentera-jentera tersebut akan dijual oleh Kerajaan sebagai barang-barang terpakai ataupun, dengan izin, second hand ataupun dijual sebagai besi buruk?

Yang keduanya, oleh kerana kebanyakan jentera-jentera yang tidak boleh digunakan lagi seperti yang dinyatakan itu adalah merupakan jentera-jentera untuk membuat jalan raya dan sebagainya, adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan pada masa-masa yang akan datang untuk menswastakan program membuat dan membaiki jalan raya di dalam negara ini. Jika ya, bila proses penswastan ini akan dilaksanakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, banyak di antara jentera-jentera yang sedang ada di dalam tangan Jabatan Kerja Raya boleh dikatakan besi buruk sahaja, bukan boleh dikatakan sebagai jentera lagi. Sebab itu jugalah kita tidak boleh menjual kepada siapa-siapa pembeli.

Walau bagaimanapun, apabila sudah sampai masanya untuk dijual jentera-jentera itu sebagai besi buruk, boleh jugalah Kementerian saya akan mengambil tindakan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Soalan yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila ulangi soalan kedua.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Oleh kerana pada saya sebahagian besar daripada jentera-jentera yang tidak boleh dipakai itu adalah jentera untuk membuat jalan raya, jadi adakah pada masa-masa yang akan datang Kementerian bercadang untuk menswastakan projek membina jalan raya. Kalau ya, bila proses penswastaaan ini akan dijalankan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat swasta yang membuat pembinaan jalan raya di seluruh tanahair kita tidak suka membeli jentera-jentera ini yang sedang ada di dalam tangan kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Dalam taklimat di Kementerian Kewangan saya ada bertanya mengenai jentera-jentera yang digunakan untuk lebuhraya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri yang berkenaan, adakah perancangan mengenai jentera-jentera yang beliau sebutkan tadi dirancangkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya atau dirancang oleh Kementerian Kerja Raya dan sekiranya perancangan itu dirancang lebih awal, adakah jentera-jentera yang disebutkan oleh Dato' Menteri tadi memang dibiarkan dia begitu rosak dengan keadaan yang begitu lama dengan tidak ada satu

perancangan selepas jentera itu digunakan, kita jual ataupun kita gunakan kepada Jabatan yang lain?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam siasatan Kementerian Kerja Raya, kita tidak boleh menggunakan jentera-jentera yang sedia ada di dalam tangan kita sekarang. Jikalau ada juga daripada pihak penswasta suka juga membeli jentera-jentera itu, dengan berbesar saya boleh jual tetapi tidak ada orang memohon untuk membeli jentera-jentera yang sedang ada sekarang sebabnya keadaan jentera itu terburuk, tidak boleh digunakan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(*Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir*).

## HARTA BENDA KERAJAAN— PENJAGAAN

**9. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah maksud beliau meminta supaya harta Kerajaan dijaga baik. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dan apakah langkah-langkah untuk memastikan arahan beliau ditepati dan dilaksanakan dengan jayanya.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan ini ada kaitan dengan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Harta-harta Kerajaan adalah terdiri daripada tanah, bangunan, barang-barang dalam setor dan inventori seperti loji, jentera, kenderaan, mesin-mesin, perabot dan lain-lain kelengkapan pejabat dan memang terdapat banyak masalah-masalahnya yang berkaitan dengan pengurusan harta-harta Kerajaan. Umpamanya mengenai tanah tidak ada pihak yang menguruskan perkara-perkara yang berlaku ke atas tanda

itu, mengutip hasilnya, tiada tanah menunjukkan agensi yang memiliki tanah itu dan sebagainya. Mengenai bangunan pula terdapat masalah jumlah bayaran kepada pihak berkuasa tempatan dan masalah pembahagian tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan Jabatan yang mendudukinya. Di dalam pengurusan harta dalam setor pula terdapat keadaan beberapa jenis ubat yang tidak boleh disimpan lama, telah menjadi rosak kerana tidak digunakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Barang-barang inventori seperti loji dan jentera yang tidak digunakan tidak disimpan dan tidak diselenggarakan dengan baik dan bagi loji dan jentera yang tidak digunakan lagi tidak dijual, begitu juga kereta pool, dengan izin, selalu rosak semasa disimpan di tempat simpanan JKR. Bagi mesin-mesin, perabot-perabot dan lain-lain kelengkapan pejabat senarainya tidak disemak dan dikemaskinikan serta dikira secara fizikal. Langkah-langkah berikut telah diambil untuk memperbaiki dan mengemaskan lagi pengurusan harta-harta Kerajaan:

Pertama, Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan telah menamakan seorang pegawai kanan untuk menguruskan semua harta di tiap-tiap Kementerian, Jabatan dan agensi berkenaan.

Yang kedua, mengadakan procedure yang jelas mengenai semua aspek pengurusan harta-harta Kerajaan. Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1985 bertujuan menerangkan tanggungjawab pegawai-pegawai di dalam pengurusan setor dengan mengadakan check list, dengan izin, bagi pengurusan setor, check list bagi pemeriksaan inventori dan check list bagi penggunaan pengurusan dan penyelenggaraan kenderaan.

Yang ketiga, mengadakan sistem merekod semua carta-carta Kerajaan dan dimonitor dari masa ke semasa. Di antara maklumat yang penting dan direkod ialah jenis harga, kuantiti, harga, tarikh pembelian, kos pemasangan, kos penyelenggaraan dan nilainya.

Yang keempat, pemeriksaan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Kewangan ke Kementerian dan Jabatan telah pun dipergiatkan lagi bagi memastikan pengurusan harta dibuat mengikut procedure yang telah disediakan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah tidak satu kajian telah dibuat dan penyiasatan telah memastikan berapa banyak agaknya daripada segi nilai wangnya kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan, katakan dalam masa setahun dua ataupun satu tempoh masa yang tertentu berhubung dengan kehilangan harta Kerajaan kerana tidak adanya pengurusan yang sewajarnya dan masalah-masalah yang lain. Terima kasih.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengatakan dari segi mengkaji dengan teliti perkara ini sebenarnya telah dilaksanakan oleh pihak MAMPU atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak dapat memberikan angka terperinci mengenai berapa kos kehilangan, implikasi, akibat dan sebagainya.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai harta-harta Kerajaan itu ialah segala harta yang

berselerak di seluruh negara diletak di bawah berbagai-bagai jabatan dan pentadbiran. Saya ingin mendapat penjelasan, pertama kita semua tahu dan rakyat semua dapat melihat bahawa di setor-setor Kerajaan, setor jabatan-jabatan terdapat seperti yang disebutkan oleh Menteri Kerja Raya tadi di mana terdapat berpuluh bahkan beratus buah kenderaan Kerajaan. Yang menjadi persoalan sama ada kenderaan itu dapat dipakai atau tidak masih tinggal menjadi semak di perkarangan atau di belakang pejabat-pejabat Kerajaan.

Jadi saya ingin tahu apakah langkah Kerajaan bagi memastikan bahawa harta-harta Kerajaan itu tidak dibiarkan begitu sahaja dan soalan yang kedua berapa lama proses untuk pelupusan sesuatu harta Kerajaan yang difikirkan tidak boleh dipakai lagi.

Soalan yang ketiga adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu pasukan ataupun satu Jawatankuasa Bertindak bagi mengawal segala harta Kerajaan yang ada dalam negara kita ini kerana saya jangka bahawa kalau tidak berbuat demikian . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa soalan ini sudah cukup. Soalan yang ketiga cukup lengkap.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama dengan yang ketiga ada kaitannya kerana Yang Berhormat bertanyakan mengenai kepastian dan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan. Saya telah menyebutkan tadi pihak Kerajaan iaitu melalui Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/85 yang menyebut di sini, saya ada circularnya yang panjang di sini, semua langkah perlu diambil oleh Kementerian dan jabatan Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Soalan yang kedua Ahli Yang Berhormat tadi ada menanyakan dengan perkara berapa lama proses pelupusan, ini bergantung kepada perkara-perkara dan bahan-bahan yang ada pada setor. Saya hendak memberitahu, memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat seperti juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam jawapannya tadi juga daripada setornya, memang benda ini berselerak di mana-mana kerana kita mempunyai 790 buah setor yang mengandungi pelbagai bahan yang mengandungi juga nilai harta Kerajaan yang banyak. Jadi untuk soalan yang kedua saya ingin mengatakan tadi berapa lama kita hendak proses pelupusan itu bergantung kepada apa dia bahan.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih. Dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan di antara harta Kerajaan ialah loji dan jentera. Jadi berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri bermaksud bahawa sebelum arahan baru dikeluarkan, Yang Berhormat Menteri tidak berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh JKR untuk menjaga dan menyelia loji-loji dan jentera berat ini, dan jika demikian, adakah ada di antara pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam Jabatan ini telah pun dikenakan surcharge kerana tidak menjalankan tanggungjawab?

Dan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah keadaan ini apabila arahan baru dikeluarkan sama ada dia bertambah baik ataupun tidak berubah?.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya teguran ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang mengarahkan seterusnya supaya tindakan dibuat yang mana seperti

yang saya jelaskan pihak MAMPU telah pun ditugaskan untuk menyediakan laporan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selepas itu mempengerusikan satu mesyuarat untuk mendengar masalah-masalah dan seterusnya mengeluarkan arahan-arahan yang akhirnya terkandung di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan yang saya sebutkan tadi.

Akhir-akhir ini mengikut laporan perubahan sudah banyak berlaku dan pihak Jabatan Perdana Menteri umpamanya berpuas hati dengan keadaan yang ada di JKR sekarang dan saya pasti dengan adanya peraturan-peraturan yang begitu teliti seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan itu, saya percaya juga penjagaan loji dan jentera seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dapat meningkatkan dan memuaskan semua pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud.

*(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud tidak hadir).*

### PENUBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT

**11. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pihak Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan yang positif bagi mengawal penubuhan syarikat-syarikat yang mana sistem yang diamalkan oleh pihak pendaftaran bagi mendaftar sesebuah syarikat pada ketika ini telah mempengaruhi ramai orang bagi menubuhkan syarikat-syarikat sesuka hati tanpa mempunyai apa-apa modal, adakah pihak Kementerian akan

memperbaiki sistem ini supaya ia tidak menjejaskan bidang perniagaan negara kita.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang persyarikatan di negara ini iaitu Akta Syarikat 1965 memberi cara kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga di negara ini menjalankan perniagaan mereka melalui entiti yang sah (legal entity). Seperti undang-undang negara-negara lain yang mengamalkan ekonomi yang bebas, Akta Syarikat kita pun tidak mengandungi sebarang larangan kepada sesiapa yang ingin menubuhkan syarikatnya, kecuali mereka yang menjadi bangkrap ataupun mereka yang telah disabitkan kesalahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan jenayah.

Adalah tidak benar mengatakan seseorang boleh menubuhkan syarikat tanpa mempunyai apa-apa modal. Sekurang-kurangnya, untuk menubuhkan sebuah syarikat, penaja syarikat dikehendaki membayar yuran pendaftaran termasuk cukai setem tidak kurang daripada \$570. Tambahan pula penaja-penaja itu juga perlu membayar yuran iktisas kepada peguam atau akauntan yang membuat kerja-kerja penubuhan untuknya.

Peraturan-peraturan yang sedia ada digunakan untuk menubuhkan syarikat di bawah peruntukan Akta Syarikat sekarang adalah cukup kemas dan tidak memerlukan apa-apa perubahan lagi.

### RUMAH AWAM KOS RENDAH—KELAYAKAN PESERTA

**12. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan bahawa dahulu banyak

terjadi dalam negara kita orang-orang yang berpeluang mendapat rumah-rumah kos rendah ini terdiri daripada mereka yang telah memiliki rumah sedangkan mereka yang benar-benar tanpa rumah tidak berpeluang kerana tidak ada saluran-saluran tertentu untuk menolong; nyatakan sama ada perkara seperti ini masih berlaku lagi atau bagaimana dan adakah Kerajaan sedar bahawa masih ada mereka yang kaya yang berjaya mendapat rumah-rumah kos rendah ini; apakah pandangan Kerajaan dalam hal ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pemilihan peserta bagi menentukan rumah awam kos rendah diagihkan kepada mereka yang benar-benar layak. Antara lainya pertimbangan-pertimbangan yang diberi ialah pendapatan keluarga ialah tidak melebihi \$750 sebulan dan pemohon tidak mempunyai rumah. Keutamaan diberi kepada pemohon yang telah tinggal di kawasan berkenaan lebih daripada 5 tahun, telah berkeluarga dan berumur di antara 30 hingga 40 tahun. Kerajaan-Negeri bagaimanapun dibenarkan menetapkan asas-asas pemilihan lain yang dikira sesuai dengan keadaan tempatan umpamanya memberi keutamaan kepada anak Negeri dan bekas anggota keselamatan.

Kementerian memang sedar tentang adanya laporan mengenai beberapa kes di mana orang-orang yang tidak sepatutnya layak telah diberi peluang untuk memiliki rumah awam kos rendah di negeri-negeri tertentu. Kes seperti ini adalah kecil bilangannya dan semua Kerajaan Negeri difahamkan sedang mengambil

tindakan bagi mengatasinya. Kebanyakan Kerajaan Negeri juga telah memperkemaskan sistem pemilihan peserta melalui peraturan-peraturan seperti mempamerkan senarai nama pemohon-pemohon sebelum permohonan diproses untuk pertimbangan selanjutnya.

Peraturan ini membolehkan orang ramai membuat bantahan atas nama-nama pemohon yang dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah rumah kos rendah ini, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ramai daripada kalangan orang-orang yang telah pun mempunyai tanah sendiri dan juga rumah sendiri membuat permohonan mengenai rumah-rumah kos rendah ini.

Jadi apabila mereka-mereka ini dipamerkan gambar mereka kemudian ada bantahan mengatakan si anu-anu ini telah ada rumah dan tanah. Jadi adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan satu undang-undang mengambil tindakan terhadap orang-orang yang membuat penipuan ini apabila disiasat bahawa mereka ini ada mempunyai tanah kerana mereka-mereka ini pula mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah dan juga di mahkamah mengatakan mereka tidak mempunyai tanah ataupun rumah di mana-mana dalam Malaysia ini.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya sepertimana saya sebutkan tadi juga, Kementerian telah pun mengeluarkan garis-garis panduan ini untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

**MAS—TAMBAHAN PENER-  
BANGAN KE LONDON/  
AMERIKA SYARIKAT**

13. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah langkah konkrit selanjutnya yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pihak MAS menyelesaikan permintaan menambahkan penerbangan kelima ke London memandangkan kebuntuan dalam hal ini baru-baru ini dan apakah kedudukan yang diketahui setakat ini berkenaan operasi penerbangan bersama dengan North West Orient ke pantai barat Amerika Syarikat; dan
- (b) apakah langkah atau strategi yang Kementerian bercadang akan ambil untuk berunding mengenai hak mendarat tambahan bagi MAS selaras dengan program perkembangan syarikat penerbangan kebangsaan kita.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dimaklumkan di Dewan ini rundingan-rundingan di antara kedua belah pihak Kerajaan bagi menyelesaikan masalah mendapatkan penerbangan tambahan kelima ke London bagi MAS masih lagi diteruskan.

Dalam hubungan ini Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengadakan rundingan sebanyak dua kali dengan British Airways baru-baru ini. Rundingan yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Januari, 1985, manakala yang kedua telah berlangsung di London pada bulan Februari, 1985. Rundingan tersebut telah diadakan dalam bentuk

sebuah Jawatankuasa Bersama yang terdiri dari pegawai-pegawai dari kedua buah syarikat penerbangan.

Jawatankuasa ini sedang menjalankan kajian perangkaan dari segi aliran dan pertumbuhan trafik udara di antara Malaysia dan United Kingdom. Terdapat bukti yang menggalakkan menunjukkan bahawa trafik udara di sektor ini kian meningkat.

Kajian perangkaan tersebut dapat menentukan kapasiti yang diperlukan untuk memenuhi pertumbuhan tersebut dalam masa akan datang.

Soalan penerbangan tambahan di antara Kuala Lumpur dan London yang dipohon oleh MAS masih dipertimbangkan oleh pihak British semasa Menteri Pengangkutan melawat London secara tidak rasmi dalam bulan Februari tahun ini. Beliau telah mengambil kesempatan untuk membincangkan perkara ini secara informal sekali lagi dengan Menteri Pengangkutan British dan juga pegawai-pegawai kanannya. Mereka memang sedar tentang minat yang berterusan dari kita dalam isu ini.

Adalah menjadi harapan kita bahawa pihak British akan memberi pertimbangan yang positif terhadap permintaan-permintaan yang telah kita kemukakan kepada mereka itu.

Berhubung dengan operasi bersama dengan North West Orient bagi perkhidmatan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, saya ingin memaklumkan bahawa operasi bersama itu telah tidak dapat diteruskan kerana tiada persetujuan dari pihak Kerajaan Jepun. Bagaimanapun, saya sukalah menyatakan di sini bahasa rundingan-rundingan dengan Kerajaan Jepun dan Kerajaan Amerika Syarikat bagi mendapatkan hak-hak trafik yang diperlukan untuk operasi bersendirinya MAS ke Amerika Syarikat telah pun dapat kita selesaikan baru-baru ini

dengan adanya persetujuan daripada Kerajaan Jepun dan Amerika Syarikat di atas permintaan-permintaan yang dibuat oleh pihak Malaysia.

Buat masa ini MAS sedang merancang untuk memulakan operasi sendirinya ke Amerika Syarikat melalui Tokyo bagi pelaksanaan pada pertengahan 1986.

Sementara menunggu bermulanya operasi sendiri oleh MAS itu, Kerajaan telah pun bersetuju membenarkan North West Orient memulakan perkhidmatannya di antara San Francisco melalui Tokyo ke Kuala Lumpur dan juga sebaliknya mulai dari bulan Mei, 1985 ini.

Pihak MAS akan turut serta dalam operasi North West ini melalui satu aturan, dengan izin, inter-line and marketing arrangement, bagi tujuan menentukan MAS akan dapat membuat perkembangan rangkaian perkhidmatan antarabangsanya, pihak Kerajaan akan terus merundingkan dengan pihak Kerajaan-kerajaan tertentu untuk mendapatkan hak-hak trafik yang diperlukan oleh MAS.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa masalah rundingan permintaan menambahkan penerbangan kelima ke London telah mengambil masa yang begitu panjang tanpa mendapat satu penyelesaian yang adil untuk syarikat MAS, saya suka bertanya Timbalan Menteri berkenaan, sama ada Kerajaan bercadang melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membangkitkan perkara ini apabila Perdana Menteri British melakukan lawatan ke Malaysia pada minggu ini memandangkan bahawa saya berpendapat adalah sangat perlu supaya perkara ini hendaklah disampaikan ke peringkat atasan.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kebiasaan bagi kedua-dua Perdana

Menteri membincangkan perkara-perkara yang tidak selesai di antara dua negeri itu dan saya yakin mungkin perkara ini juga akan dibincangkan.

## FAMA—HASIL PENYUSUNAN SEMULA

**14. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah pembaharuan besar yang dilakukan dalam penyusunan semula FAMA. Apakah sebenar masalah yang dihadapi oleh Agensi berkenaan dalam usaha mencapai objektif penubuhannya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, di bawah penyusunan semula FAMA baru-baru ini, tiga pembaharuan telah dilakukan bagi meningkatkan prestasi agensi ini dalam pemasaran hasil-hasil pertanian.

Pertama, strateginya disusun semula supaya ianya dapat menyediakan dan menyampaikan khidmat-khidmat sokongan pemasaran seperti permintaan dan penawaran, kadar harga borong dan runcit hasil-hasil keluaran utama dan sebagainya dengan lebih sempurna.

Di samping itu FAMA juga dikehendaki menyediakan kemudahan infrastruktur pemasaran di tempat-tempat strategik untuk menggiatkan penyertaan petani-petani dalam bidang pemasaran hasil-hasil keluaran mereka sendiri.

Kedua, memindahkan tugas-tugas urusniaga di peringkat ladang dari FAMA kepada pertubuhan peladang kawasan secara beransur-ansur supaya pertubuhan-pertubuhan peladang akan dapat mengambilalih peranan urusniaga FAMA ini pada tahun 1990.

Ketiga, organisasi FAMA yang juga disusun semula supaya peranan tiap-tiap bahagian di dalamnya dapat

diselaras dan disesuaikan dengan pembaharuan dasar dan strategi di atas.

Masalah utama yang dihadapi oleh FAMA ialah untuk menyediakan khidmat pemasaran yang cekap setanding dengan sektor swasta. Oleh kerana perusahaan pertanian adalah diusahakan secara kecil-kecilan di dalam suasana yang berbeza-beza, maka pemasaran yang berkesan hanya dapat diwujudkan sekiranya seluruh sistem pertanian dari peringkat pengeluaran hingga ke pemasaran hasilnya dapat disusun secara kemas dan berkesan dengan penglibatan semua pihak yang berkaitan.

#### INDUSTRI DI LUAR BANDAR—PELAKSANAAN

**15. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan dengan bersungguh-sungguh industri di kawasan luar bandar; jika ya, apakah keistimewaan dan kelonggaran yang boleh didapati dari agensi terlibat dengan pembangunan tersebut seperti di Baling/Sik/Padang Terap dan Grik.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan perindustrian, kita memang terdapat polisi Kerajaan untuk menyebarkan industri ke luar daripada pusat-pusat bandar ke kawasan-kawasan yang kurang maju dengan tujuan untuk mencapai pertumbuhan perindustrian yang seimbang di antara wilayah-wilayah.

Sehingga ini usaha-usaha Kerajaan untuk mengadakan industri di kawasan-kawasan luar bandar telah menunjukkan tanda-tanda yang menggalakkan. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan dasar

menyelerakkan industri dari pusat-pusat bandar ke kawasan yang kurang maju supaya mencapai pertumbuhan perindustrian yang seimbang di antara semua wilayah.

Dalam tahun 1984 misalnya sebanyak 214 buah projek perindustrian ataupun 28.6% daripada keseluruhan projek yang diluluskan adalah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju yang akan menyediakan sebanyak 17,980 peluang pekerjaan dengan jumlah pelaburan modal sebanyak \$1,552.6 juta.

Usaha-usaha Kerajaan untuk menarik industri ke kawasan-kawasan luar bandar adalah dilaksanakan melalui penyediaan galakan-galakan cukai yang lebih menarik di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968. Di bawah Akta ini, galakan-galakan cukai adalah ditawarkan bagi penubuhan projek-projek perkilangan dan tambahan kelonggaran cukai adalah diberikan kepada projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu yang diisytiharkan sebagai kawasan kurang maju. Sebagai contoh, syarikat-syarikat yang menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan "locational incentive", dengan izin, berpeluang untuk menikmati kelonggaran cukai antara 5 hingga 10 tahun berbanding dengan kelonggaran cukai yang dapat dinikmati antara 2 hingga 6 tahun, sekiranya projek yang sedemikian ditempatkan di luar kawasan tersebut. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang diberikan galakan Taraf Perintis dan Kelonggaran Cukai Penggunaan Buruh, adalah juga layak untuk mendapatkan tambahan kelonggaran cukai selama satu tahun lagi sekiranya projek-projek tersebut ditempatkan di kawasan-kawasan pembangunan. Dalam kes Kredit Cukai Pelaburan umpamanya, projek-projek yang

ditempatkan di kawasan-kawasan pembangunan adalah layak untuk menikmati tambahan kredit ke atas perbelanjaan pelaburan sebanyak 5% lagi.

Di samping galakan-galakan cukai yang ditawarkan, Kerajaan juga terus berusaha bagi mempertingkatkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan yang kurang maju bagi memastikan kawasan-kawasan tersebut lebih menarik bagi penempatan projek. Kawasan-kawasan perindustrian yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik serta telekomunikasi adalah juga sedang dibangunkan di beberapa kawasan tersebut bagi melengkapkan dan mempercepatkan lagi penubuhan projek-projek perindustrian.

Walau bagaimanapun, satu kajian semula perlu dilakukan. Dan semasa merangka pelan induk perindustrian sekarang, industri-industri yang mempunyai daya hidup dan berpotensi akan dikenalpasti untuk digalakkan di kawasan-kawasan kurang maju. Serentak dengan ini juga pembukaan kawasan-kawasan perindustrian di kawasan-kawasan luar bandar perlu disesuaikan dengan keperluan sebenar supaya pembaziran ke atas perbelanjaan di dalam menyediakan berbagai kemudahan infrastruktur bagi kawasan-kawasan perindustrian dapat dielakkan. Bagi kawasan Baling dan kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu taraf pembangunan perindustrian sememangnya belum lagi menggalakkan. Cadangan telah dibuat supaya satu kawasan industri disediakan di Baling dan adalah diharapkan apabila tapak tersebut dapat dibangunkan oleh pihak Kerajaan Negeri menerusi perbadanan maka projek-projek yang sesuai akan dapat diusahakan supaya ditarik ke Baling.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sungguhpun kita mencapai beberapa kejayaan dalam dasar dan strategi kita hendak membawa kilang-kilang ke luar bandar, tetapi berbanding dengan matlamat dan hasrat serta masalah keperluan dasar ini bagi luar bandar, adakah itu memuaskan ataupun tidak? Dan berhubung dengan perkara ini, adakah betul ataupun tidak bahawa Kerajaan sekarang tidak lagi mahu menggalakkan penubuhan kawasan-kawasan kilang yang baru dan ini mungkinkah melibatkan kawasan-kawasan luar bandar. Kalau sebenarnya ada dasar yang macam ini, tidakkah ini akan menjejaskan . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** "Kalau", "sebenarnya" adalah dimisalkan, saya tidak boleh membenarkan soalan yang berikutnya. Saya rasa itu ada dua soalan . . . . .

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Boleh saya re-phrase, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, silakan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah berkenaan dengan kawasan kilang luar bandar ini, terdapat pada masa ini kekurangan kawasan-kawasan kilang, dikehendaki lebih banyak kawasan kilangan, langkah Kerajaan tidak hendak menggalak mendirikan lebih banyak kawasan kilang di luar bandar, tidakkah akan menjejaskan dasar penyelerakan kilang-kilang di luar bandar.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Pada umumnya, Tuan Yang di-Pertua, kita merasakan bahawa semenjak kita melancarkan pembangunan perindustrian dan menekankan aspek penyelerakan industri ke kawasan luar bandar, dan membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dengan pembangunan-pembangunan projek-projek seperti itu kita berpendapat bahawa setakat ini kesan-kesan positif telah pun dapat kita lihat dengan adanya pelaburan-pelaburan sama ada projek-projek besar ataupun sederhana di kawasan-kawasan yang pada satu ketika tidak dapat dibangunkan. Tetapi kalau kita melihat pada objektif nasional memanglah peratusan kejayaan kita adalah masih kecil dan dengan sebab itu kajian menyeluruh sedang dijalankan di bawah Projek Pelan Induk Perindustrian untuk mengkaji strategi pembangunan kawasan-kawasan luar bandar dari segi perindustrian sama ada apa yang telah pun kita lakukan sekarang ini memberikan kesan yang sehabis maksima ataupun ada strategi-strategi baru yang belum lagi kita wujudkan untuk memberikan kesan yang kita harapkan.

Dari segi aspek yang kedua, sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat, iaitu soal kita mungkin berlaku, bukan mengurangkan bilangan kilang-kilang ataupun pelaburan di kawasan luar bandar tetapi mungkin kita perlu mengkaji semula ke atas tapak-tapak industri yang telah pun disediakan sekarang ini. Kalau kita kaji bahawa kebanyakan Kerajaan Negeri begitu ghairah menyediakan tapak-tapak industri sehingga kawasan-kawasan yang terlalu ceruk dan tidak ada mungkin dapat kita tarik pelabur sampai bila-bila pun. Jadi, disebabkan keghairahan itu terdapat banyak kawasan-kawasan industri sehingga sekarang tidak ada dibangunkan apa-apa kilang.

Kita berpendapat mungkin strategi ini tidak begitu tepat. Sebab itu kita perlu menentukan sama ada perlu dikenalpasti satu kawasan yang habis baik dan mempunyai daya hidup dan kawasan itu diberikan tumpuan sepenuhnya dari segi kemudahan dan pada jangka panjangnya kita tidak akan mengurangkan jumlah pelaburan di kawasan luar bandar bahkan saya berpendapat dengan cara begitu mungkin kesan yang lebih banyak boleh kita capai. Soalnya ialah mengkaji semula strategi yang sudah sedia di dalam konteks perindustrian negara ini.

#### LESEN PENGANGKUTAN— PERMOHONAN

**16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan permohonan untuk lesen pengangkutan yang ditolak pada 1984 semata-mata kerana borang komputer baru tidak diisi oleh para pemohon dengan lengkap; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam membantu pemohon-pemohon mengisi borang komputer selaras dengan kehendak komputer.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan lesen pengangkutan yang ditolak pada tahun 1984 terus semata-mata disebabkan oleh borang komputer baru tidak diisi dengan lengkap oleh para pemohon ialah sebanyak 1,929 permohonan. Ini bermakna pemohon-pemohon tidak memberi maklumat-maklumat penting yang diperlukan untuk melayakkan mereka di senarai pendek untuk ditemuduga. Bilangan ini adalah untuk tempoh dari bulan Mei hingga bulan Disember tahun 1984 kerana sistem pengeluaran lesen

pengangkutan secara komputer hanya dimulakan, mula dilaksanakan oleh Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan pada 2hb Mei, 1984.

Dalam setiap jenis borang komputer yang digunakan sekarang sama ada LPPJ 1, LPPJ 2 ataupun LPPJ 3 memang telah tersedia ada panduan yang jelas mengenai tatacara mengisi borang berkenaan.

Panduan yang telah disediakan itu adalah bertujuan untuk membantu pemohon-pemohon mengisi borang dengan betul apabila mengemukakan permohonan mereka. Di samping panduan yang telah disediakan itu, Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan juga ada menyediakan kakitangan-kakitangan yang bertugas di kaunter pada setiap hari, iaitu dalam waktu pejabat untuk memberi nasihat dan menjawab sebarang pertanyaan dari pemohon-pemohon yang menghadapi apa-apa masalah berkaitan dengan pengisian borang komputer.

Selain daripada itu, sukalah saya memaklumkan bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan juga bercadang untuk mengkaji semula borang-borang komputer yang digunakan sekarang dan jika sekiranya perlu borang berkenaan akan dipinda, diubahsuai dan dipermudahkan lagi bagi tujuan mengatasi masalah pengisian borang yang tidak lengkap oleh para pemohon. Sungguhpun begitu, sukalah saya menegaskan bahawa pemohon-pemohon boleh memberi apa-apa juga keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat yang sewajar untuk menyokong permohonan-permohonan mereka itu dengan cara membuat satu laporan ataupun penjelasan ringkas secara bertulis iaitu sebagai maklumat tambahan.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab pihak Lembaga Pelesenan

begitu ghairah menolak dengan cepat pemohon-pemohon yang tidak lengkap, adakah Kementerian Yang Berhormat Menteri bercadang mengembalikan borang-borang yang berkenaan kepada para pemohon untuk membekal butir-butir yang dikehendaki supaya tidak mengakibatkan permohonan yang sama dibuat dua kali atau tiga kali.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau setiap pemohon itu benar-benar berminat hendak mendapatkan permit lesen dan benar-benar pula berminat untuk menjalankan usaha pengangkutan setelah dapat lesen, saya percaya orang-orang seperti itu akan meneliti daripada muka satu sampai muka akhir setiap borang yang kita sediakan dan bukan sahaja meneliti tetapi membaca dengan puas hati dan mencatatkan apa yang dikehendaki. Kebanyakan yang kita dapat ialah bila telah dapat borang itu cara sepintas lalu sahaja dibaca, jadi isi mana sempat sahaja, kadang-kadang tidak pun bertandatangan. Pada pendapat saya orang-orang seperti ini menunjukkan tidak minat, kalau tidak bertandatangan, tidak tulis nama betul dan sebagainya kita tidak bolehlah layan kerana kita memperoleh lebih daripada 3,000 pukul rata sebulan permohonan dan perlulah ada sistem penapisan. Pertama kalinya kita menapis dahulu yang mana nyata kurang minat ini dan kita senaraikan pendek untuk temuduga mereka yang menemui syarat-syarat asas. Dan seperti saya katakan tadi, jikalau ada masalah pihak Lembaga memang ada menyediakan kakitangan-kakitangan untuk membantu, cumanya pemohon mungkin tidak mahu menggunakan. Jadi, bila diisi cara gopoh-gapah misalnya besuk hendak jalankan lori, hari ini mohon, memanglah tidak akan lengkap. Jadi, saya harap dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana bila datang orang itu minta permohonan, disokong dan

sebagainya tolong bacakan sama dan tolong lengkapkan supaya tidak ditolak. Kita tidak ghairah menolak, bahkan sayang kalau hendak menolak tetapi terpaksa kerana mereka tidak mengisi peraturan-peraturan yang telah kita buat.

### **PENGUNDI-PENGUNDI PALSU DALAM PILIHANRAYA**

**17. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya berlaku pengundi-pengundi palsu di bandar-bandar besar dalam pilihanraya yang lepas, sehingga kepada 60,000 orang lebih; yang perbuatan ini telah menyebabkan terjejasnya demokrasi dan pemilihan yang adil dalam negara kita. Dengan pengesahan penipuan ini, apakah tindakan sewajarnya telah diambil oleh Kerajaan terhadap penipu atau kumpulan sendiket penipu yang tidak bertanggungjawab, yang dilakukan secara sedar dan berniat jahat, setelah hampa mempengaruhi rakyat dengan cara sihat dan adil dalam pemilihan di bandar-bandar besar.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soal terdapatnya pengundi-pengundi palsu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak timbul buat masa ini.

Sebenarnya, semasa urusan penyemakan daftar-daftar pemilih tahun 1984 Suruhanjaya Pilihanraya mendapati kira-kira 70,000 pemilih-pemilih berganda atau didaftarkan dua kali, kebanyakannya di bandar-bandar besar. Penggandaan ini tidak semestinya ada hubungan dengan sebarang percubaan untuk menipu Suruhanjaya Pilihanraya sungguhpun ada beberapa kes yang disyaki oleh Suruhanjaya bahawa orang-orang yang mendaftar dua kali itu berharap untuk mengundi di dua tempat. Walau bagaimanapun, beberapa orang pemilih yang mendaftarkan di dua

bahagian pilihanraya yang berdekatan di dalam negeri yang sama, Suruhanjaya Pilihanraya telah menghubungi mereka dan memberi amaran bahawa perbuatan itu adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman yang berat. Suruhanjaya yakin bahawa tidak wujud perbuatan untuk menipu Suruhanjaya Pilihanraya secara langsung oleh mana-mana badan politik di dalam urusan pendaftaran pemilih ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan tadi, adakah pernah berlaku di negara kita seorang pengundi mengundi dua kali oleh kerana ada lebih satu kali pendaftaran. Kalau ada, berapa kali perkara itu ada berlaku?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Setakat ini pihak saya tidak dapat laporan yang demikian daripada pihak Suruhanjaya dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui secara terperinci bolehlah saya menjawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 8, 10 dan 18 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).*

### **TANAH REZAB MELAYU**

**5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejak Kerajaan mengarah Kerajaan Negeri mengenai Tanah-Tanah Simpanan Melayu yang terlepas ke tangan orang-orang asing dan juga yang telah dijadikan tapak untuk projek-projek Kerajaan supaya digantikan balik. Setakat ini adakah Kerajaan-Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasinya, jika ya, berapa

buah Negerikah yang telah mengambil tindakan serta langkah-langkah tersebut.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Adalah menjadi kewajipan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan untuk menggantikan semula tanah-tanah rezab Melayu yang luas dan jenisnya sama dengan tanah-tanah yang telah dimansuhkan untuk kegunaan lain atau projek-projek kerajaan. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak mempunyai perangkaan yang kemaskini berhubung dengan tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam hal menggantikan tanah-tanah rezab Melayu yang telah dimansuhkan untuk kegunaan projek-projek kerajaan. Walau bagaimanapun berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa didapati pada 1hb Ogos, 1984 luas sebenar kawasan rezab Melayu yang telah dimansuhkan adalah 49,025 hekta (121,092 ekar) dan seluas lebih kurang 32,667 hekta (lebih kurang 80,687 ekar) tanah di beberapa buah negeri telah direzabkan sebagai tanah rezab Melayu sebagai menggantikan tanah-tanah rezab Melayu yang dimansuhkan untuk projek-projek kerajaan.

Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang meneruskan tindakan untuk menggantikan tanah-tanah rezab Melayu yang telah dimansuhkan dengan kawasan-kawasan lain.

#### **DAYABUMI—PENYEWAAN RUANG PEJABAT**

**8. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Awam memberi satu laporan mengenai penyewaan dan penggunaan ruang pejabat di Dayabumi dengan menyatakan bilangan tingkat yang disewa oleh

PETRONAS, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, sewa yang dibayar oleh mereka, bilangan tingkat yang masih kosong, dan nyatakan jumlah tahun yang dikehendaki untuk menebus balik kos pembinaan Dayabumi serta kemajuan yang dicapai dalam perundingan berhubung dengan penjualan Dayabumi kepada PETRONAS.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Ada terdapat 2 blok di Bangunan Dayabumi iaitu blok menara dan blok podium yang mengandungi 235 lot (keluasan lantai 65,052.5 meter persegi). Kesemua ruang-ruang pejabat di blok menara telah habis disewa oleh agensi kerajaan dan sektor swasta iaitu PETRONAS 27 tingkat (keluasan lantai 45,197.10 meter persegi), Kementerian Perusahaan Utama 3 tingkat (keluasan lantai 4,240 meter persegi), dan Daya Urus Sendirian Berhad serta Association of Tin Producing Countries (ATPC) 1 tingkat (keluasan lantai 835.65 meter persegi).

Terdapat beberapa ruangniaga dan pejabat yang masih kosong di blok podium 6 tingkat (termasuk tingkat bawah) yang mengandungi 111 lot. Sehingga 9 Mac 1985 sejumlah 48 lot di blok ini masih kosong. UDA sedang giat berusaha untuk memasarkan lot-lot ruangniaga dan pejabat yang masih kosong ini.

Di antara agensi-agensinya kerajaan dan sektor swasta yang menduduki lot-lot di blok podium ini ialah Majlis Dagangan Komoditi (CTC) (keluasan lantai 592.30 meter persegi), Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) (keluasan lantai 1,162.46 meter persegi), Kuala Lumpur Tin Market (KLTM) (keluasan lantai 153.40 meter persegi) dan Kuala Lumpur Commodity Clearing House (KLCCCH) (keluasan lantai 489 meter persegi). Pada keseluruhannya 94% dari ruang-ruang yang boleh disewa telah pun disewakan.

Bayaran sewa bulanan (termasuk bayaran perkhidmatan) yang dipungut daripada penyewa-penyewa agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta berkenaan ialah \$337,735.30 bagi agensi kerajaan dan \$1,760,614.55 bagi sektor swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jangkaan tempoh masa yang dikehendaki untuk menebus kembali kos pembinaan kompleks Dayabumi ialah 27 tahun berasaskan andaian bahawa keseluruhan ruang pejabat dan ruangniaga disewakan pada kadar sewa semasa.

Mengenai penjualan Kompleks Dayabumi kepada PETRONAS adalah dimaklumkan bahawa UDA telah pun membuat tawaran rasmi untuk menjualnya. Pada masa ini PETRONAS sedang mengkaji tawaran tersebut.

### **TOL LEBUHRAYA KARAK**

**10. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Daud** minta Menteri Kerja Raya menyatakan prasional di sebalik mengadakan dua pondok tol yang tidak jauh jaraknya di antara satu dengan lain seperti yang ada di lebuh raya Karak sekarang ini oleh kerana ini menyulitkan orang-orang yang tinggal di Bentong dan bekerja di Kuala Lumpur yang tidak serupa dengan orang-orang yang tinggal di Kajang dan bekerja di Kuala Lumpur menggunakan lebuh raya Kuala Lumpur Seremban.

**Dato' S. Samy Vellu:** Adalah dimaklumkan bahawa jarak di antara dua plaza tol di lebuh raya Kuala Lumpur-Karak ialah lebih kurang 40 km. Jarak ini adalah lebih kurang sama seperti yang terdapat di antara dua plaza tol di lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban. Jarak ini tidak boleh dikatakan dekat dan ada pula jalan keluar-masuk di antara dua plaza tol itu. Oleh itu pembinaan dua plaza tol di lebuh raya Kuala Lumpur-Karak

itu adalah bertujuan untuk menyenangkan serta memberi keadilan kepada pengguna-pengguna lebuh raya membayar tol sewajarnya. Jika sekiranya satu plaza tol sahaja diadakan sama ada berhampiran dengan Kuala Lumpur atau Bentong, maka terdapatlah di antara pengguna-pengguna lebuh raya itu yang terpaksa membayar tol sepenuhnya, walhal mereka hanya menggunakan sebahagian daripada lebuh raya itu sahaja. Sebaliknya, ada pula pengguna-pengguna yang tidak membayar tol walaupun mereka telah menggunakan sebahagian lebuh raya itu.

### **PERUSAHAAN IKAN AIR TAWAR**

**18. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha bagi memajukan Perusahaan Ikan Air Tawar di negara ini. Apakah galakan-galakan yang sedia ada dan yang sedang dirangka untuk bakal-bakal pengusaha.

**Dr Goh Cheng Teik:** Langkah-langkah positif yang diambil, melalui Jabatan Perikanan, ialah seperti berikut:

- (i) Memberi bantuan subsidi kepada penternak ikan untuk membina sebuah kolam ikan yang pertama.
- (ii) Membekal benih ikan air tawar percuma kepada penternak yang memohon pada kali pertama. Pada permintaan kali kedua dan berikutnya, Kerajaan mengenakan harga minima iaitu 5 sen seekor.
- (iii) Memberi latihan selama 2 minggu kepada mereka yang berminat menjadi penternak ikan.

- (iv) Memberi latihan sebulan kepada mereka yang berminat dalam bidang pengeluaran anak ikan untuk dijual.
- (v) Melawat dan memberi nasihat teknik kepada penternak.

Selain daripada itu, pihak Bank Pertanian Malaysia juga bersedia memberi pinjaman kepada bakal-bakal pengusaha.

#### LAWATAN KE CHINA— KEBENARAN PEMOHON

**19. Dato Micheal Chen Wing Sum** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa pemohon-pemohon yang melebihi 65 tahun hanya dibenarkan melawat ke Negeri China hanya satu kali dalam hayat mereka tanpa apa-apa sebab yang khas seperti yang dikenakan oleh Kerajaan dan jika ya, sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk menurunkan umur itu ke paras yang lebih adil iaitu pada 55 tahun memandangkan purata tempoh hayat bagi lelaki di Malaysia kini adalah 62 dan bagi perempuan adalah 68.

**Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa setiap permohonan melawat Republik Rakyat China adalah berdasarkan kepada polisi lawatan antara kerajaan dengan kerajaan (Government to Government Policy) dan bukannya dengan dasar hubungan rakyat dengan rakyat (People to People Policy). Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi pertimbangan dengan adil dan saksama terhadap permohonan-permohonan melawat Republik Rakyat China yang bertujuan untuk berubat dan melawat saudara-mara rapat. Cuma pemohon yang berumur melebihi 65 tahun ke atas layak dipertimbangkan bagi tujuan melancong untuk sekali seumur hidup.

Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa mengkaji dari masa ke semasa berhubung dengan dasar lawatan ke negara tersebut.

#### LAWATAN KE CHINA— MELONGGARKAN KAWALAN

**20. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada memandangkan lawatan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat ke Republik Rakyat China, Kerajaan akan:

- (a) melonggarkan kawalan perjalanan ke Republik Rakyat China; dan
- (b) membenarkan rakyat mengadakan perdagangan langsung dengan Republik Rakyat China.

**Dato Musa Hitam:** Soalan ini adalah sama atau hampir sama dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Y.B. dari Seremban yang mana telah pun saya jawab pada 29hb Mac, 1985 yang lepas. Saya tidaklah bercadang untuk memberi apa-apa penjelasan mengenai soalan ini.

#### MAS KE LONDON— PENERBANGAN TAMBAHAN

**21. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa pihak British Airways enggan memenuhi permintaan MAS untuk menambahkan penerbangan MAS ke London. Berapakah penerbangan British Airways ke Malaysia dalam seminggu dan berapa penerbangan MAS ke London dalam seminggu. Adakah bilangan penerbangan masing-masing seimbang.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Perjanjian Udara di antara Malaysia dan United Kingdom yang ada pada masa ini membolehkan MAS dan

British Airways masing-masing mengadakan sebanyak 4 penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan London. Selaras dengan Perjanjian ini MAS dan British Airways mempunyai jumlah penerbangan yang seimbang pada jalan tersebut iaitu 4 penerbangan B747 seminggu oleh MAS dan 4 penerbangan B747 oleh British Airways.

Bagi penerbangan tambahan berikutnya iaitu penerbangan kelima. Perjanjian itu membolehkan MAS dan juga British Airways masing-masing mengadakan penerbangan tambahan yang kelima itu sekiranya terdapat pencapaian "joint seat factor" yang melebihi paras 67%. Seajar dengan syarat tersebut, Malaysia telah memohon kelulusan Kerajaan British untuk MAS melaksanakan penerbangan kelima kerana mengikut perangkaan terafik, MAS telah memenuhi syarat yang berasaskan kepada pencapaian peratus "joint seat factor" itu. Walau bagaimanapun, kerajaan British belum lagi bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh pihak Malaysia itu dan dengan demikian telah tidak memberi kelulusan kepada MAS untuk mengadakan penerbangan tambahan itu.

#### PELABURAN ASING—GALAKAN

**22. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah Kerajaan ambil dan insentif-insentif yang diberi untuk memajukan Investment Luar ke dalam negara kita.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yasin:** Sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat pelaburan asing telah dan akan terus memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan ekonomi kita. Berdasarkan hakikat ini, beberapa langkah positif telah pun diambil oleh

Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing ke Malaysia. Di antara langkah-langkah ini ialah:

- (i) Mengadakan rombongan-rombongan penggalakan pelaburan ke seberang laut bukan sahaja ke negara yang pada dasarnya "capital exporting" tetapi juga kepada negara-negara "baru" di mana telah terdapat peningkatan tahap teknologi di dalam industri-industri mereka. Rombongan-rombongan ini juga akan menumpukan penggalakan terhadap industri-industri tertentu, di mana Malaysia mempunyai "comparative advantage".
- (ii) Memperbaiki iklim pelaburan melalui pemberian galakan-galakan fiskal dan lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu untuk menarik lebih pelabur-pelabur asing. Ketika ini pelabur-pelabur asing layak mendapat galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan yang memberi Galakan Taraf Perintis, Galakan Tempat Kedudukan, Galakan Kredit Cukai Pelaburan. Galakan Eksport dan lain-lain. Seterusnya keadaan kawasan-kawasan perindustrian yang wujud akan diperbaiki bagi menentukan adanya semua kemudahan-kemudahan asas yang diperlui seperti air, elektrik, telefon dan lain-lain. Di mana sesuai dan perlu kawasan-kawasan perindustrian yang baru juga akan dibuka untuk keperluan pelabur-pelabur asing.

Kerajaan senantiasa meneliti iklim pelaburan ini dan kajian-kajian yang tertentu juga dijalankan untuk memastikan galakan-galakan serta kemudahan-kemudahan yang diberi adalah berkesan dan akan dapat

menarik pelabur-pelabur asing. Penyediaan Pelan Induk Perindustrian serta kajian-kajian mengenai galakan gunatenaga dan lain-lain, yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan adalah di antara langkah-langkah yang diambil, untuk membantu Kerajaan mewujudkan iklim-iklim pelaburan yang menarik.

### PEGAWAI GAJI ANGKATAN TENTERA

**23. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah Pegawai Gaji (Pay Master) Angkatan Tentera dari tahun 1978 hingga 1984 yang telah diambil tindakan "Court Martial" kerana tidak beramanah semasa menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Pegawai Gaji; dan
- (b) berapa jumlah wang yang terlibat di dalam tiap-tiap kes.

**Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Dari 1978 hingga 1984 seramai 11 orang pegawai gaji Angkatan Tentera yang terlibat dengan perbuatan menyalahguna wang kerajaan telah diambil tindakan, oleh Mahkamah tentera dan Mahkamah Awam.
- (b) Jumlah wang yang terlibat di dalam kejadian tersebut ialah sebanyak \$520,441.76.

### PERTUKARAN PEGAWAI- PEGAWAI POLIS

**24. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah dasar pertukaran pegawai-pegawai pasukan keselamatan dari satu tempat ke satu

tempat sama ada kerana kenaikan pangkat atau lainnya dan adakah kerajaan sedar bahawa ada pegawai keselamatan yang bertugas di satu tempat lebih dari 15 tahun.

**Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Adalah menjadi dasar Pasukan Polis Diraja Malaysia menentukan pertukaran pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya menurut perancangan tenaga kerja yang teratur bagi menjamin kecekapan dan kepentingan perkhidmatan sentiasa terpelihara.

Peruntukan pegawai-pegawai dan anggota-anggota adalah dibuat atas pertimbangan dasar tersebut yang antara lainnya kerana kenaikan pangkat. Di samping itu pertimbangan kemanusiaan juga turut diambilkira.

Kerajaan sedar terdapat anggota-anggota polis yang bertugas lebih daripada 15 tahun di sesuatu tempat. Keadaan ini berlaku kerana keperluan dan kepentingan perkhidmatan.

### BAHAN MAKANAN DALAM TIN

**25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang mengenakan syarat supaya semua bahan-bahan makanan dalam tin sama ada yang dibuat di dalam negeri atau yang diimport membutirkan bahan ramuan dan juga tarikh akhir bahan itu layak digunakan. Adakah selama ini pernah didapati bahan-bahan yang tidak halal dimasukkan ke dalam makan dalam tin yang diedarkan kepada orang-orang Islam. Apakah tindakan yang boleh diambil jika didapati bahan itu masih dijual di pasaran terbuka.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Buat masa ini Kementerian saya sedang menggubal Peraturan Makanan di bawah Akta Makanan 1983 di mana semua bahan-bahan makanan dalam tin, sama ada buatan

dalam negeri atau yang diimport, diwajibkan membutuhkan bahan-bahan ramuan serta penggunaan tarikh akhir ke atas makanan tersebut. Peraturan ini diharap dapat diamalkan seberapa segera yang boleh.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian saya untuk membuat pemeriksaan dan analisa terhadap makanan yang diedarkan kepada orang ramai sama ada orang Islam atau bukan Islam dari segi kesihatan. Pada masa sekarang Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Mengkaji Barang Makanan, Minuman dan Gunaan Orang Islam yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada ajensi-ajensi Kerajaan yang bersangkutan-paut. Di antara lain tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah membantu Kementerian ini dalam menentukan sesuatu barang minuman atau makanan itu halal ataupun tidak. Jika Jawatankuasa mendapati minuman/makanan tersebut haram sedangkan di label tersebut bertanda halal maka Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya pada pengusaha/pengimport yang berkenaan.

#### **PENOLONG PENDAFTAR PENGUNDI—LANTIKAN**

**26. Tuan Haji Nik Abd. Aziz bin Nik Mat** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar tentang tindak tanduk Kerajaan sekarang bertindak atas kehendak dan untuk kepentingan UMNO dan Barisan Nasional bukan atas dasar kepentingan rakyat dan Negara seluruhnya, hatta dalam melantik A.R.O. (Penolong-penolong Pendaftar Pengundi-pengundi) yang di bawah kuasa Suruhanjaya Pilihanraya pun dilantik dari orang-orang kuat UMNO/Barisan Nasional.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Saya tidak sedar tentang dakwaan Ahli Y.B. ini. Gerakan Pendaftaran Pemilih sentiasa dijalankan tiap-tiap tahun oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan teratur dan jaya. Belum ada aduan yang diterima bahawa ada rakyat negara ini yang ingin mendaftar tetapi telah dihalang untuk berbuat demikian atas sebab fahaman politik masing-masing. Sekiranya ada ahli-ahli UMNO dilantik menjadi Penolong Pegawai Pendaftaran oleh Suruhanjaya Pilihanraya, ianya mungkin secara kebetulan sahaja kerana amatlah sukar untuk menapis bilangan petugas sementara yang jumlahnya 11 ribu orang. Juga dari jumlah itu saya yakin bahawa terdapat penyokong parti-parti lain selain daripada parti komponen Barisan Nasional yang telah bertugas membantu Suruhanjaya Pilihanraya.

Di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, seperti kita ini, tiap-tiap rakyat adalah bebas untuk berpihak kepada mana-mana pertubuhan politik. Maka soal memilih rakyat tak berpihak kepada mana-mana badan politik adalah sesuatu yang amat sukar. Soal pokok ialah bahawa tidak ada sesiapa yang telah teraniaya dalam urusan pendaftaran pemilih ini dan tiap-tiap warganegara yang layak telah mendapat haknya.

#### **RANCANGAN MALAYSIA KELIMA—TUJUAN**

**27. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Kerajaan sedang menyediakan rancangan-rancangan bagi Rancangan Malaysia Kelima; apakah tujuannya Rancangan Kelima dan sama ada benar Kerajaan membenarkan orang awam memberi pendapat-pendapat mereka mengenai rancangan tersebut.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa menyediakan rancangan-rancangan lima tahun dari masa ke masa. Oleh itu, adalah benar bahawa sekarang Kerajaan sedang menyediakan Rancangan Malaysia Kelima. Seperti rancangan-rancangan yang lepas, Rancangan Malaysia Kelima bertujuan meningkatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi negara supaya semua rakyat Malaysia dapat hidup dengan lebih sempurna dan mewah serta perpaduan negara diperkukuhkan lagi. Mengenai penyediaan rancangan tersebut, seperti pada masa yang lepas, pihak Kerajaan sentiasa mengambilkira pendapat-pendapat awam yang diperolehi menerusi berbagai saluran seperti media massa, forum, seminar dan lain-lain.

### SISTEM PUNGUT ZAKAT

**28. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan benarkah Kerajaan sedang mengkaji suatu akta bagi mengemaskinikan lagi Sistem Pungutan Zakat di negara ini, jika benar:

- (a) bilakah agaknya akta itu akan dapat dibentangkan di Dewan ini; dan
- (b) berdasarkan Sistem Pungutan Zakat yang ada sekarang ini sejauh manakah prestasi yang dicapai oleh tiap-tiap negeri di Malaysia, jika dibandingkan dengan jumlah sebenar yang patut diperolehi pada tahun 1983 dan 1984.

**Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Noor:** Adalah benar bahawa pihak Kerajaan sedang mengkaji satu akta bagi mengemaskinikan lagi Sistem Pungutan Zakat di negara ini. Untuk tujuan ini Bahagian Agama Jabatan

Perdana Menteri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pentadbiran Zakat sejak dari tahun 1983 lagi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh seorang menteri dan ahlinya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai agama dari Jabatan Agama Islam seluruh Malaysia serta wakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan beberapa orang Alim Ulama Malaysia.

Jawatankuasa ini juga membincangkan untuk mengadakan satu akta mengenai Sistem Pentadbiran Zakat yang akan diseragamkan seluruh Malaysia. Akta tersebut kemungkinan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada awal tahun 1986.

Berdasarkan kepada Sistem Pungutan Zakat yang ada sekarang, prestasi pentadbiran hal ehwal zakat adalah di peringkat sederhana. Pada keseluruhannya pentadbiran zakat pada masa ini masih tertumpu kepada zakat fitrah sahaja. Walau bagaimanapun zakat-zakat yang lain terutamanya zakat perniagaan dan harta akan diberi perhatian yang sewajarnya di masa hadapan supaya jumlah pungutan zakat yang sepatutnya dapat diketahui.

### PADI—DASAR PERTANIAN NEGARA

**29. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pertanian menyatakan apa-apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi di dalam negara untuk mencapai tujuan Dasar Pertanian Negara; sudah dapat dikenalpastikan kawasan-kawasan baru yang sesuai untuk ditanam padi yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi bagi menjamin pendapatan penanaman padi.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Di bawah Dasar Pertanian Negara pengeluaran padi

akan dipertingkatkan melalui penyediaan dan peningkatan kemudahan parit dan taliair di kawasan-kawasan jelapang padi yang sedia ada dan lain-lain kawasan perairan yang mempunyai potensi untuk tanaman dua kali setahun dengan penggunaan benih yang berhasil tinggi dan tahan penyakit serta amalan pertanian moden. Buat masa ini, Kerajaan menggalakkan petani-petani padi mengusahakan tanah mereka mengikut pengurusan secara estet atau kelompok supaya mereka boleh memaksimumkan penggunaan kemudahan infrastruktur dan penggunaan input yang berekonomik, di samping meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran padi dan mengurangkan kos pengeluaran. Menyentuh soal kawasan-kawasan baru untuk tanaman padi, penumpuan Kerajaan sekarang adalah untuk mempertingkatkan pengeluaran di sembilan kawasan-kawasan pengairan utama atau lebih dikenali sebagai kawasan jelapang padi. Kawasan tersebut ialah Barat Laut Selangor, KADA, Besut, Krian/Sungai Manik, MADA, Rompin-Endau, Seberang Prai, Seberang Perak dan Kemasin Semarak.

### GRADUAN SAINS UNIVERSITI TEMPATAN MENGGANGGUR

**30. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar kesulitan graduan-graduan dari Universiti-universiti di Malaysia, khasnya Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya yang telah berkelulusan di awal tahun 1984 dengan ijazah Sains (Pelajaran) dan yang belum lagi dihantar untuk menjawat jawatan-jawatan tenaga pengajar oleh Kementerian ini sebagaimana di tahun-tahun yang lepas;

- (b) sama ada beliau sedar bahawa masih ada kekurangan guru-guru Sains, khasnya yang berkhususan dalam aliran Fizik dan Kimia di Perak dan berapakah jumlah kekurangan guru-guru berkelulusan di kedua-dua aliran Kesusasteraan dan Sains di seluruh Malaysia;
- (c) berapakah ramai guru-guru menganggur ini adalah graduan-graduan Kesusasteraan dan berapakah ramai adalah graduan-graduan Sains dan sama ada Yang Berhormat Menteri dapat memberi pecahan mengikut kaum golongan-golongan guru-guru menganggur ini yang juga memiliki ijazah Pelajaran ataupun Diploma Pelajaran; dan
- (d) apakah langkah-langkah positif akan diambil supaya graduan-graduan ini diambil bekerja secepat mungkin kerana mereka telah dilatih dalam suatu bidang yang tidak begitu sesuai untuk sektor swasta dan ramai antara mereka sekarang adalah menghadapi tekanan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang diluluskan kepada mereka semasa pengajian mereka.

Kebanyakan jentera-jentera ini tidak boleh dipakai lagi oleh kerana ianya terlalu buruk serta telah mengalami kerosakan yang besar dan kesukaran mendapat alat-ganti yang sesuai baginya. Manakala ada sebahagian kecil pula yang merupakan saki-baki jentera-jentera yang telah digunakan bagi projek-projek pembinaan lebuhraya Timur/Barat

**Dato' Dr Ling Liong Sik:**

- (a) Kementerian Pelajaran memang sedar akan adanya beberapa orang graduan Sains

lepasan tahun 1984 yang masih lagi belum ditempatkan di mana-mana sekolah sebagai tenaga pengajar. Mereka ini terdiri dari graduan yang tiada ikatan perjanjian dengan Kerajaan. Mereka tidak ditempatkan ke sekolah-sekolah sepanjang tahun 1984 kerana segala peruntukan adalah untuk guru-guru yang ada ikatan dengan Kementerian Pelajaran, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan Negeri.

- (b) Kekurangan guru Sains di sekolah-sekolah pada awal tahun 1985 ini adalah merupakan kekurangan sementara sahaja iaitu menunggu siswazah-siswazah yang terikat dengan Kerajaan tamat pengajian mereka pada bulan April. Bagi negeri Perak khususnya kekurangan buat

sementara bagi guru Fizik ialah seramai 17 orang dan Kimia seramai 14 orang. Bagi seluruh Malaysia kekurangan guru berkelulusan aliran sastera ialah 1977 orang dan aliran Sains 519 orang. Kekurangan di atas akan dipenuhi mulai bulan April 1985, dengan mengutamakan guru-guru siswazah yang ada ikatan dengan Kementerian Pelajaran.

- (c) Untuk makluman Yang Berhormat semua graduan sastera yang layak telah ditempatkan kecuali seramai 147 orang graduan sains dan Matematik keluaran 1984 yang belum ditempatkan.

Dilihat dari segi pecahan kaum, guru-guru Sains dan Matematik yang ditempatkan itu ialah:

	Bumi-putera	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pendidikan B. Sc. . . . .	22	81	14	2	119
Diploma Pendidikan . . . . .	5	—	—	—	5
Diploma Sains dengan Pendidikan	23	—	—	—	23
<b>Jumlah . . . . .</b>	<b>50</b>	<b>81</b>	<b>14</b>	<b>2</b>	<b>147</b>

- (d) Kementerian Pelajaran sedang meneliti kemungkinan untuk melatih guru-guru Sains dan Matematik ini untuk mengajar lain-lain mata pelajaran. Ini bergantung kepada kesediaan dan kemampuan guru-guru tersebut mengajar mata pelajaran lain dari bidang sains serta kesediaan negeri-negeri untuk mengadakan kursus "Conversion" kepada guru-guru Sains dan Matematik untuk mengajar mata pelajaran jurusan sastera.

## PELAJAR SEKOLAH MENGHISAP ROKOK

**31. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang satu kajian dibuat oleh Utusan Consumer dalam bulan Mac, 1984 di Sekolah Menengah Kerajaan Lawas, Bahagian Kelima, Sarawak mengenai bilangan murid sekolah yang merokok di bangku sekolah dalam mana ada disebut bahawa satu daripada dua murid Tingkatan Lima di sekolah tersebut merokok ataupun pernah merokok

yang sebenarnya, gambaran ini menunjukkan keadaan yang sama dengan sekolah menengah lain di seluruh negara. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya keadaan ini tidak berlaku di bangku sekolah. Adakah Kerajaan bercadang supaya menjalankan kursus kesedaran tentang bahayanya rokok ini di sekolah-sekolah dan juga melalui Persatuan Guru dan Ibu Bapa tertentu; dan supaya iklan mengenai rokok yang sedia ada di TV sekarang dihentikan; jika tidak, mengapa.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran memang sedar terdapatnya sebilangan pelajar sekolah yang menghisap rokok. Perbuatan ini sebenarnya dilakukan oleh sebilangan kecil murid-murid sahaja dan tidaklah boleh dianggap sebagai manifestasi kepada semua sekolah di negara ini. Walau bagaimanapun perbuatan menghisap rokok di kalangan murid adalah dianggap sebagai kesalahan disiplin dan boleh dikenakan tindakan disiplin. Pihak sekolah diberi kuasa dan ada peraturan-peraturan tertentu untuk mengenakan hukuman disiplin terhadap murid-murid yang menghisap rokok.

Bagi mencegah perbuatan merokok di kalangan murid-murid pengawasan dan kerjasama dari semua pihak termasuk ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat juga diperlukan.

Di antara langkah-langkah seterusnya yang dijalankan bagi mencegah perbuatan menghisap rokok di sekolah-sekolah ialah:

- (i) Guru-guru dilarang menghisap rokok di bilik darjah atau bilik-bilik yang dijadikan bilik darjah.
- (ii) Menjalankan kempen anti merokok di semua sekolah.

- (iii) Menggunakan perhimpunan untuk menegaskan larangan merokok.
- (iv) Mengadakan bimbingan dan kerjaya di sekolah.
- (v) Kementerian Pelajaran juga telah mengeluarkan beberapa Surat Pekeliling ikhtisas bagi menegaskan lagi larangan merokok.

### TAR LEBUHRAYA SIMANGGANG—BINTULU

**32. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa jauhkah langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk mengetarkan lebuh raya yang hanya satu-satunya di Sarawak itu dari Simanggang ke Bintulu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Jalan raya dari Simanggang ke Bintulu adalah sebahagian daripada sistem jalan raya utama di Sarawak, iaitu dari Semantan ke Miri. Jalan raya sepanjang 898 km ini telah dibuka semenjak tahun 1982 lagi.

Walaupun bagaimanapun, adalah didapati bahawa lebih kurang 525 jalan raya tersebut perlu dinaikkan taraf, manakala lebih kurang 700 km patut ditarkan. Adalah dianggarkan kerja-kerja ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$770,897 juta. Usaha-usaha menaikkan taraf dan mengetar sistem jalan raya utama ini adalah diberi keutamaan bagi pembangunan jalan-jalan di Sarawak.

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan sememangnya menumpukan perhatian terhadap pembangunan jalan-jalan raya di Negeri Sarawak. Perkara ini telah dinyatakan beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Sarawak. Tambahan pula peruntukan bagi

projek-projek jalan dan jalan raya di Sarawak telah meningkat dari satu rancangan ke satu rancangan lima tahun negara. Oleh itu nyatalah bahawa kerajaan mengambil berat tentang usaha-usaha untuk memajukan lagi kemudahan perhubungan di antara bandar-bandar demi untuk kepentingan rakyat Sarawak.

Sehubungan dengan ini, sepanjang 1,217 km jalan akan diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan dan digezetkan sebagai jalan Persekutuan. Jalan raya dari Simanggang ke Bintulu itu adalah sebahagian daripada jalan-jalan yang akan diambilalih. Dengan itu Kerajaan Persekutuan boleh menumpukan perhatian dan kewangan untuk meningkatkan lagi taraf jalan-jalan raya di Negeri Sarawak.

### DASAR BARU PERUSAHAAN

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah satu dasar baru perusahaan akan dilancarkan memandangkan hasil yang diperolehi oleh Bank Dunia dan Bangsa-bangsa Bersatu dalam laporan terakhirnya bertajuk "Malaysian Industrial Studies Project" bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan, dasar-dasar dan insentif-insentif cukai yang sedia ada tidak menggalakkan kemajuan perusahaan-perusahaan berasaskan eksport (export industries).

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Dasar-dasar Kerajaan yang memberi kesan ke atas pembangunan industri-industri dalam negara sentiasa dikaji semula oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk membantu Kerajaan dalam menggubal strategi-strategi baru bagi pembangunan perindustrian, Kerajaan dengan bantuan Bank Dunia telah melaksanakan satu projek yang bertajuk "Malaysian Industrial Policy

Studies Project" yang bertujuan untuk mengkaji semula, antara beberapa isu, kekesanan galakan-galakan fiskal dan perlindungan tarif ke atas pembangunan industri-industri dalam negara ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang melaksanakan Pelan Induk Perindustrian (Industrial Master Plan) dengan bantuan Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO). Pelan ini akan menggariskan program bagi pembangunan perindustrian dan menyediakan asas bagi pembangunan sektor perkilangan dalam bentuk yang tersusun dan seimbang dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pelan ini juga akan mengenalpasti industri-industri untuk penggalakkan eksport dan penggantian import. Pelan ini dijangka akan siap dalam bulan Jun tahun ini.

Dengan kajian-kajian ini, Kerajaan berharap dapat merancang arah untuk pembangunan perindustrian untuk masa depan dan memperkenalkan strategi-strategi baru serta perubahan-perubahan kepada dasar-dasar yang sedia ada untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang diharapkan.

### SENJATAPI HARAM DI SABAH

**34. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan situasi penemuan senjatapi di kalangan orang-orang asing di Sabah telah meningkat dan sampai ke tahap serius, sama ada Akta Senjatapi akan diperluaskan ke negeri Sabah; jika tidak, mengapa.

**Dato Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penemuan senjatapi haram di kalangan orang-orang asing di Sabah tidaklah begitu serius. Semenjak tahun 1981 hingga sekarang pihak

polis telah berjaya memberkas seramai 82 orang rakyat asing dan merampas 41 pucuk senjata api haram. Pihak kerajaan sentiasa mengambil langkah yang sesuai untuk membentasi penyeludupan senjata api ke negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia termasuk Sabah semenjak 1-10-1971.

### **BANK PERDAGANGAN/SYARIKAT KEWANGAN—HUTANG LAPUK**

**35. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun hutang lapuk yang ditanggung oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan setakat 31-12-1984 dan sebab-sebab utama berlakunya hutang-hutang lapuk seumpama itu dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan balik hutang-hutang lapuk itu.

**Tuan Daim Zainuddin:** Jumlah hutang lapuk bagi bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan setakat 31-12-84 belum lagi diperolehi pada masa ini oleh kerana penyata kewangan bagi beberapa institusi kewangan bagi tahun 1984 belum lagi selesai diaudit. Bagi tahun 1983 jumlah peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu dalam buku bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan masing-masing adalah sebanyak 4.2 peratus dan 0.6 peratus dari jumlah pinjaman pada penghujung tahun 1983 (1.4 peratus dan 0.7 peratus masing-masing dalam tahun 1982).

Bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan membuat peruntukan hutang lapuk dan ragu sebagai satu langkah yang "prudent" dan supaya pinjaman-pinjaman yang dinyatakan dalam akaun mereka

mencerminkan kedudukan sebenar mengenai nilai pinjaman-pinjaman itu. Pertambahan dalam peruntukan hutang lapuk dan ragu kebelakangan ini mencerminkan pada dasarnya pertambahan yang pesat bagi pinjaman-pinjaman di dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan kesan-kesan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang perlahan berikutan dari kemelesetan ekonomi dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh institusi-institusi kewangan untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman mereka termasuklah menghantar peringatan-peringatan, tindakan undang-undang, penebusan cagaran pinjaman dan juga tindakan terhadap penjamin-penjamin yang menjamin pinjaman tersebut.

### **PENERBITAN RISALAH-RISALAH**

**36. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) adakah Yang Berhormat Menteri sedar iaitu terdapat risalah-risalah yang dikeluarkan tanpa kelulusan Kementerian Dalam Negeri oleh pihak-pihak tertentu seperti dari parti-parti pembangkang dengan tujuan menghasut rakyat. Jika sedar berapakah jumlah risalah yang telah dapat dikesan sejak tahun 1982 hingga sekarang; dan

(b) adakah Yang Berhormat Menteri sedar satu risalah bertajuk "Peristiwa Berdarah di Lubuk Merbau" telah disebar di dalam negeri dan luar negeri bagi tujuan menghasut rakyat. Apakah Kerajaan telah dapat mengesan pengeluaran dan penulis serta pihak-pihak berkenaan yang terlibat. Apakah sikap dan tindakan Kerajaan mengenai perkara ini.

**Dato Musa Hitam:**

- (a) Kementerian Dalam Negeri sedar dan sentiasa mengawasi ke atas risalah-risalah yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak jua di negara ini. Mengikut undang-undang yang ada sekarang, penerbitan risalah-risalah tidak perlu mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu sebelum ianya diterbitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya risalah-risalah tersebut ada mengandungi bahan-bahan yang prasangka dan boleh mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara maka tindakan boleh diambil di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ataupun Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk mengharamkan risalah yang berkenaan.
- (b) Kementerian Dalam Negeri telah pun mengambil tindakan mengharamkan risalah yang bertajuk "Peristiwa Berdarah di FELDA Lubuk Merbau". Pengharaman yang berkuatkuasa mulai 14hb Mac, 1985 ini adalah meliputi percetakan, penerbitan, penjualan, pengedaran atau pemikiran risalah tersebut.

**"WATER POLLUTION" DI SUNGAI-SUNGAI SARAWAK**

37. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sampai sekarang apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil mengenai masalah "Water Pollution" di sungai-sungai di Luar Bandar Sarawak. Memandangkan kebanyakan daripada

sungai yang digunakan setiap hari itu mengalami pencemaran sampai tidak dapat diminum lagi.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Kementerian saya sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah pencemaran air di sungai-sungai di Negeri Sarawak melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap industri-industri yang melepaskan buangan-buangan serta pelepasan kumbahan di dalam sungai melalui peruntukan peraturan-peraturan seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977;
- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978; dan
- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979.

Punca-punca pencemaran air sungai di luar bandar Sarawak adalah dari aktiviti-aktiviti pembangunan tanah, perlombongan, pembalakan dan penternakan babi. Memandangkan aktiviti-aktiviti tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, Kementerian saya telah menyediakan beberapa garis panduan seperti berikut:

- (i) Garis-garis Panduan untuk Mencegah dan Mengawal Hakisan Tanah dan Kelodakan;
- (ii) Kod Amalan bagi Pemilihan dan Pengurusan Tapak Pelupusan Buangan; dan
- (iii) Garis-garis Panduan untuk Penempatan dan Pengezonan Industri-industri.

Panduan-panduan itu telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia untuk digunakan di bawah bidangkuasa masing-masing. Kementerian saya akan terus melaksanakan prosedur Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment) bagi projek-projek pembangunan. Tindakan ini merupakan salah satu alat perancangan yang memastikan pertimbangan alam sekitar dalam segala rancangan pembangunan supaya pelaksanaannya tidak mengakibatkan kesan-kesan buruk kepada alam sekitar termasuk pencemaran sungai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyambut baik akan garis panduan yang telah disediakan itu dan sedang mengikutinya berasaskan keupayaan dan kemampuan Kerajaan Negeri.

Pada keseluruhannya adalah didapati bahawa kualiti air sungai-sungai di Sarawak adalah baik. Walau bagaimanapun, terdapat air Sungai di kawasan pendalaman adalah keruh, akibat aktiviti-aktiviti yang saya telah saya sebutkan.

Kementerian saya sentiasa bersedia memberi nasihat serta menyusuli kemajuan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usahasama mengatasi masalah pencemaran.

### LESEN BARANG TANPA CUKAI

38. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Bilangan Lesen bagi "Special Warehouse", tidak termasuk Lesen LMW, yang dikeluarkan kepada sektor swasta di negeri Pulau Pinang lima tahun yang lepas bagi menyimpan barang-barang tanpa cukai dan barang dalam transit:

- (b) Bilangan pemohon yang tidak berjaya dalam tempoh yang sama; dan  
(c) Nama firma-firma yang berjaya dalam permohonan dan nama pengarah-pengarahnya.

**Tuan Daim Zainuddin:** Untuk makluman Y.B., tidak ada jenis gudang yang dinamakan "Special Warehouse". Jenis gudang yang ada pada masa kini ialah:

- (1) Gudang awam;
- (2) Gudang persendirian; dan
- (3) Gudang khas.

Walaupun bagaimanapun gudang yang dibenarkan bagi menyimpan barang-barang tanpa cukai dan barang dalam transit ialah gudang awam. Pada masa ini, sebanyak lima buah gudang awam telah diluluskan untuk ditubuhkan di Pulau Pinang dan daripada jumlah tersebut empat buah telah pun beroperasi. Permohonan yang tidak berjaya ialah sebanyak empat. Syarikat-syarikat yang telah diberi kelulusan ialah:

- (1) Kontena Nasional Sdn. Bhd.;
- (2) Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang;
- (3) Syarikat Tanjung Bonded Warehouse;
- (4) Konsortium Perkapalan Bhd.; dan
- (5) Syarikat Bumidin Enterprise Sdn. Bhd.

Lembaga Pengarah gudang-gudang tersebut pula ialah:

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Nama Pengarah</i>
(1) Kontena Nasional Sdn. Bhd.	(1) Leslie Eu Peng Meng
	(2) Mohd. Zain Ahmad
	(3) Haji Rosle Mohd. Nawi
	(4) Datuk Ishak Tadin

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Nama Pengarah</i>
	(5) Tan Sri Abd. Jamil bin Abdul Rais
	(6) Mohd. Nazar Mohd. Yakin
	(7) Datuk Tajudin Ali
(2) Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang	(1) Datuk Abdullah Badawi
	(2) Samsuri Salleh
	(3) Tuan Haji Radzi Pachee
	(4) Datuk Syed Abbas Alhabshee
	(5) Mohd. Hanafi Haji Omar
	(6) Haji Yusof Helmi bin Shafie
	(7) Ahmad bin Salleh
	(8) Haji Hashim Hanafi
	(9) Haji Abdul Razak Husin
	(10) Ismail bin Din
	(11) Ismail bin Nagor
	(12) Mohd. Nor bin Long
	(13) Zainol bin Omar Osman
	(14) Syed Mohd. Aidid
	(15) Haji Mohd. Hashim
(3) Syarikat Tanjung Bonded Warehouse	(1) Abdul Rahman Kalam
	(2) Zabedah Mohd. Said
(4) Konsortium Perkapalan Bhd.	(1) Datuk Syed Abbas Alhabshee
	(2) Haji Abd. Rahim Sheikh Mohd.
	(3) Mohd. Nor Mohd Kamaluddin
(5) Syarikat Bumidin Enterprised Sdn. Bhd.	(1) Zainuddin Mohd.
	(2) Jamaliah binti Abdullah

#### LIMAU MANDARIN—IMPORT

**39. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa sesebuah syarikat

tinggal yang tidak mempunyai rekod trak dalam perdagangan dengan negara China diberi 85% daripada kuota untuk mengimport limau-limau mandarin dari China.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27-3-85. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

#### MAHKAMAH—KES KEBELAKANGAN

**40. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** meminta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk menyelesaikan kes-kes kebelakangan di mahkamah-mahkamah di semua peringkat, memandangkan kes-kes baru semakin bertambah.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menyelesaikan kes-kes kebelakangan di mahkamah di semua peringkat memandangkan kes-kes baru semakin bertambah ialah:

- (1) perlantikan bekas-bekas Pegawai Polis, Pegawai Pentadbir dan Diplomatik dan Pegawai-pegawai Pentadbir Negeri yang telah bersara dan berumur di antara 55 dan 60 tahun sebagai Mejistret secara kontrak untuk mengisi jawatan kosong;
- (2) penambahan 7 lagi jawatan Hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (3) kajian yang sedang dijalankan untuk menentukan sebab-kes kebelakangan bertambah bagi maksud mencari jalan untuk mengatasinya.

## BANK BUMIPUTRA—PINJAMAN LAPUK

**41. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada wujudnya satu masalah serius mengenai “pinjaman-pinjaman” lapuk dalam negeri yang ditanggung oleh Bank Bumiputra yang melibatkan berpuluh-puluh juta ringgit yang dipinjamkan kepada orang-orang perseorangan, ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai pentadbir kanan, kadangkala tanpa collateral, dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan terdapat amalan bank yang bersih dan sempurna dalam bank berkenaan supaya memulihkan keyakinan orangramai dalam Bank Bumiputra.

**Tuan Daim Zainuddin:** Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan pertanyaan ahli Yang Berhormat dari Seremban yang dijadualkan dijawab dalam Dewan ini pada 8hb April 1985. Ini memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah isu yang sama.

Sebagaimana yang saya nyatakan dalam Dewan ini pada 26hb Mac, 1985 mengenai persoalan dari ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, adalah tidak benar bahawa Bank Bumiputra Malaysia Bhd. menghadapi masalah pinjaman dalam negeri yang sama dan seburuk pinjaman yang dikeluarkan oleh anak syarikatnya, BMF (Hong Kong). Semua pinjaman-pinjaman Bank itu telah diberikan setelah kajian dan pertimbangan yang teliti dibuat. Kajian semula ke atas pinjaman-pinjaman itu sedang dan terus dibuat dari masa kesemasa. Adalah didapati jumlah pinjaman yang buruk adalah terkawal seperti juga di bank-bank yang lain. Peminjam-peminjam telah diberi satu masa yang sesuai untuk menyelaraskan pinjaman-pinjaman mereka. Untuk memastikan terdapat amalan bank yang bersih dan

sempurna dalam bank berkenaan, ahli-ahli Lembaga Pengarah serta jawatan-jawatan penting diberbagai Jabatan dalam Bank itu telahpun dirombak dan diganti dengan ahli-ahli yang mempunyai berbagai pengalaman dan dari berbagai bidang profession. Pinjaman-pinjaman “off-share” oleh cawangan-cawangan serta anak-anak syarikatnya diberhentikan dan disiplin ke atas pegawai serta kakitangannya juga diperketatkan.

## LIMAU MANDARIN—IMPORT

**42. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab Kementerianya mengeluarkan Permit Import kepada Syarikat Satria Utara untuk mengimport limau Mandarin daripada Republik Rakyat China pada hal syarikat tersebut belum lagi diperbadankan dan tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam perdagangan limau Mandarin.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27-3-85. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

## RUMAH KOS RENDAH YANG TERBENGKALAI

**43. Tuan Ibrahim Azmi Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar yunit-yunit rumah kos rendah yang masih terbengkalai gagal disiapkan mengikut jangkamasa yang sepatutnya; jika benar, apakah sebab-sebabnya dan berapa banyakkah

rumah-rumah yang masih terbengkalai di seluruh negara; dan berapa banyakkah jumlah wang yang dijangka rugi dengan sebab kegendalaan tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Neo Yee Pan):**

Memang benar ada sebahagian daripada yunit-yunit rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh pemaju swasta masih terbengkalai dan gagal disiapkan mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan. Daripada rekod Kementerian ini bilangan rumah-rumah swasta ini adalah sebanyak 1,305 yunit rumah yang melibatkan kos pembinaan sebanyak \$28.7 juta. Walau bagaimanapun daripada bilangan itu, sebanyak 725 yunit adalah di dalam peringkat pembinaan. Untuk makluman Yang Berhormat, faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan bagi menyiapkan rumah-rumah berkenaan di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) Pemaju menghadapi masalah pengurusan kewangan oleh kerana menyalahgunakan wang syarikat dan sebagainya.
- (ii) Pemaju berkenaan baru mula menceburkan diri dalam bidang industri perumahan dan dengan yang demikian, tidak mempunyai kepakaran serta pengurusan yang cekap.

**BAS SEKOLAH—PERMOHONAN**

**44. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan permohonan Bas Sekolah yang:

- (i) diterima;
- (ii) diluluskan; dan
- (iii) ditolak.

oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan pada tahun-tahun 1982, 1983 dan 1984.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Bilangan permohonan lesen bas sekolah yang diterima, diluluskan dan ditolak oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan pada tahun 1982, 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

Tahun	Terima	Lulus	Tolak	Baki Akhir Tahun
1982 ..	972	267	369	336*
1983 ..	1,037	317	675	45*
1984 ..	1,175	281	785	109*

*Nota:*

Baki akhir tahun di bawa ke tahun berikutnya untuk diselesaikan.

**LATIHAN DALAM PEPERANGAN ANTI-KAPALSELAM**

**45. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan respon Kerajaan Australia terhadap permintaan Malaysia untuk mendapat bantuan latihan dalam peperangan anti-kapalselam dan nyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan sebuah unit kapal selam dalam Tentera Laut di Raja Malaysia.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Berikutan dengan perbincangan di antara pihak Kementerian Pertahanan dengan Ketua Turus Tentera Laut Australia baru-baru ini, sambutan Kerajaan Australia terhadap permintaan Malaysia untuk mendapatkan bantuan Latihan Anti-Submarine Warfare (ASW) adalah menggalakan. Tentera Laut Australia bersedia membantu TLDM di dalam bidang ini apabila diperlukan. Berhubung dengan soalan kedua iaitu mengenai mengadakan sebuah unit kapalselam dalam Tentera Laut di Raja Malaysia perkara ini masih lagi dalam peringkat kajian.

**CUTI UMUM HARI THAIPUSAM**

**46. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan

bercadang mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti umum di Wilayah Persekutuan memandangkan begitu ramai rakyat Malaysia keturunan India menyambut perayaan tersebut di Wilayah Persekutuan.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada masa ini sudah mempunyai terlalu banyak hari cuti umum. Dalam tahun 1985 ini misalnya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai sebanyak 16 hari cuti umum. Jumlah ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain adalah terlalu tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan lagi bilangan hari cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D. Y. M. M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam." (29hb Mac, 1985).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong.

3.38 ptg.

**Dr Koh Tsu Koon (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk melanjutkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa hari kebelakangan ini kita telah kedengaran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pucuk pemimpin di negara kita sama ada di dalam ataupun di luar Dewan yang mulia ini, merayu kepada rakyat Malaysia, terutamanya ahli-ahli politik untuk menentang dan membanteras extremism, komunalisma dan cauvenisma, dan untuk mengambil satu pendekatan yang sederhana untuk memupuk perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu tanda yang positif dan menggalakkan kerana sudah terlalu lama negara kita ini dipengaruhi dan dikongkong oleh politik perkauman. Bolehlah dihujahkan bahawa politik perkauman ialah satu hakikat yang tidak dapat dielakkan akibat dari kewujudannya di negara kita ini berbilang kaum yang masing-masing mempunyai sejarahnya, kebudayaannya, agamanya dan sebagainya dan ianya juga merupakan akibat penjajahan secara pecah dan memerintah. Sebab itu ahli-ahli politik di negara kita ini terpaksa melayani keperluan masyarakat-masyarakat ataupun kaum-kaum yang berlainan dan memperjuangkan untuk hak mereka masing-masing. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang benar juga ialah seringkali oleh kerana persaingan yang begitu hebat untuk mendapatkan sokongan maka ahli-ahli politik berlumba-lumba di antara satu sama lain untuk menjadi jagoh (they tend to outdo one another to become heroes).

Dan dengan begini mereka berjajalah untuk mengipas dan meningkatkan lebih banyak perasaan perkauman daripada apa yang sebenarnya sedia wujud di kalangan rakyat. Maka politik komunalisma ataupun politik perkauman mewujudkan dan mendatangkan momentumnya sendiri dan perasaan perkauman ini kian meningkat sehingga ianya meletup menjadi satu krisis dan pada waktu itu mungkin rakyat akan menjadi lebih tenang tetapi selepas itu proses ini akan bermula semula. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya dapati bahawa kita terikat ataupun terkongkong dalam satu butaran ganas seolah-olah iaitu satu "vicious circle". Dan dalam perkara ini kita semua tanpa mengira sama ada kita berasal dari pihak pemerintah ataupun pihak Pembangkang mempunyai satu tanggungjawab yang sangat penting untuk memecahkan butaran ganas yang saya sebutkan tadi itu.

Terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah mengambil satu pendekatan ke Malaysiaian terhadap isu-isu dan masalah-masalah kebangsaan. Dengan pendekatan ini, saya bermaksud bahawa kita mestilah mengambil satu perspektif yang lebih luas, satu perspektif negara yang bukan terikat kepada satu kaum sahaja sungguhpun suatu isu yang kita memperjuangkan itu mungkin mempengaruhi ataupun mendatangkan kesan kepada satu kaum lebih daripada kaum yang lain. Dengan mengambil pendekatan ke Malaysiaian ini, kita mestilah mengkritik dan membanteras fahaman dan amalan perkauman tetapi apa yang lebih penting ialah dalam berbuat demikian kita sendiri janganlah terjatuh ke dalam dan terikat oleh fahaman itu, kita janganlah mengambil pendekatan perkauman untuk membanteras perkauman. Maka itulah merupakan harapan saya.

Ini lebih senang dicap tetapi sangat susah dipraktik, iaitu dengan izin, "it is more easily said than done". Oleh itu kita mesti menyoal kita sendiri semua adakah kita bersedia untuk memegang teguh kepada commitment kita kepada konsep kenegaraan dan kepada konsep yang lebih luas. Adakah kita bersedia untuk kerugian ataupun ketinggalan buat sementara waktu dalam persaingan untuk mendapatkan undi-undi dengan harapan bahawa usaha-usaha seumpama ini akan memberi sumbangan terhadap satu suasana yang lebih sihat pada amnya. Dan kita haruslah bertanya kepada kita sendiri sama ada kita bersedia untuk memulakan proses ini dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha seumpama ini sebenarnya tidak akan berjaya sekiranya dilaksanakan oleh seorang dua atau oleh satu pihak sahaja oleh kerana orang lain ataupun ahli-ahli lain akan cuba mengeksploitasikannya. Maka mungkin kita memerlukan satu persetujuan ataupun "gentlemen's agreement" di antara parti-parti politik, di antara semua pihak yang berkenaan untuk bersama-sama mengawal perasaan kita sendiri iaitu, dengan izin, to restrain ourselves dan mengurangkan ketegangan yang wujud di negara kita ini.

Maka "gentlemen's agreement" yang saya sebutkan tadi harus diadakan di antara parti-parti pemerintah dan juga di antara parti pemerintah dan parti pembangkang. Kita mungkin boleh memulakan dengan mengadakan dialog-dialog secara jujur, secara informal di antara parti-parti dan juga individu-individu, iaitu satu pertemuan ataupun dialog tanpa publisiti untuk membincangkan isu-isu yang penting dan sensitif. "Tanpa publisiti" kerana kita tidak dikehendaki untuk memandangi

kepada pengundi-pengundi, kita tidak dikehendaki untuk, dengan izin, "play to the gallery".

Mungkin sudah sampai masanya untuk diadakan satu Majlis Perundingan Kebangsaan ataupun Nasional Consultative Council seperti yang diadakan pada tahun 1970 selepas Peristiwa Mei 13. Janganlah kita tunggu sehingga teretusnya satu krisis ataupun satu darurat barulah kita mengadakan Majlis Perundingan untuk berunding di antara satu sama lain. Kita haruslah bersedia dan kita haruslah mengambil langkah yang positif sebelum perkara yang tidak diingini itu berlaku. Kita juga boleh mengadakan satu sistem jawatankuasa dalam Parlimen di mana isu-isu boleh dibincangkan secara tertutup di antara Ahli-ahli Parlimen sebelum ianya didebat ataupun dibahaskan secara terbuka dalam Dewan. Jawatankuasa ini boleh diorganisasikan mengikut Kementerian ataupun mengikut isu dan meliputi parti-parti pemerintah dan pembangkang.

Melalui pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli dalam Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Rang Undang-undang Dadah Berbahaya yang ditubuhkan baru-baru ini, saya dapati bahawa Jawatankuasa seumpama ini sebenarnya memberikan satu peluang yang sangat baik untuk pihak-pihak yang berlainan, untuk ahli-ahli dari parti-parti yang berlainan untuk bekerjasama, untuk bekerja sebagai satu kumpulan, untuk mengkaji sesuatu isu yang penting itu secara mendalam tanpa mengira apakah kesan-kesan politiknya dari segi undi-undi di kawasan sendiri.

Maka saya berharap bahawa cadangan seumpama ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Parlimen. Saya berharap bahawa segala ini akan mendapat sokongan kerana segala ini tidak akan berjaya sekiranya tidak ada

kejujuran, iaitu tidak ada sikap jujur di kalangan Ahli-ahli sebab kita selalunya cenderung untuk memperalatkan Parlimen untuk kepentingan politik kita sendiri. Kadang-kadang kita memutarbelitkan sesuatu isu, kita memperbesar-besarkan sesuatu untuk mendramatisakan, untuk mengusik Ahli-ahli yang lain sehingga bergaduh atau untuk sengaja tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat sehingga diusir. Adakah ini sepatutnya menjadi sikap Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab? Adakah ini menjadi sikap yang kita harus memegang untuk menjayakan proses demokrasi berparlimen negara kita? Saya ingat inilah soalan yang kita harus bertanya kepada kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk memajukan perpaduan tidak boleh diletakan di bahu ahli-ahli politik sahaja. Sebenarnya peranan perkhidmatan awam sangatlah penting. Ini adalah kerana ada ketikanya dasar-dasar Kerajaan ditafsir dan dilaksanakan secara sempti, rigid ataupun secara perkauman mengikut prejudis pegawai-pegawai yang tertentu dan bukan mengikut tujuan asal sesuatu dasar itu, iaitu seseorang pegawai dalam melaksanakan dasar kadang-kadang terpesong dan menyeleweng daripada prinsip keadilan. Ianya akan menimbulkan perasaan keciwa, perasaan tidak puas di kalangan orang yang tidak diberi layanan yang adil ini.

Kita boleh memberi beberapa contoh tetapi saya tidak bercadang untuk berbuat demikian kerana masanya singkat tetapi apa yang penting ialah sekiranya perkara seperti ini timbul, maka ianya sudah memang akan dieksploitasikan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Maka tindakan-tindakan kadang-kadang akan meniadakan ataupun "negate" usaha-usaha pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya bukan semata-mata mengkritik seluruh perkhidmatan awam ataupun mengkritik kesemuanya pegawai-pegawai kita kerana pada pendapat saya perkhidmatan awam negara kita pada amnya masih merupakan di antara yang lebih baik dan cekap di kalangan negara-negara yang sedang membangun. Akan tetapi, ini tidak bermakna bahawa kita tidak boleh memperbaikinya.

Maka saya ingin mengemukakan beberapa cadangan. Yang pertamanya, kita haruslah menanamkan kesedaran di kalangan semua pegawai Kerajaan supaya berkhidmat untuk semua rakyat dan bukan untuk satu golongan. Cogankata "Bersih, Cekap dan Amanah" itu harus ditambah perkataan "Adil dan Saksama". Kita harus menyedarkan pegawai-pegawai kita bahawa mereka harus menginterpretasikan dasar mengikut semangat yang asalnya. Itulah yang pertama.

Yang keduanya, saya bercadang supaya komposisi kaum di kalangan perkhidmatan awam harus disusun semula beransur-ansur supaya bukan sahaja mencerminkan komposisi kaum di negara kita tetapi supaya untuk membolehkan pegawai-pegawai di antara mereka sendiri dapat memahami dan dapat mengambil kira semua perspektif dan semua sensitiviti yang terlibat. Seperti yang telah saya cadangkan, ini boleh dicapai beransur-ansur tanpa menambah bilangan pegawai pada keseluruhannya iaitu kita boleh menggalakkan pegawai-pegawai bumiputra misalnya untuk mengambil bahagian di dalam sektor swasta dan di sebalik itu untuk menggalakkan yang bukan bumiputra menjawatkan jawatan di dalam pentadbiran Kerajaan.

Selain daripada itu, saya bercadang supaya perkhidmatan awam sentiasa mengadakan perundingan

(consultation) dengan rakyat umum terutamanya persatuan-persatuan yang berkenaan sebelum sesuatu undang-undang atau sesuatu peraturan baru dikuatkuasakan. Dalam ini, bolehlah kita mengikut atau mencontohi amalan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan sebelum Belanjawan tiap-tiap tahun disediakan di mana dialog-dialog diadakan dengan kumpulan-kumpulan dan persatuan-persatuan yang berkenaan. Maka melalui perundingan ini kita dapatlah mengurangkan salahfaham yang tidak diingini yang mungkin timbul nanti, iaitu kita dapat mengurangkan unnecessary misunderstanding.

Misalnya, dalam isu limau mandarin, saya berpendapat bahawa isu ini sebenarnya dapat dielakkan daripada dijadikan satu isu yang sensitif, satu isu perkauman sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan mengadakan dialog dengan pengimport-pengimport tradisional untuk menjelaskan dan menegaskan dasar Kerajaan terlebih dahulu. Sekiranya pegawai-pegawai itu dapat menyakinkan pihak pengimport bahawa dasar mengimport secara langsung itu harus dipraktik, ini akan mengurangkan salahfaham yang timbul nanti.

Selalunya sesuatu masalah berlaku barulah kita berunding. Bolehkah kita mengamalkan satu praktis yang baru di mana kita berunding terlebih dahulu sebelum masalah berlaku. Satu contoh lagi ialah mengenai pelaksanaan KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) di mana pada awal tahun ini Kementerian Pelajaran mengambil langkah untuk mengurangkan masa peruntukan untuk bahasa pengantar. Tetapi arahannya dikeluarkan pada pertengahan bulan Disember untuk dilaksanakan pada awal bulan Januari. Ini tidak memberikan masa yang cukup untuk pihak sekolah membuat persediaan dan ini juga tidak memberi

peluang dan masa yang mencukupi untuk semua pihak untuk membincangkan kebaikan dan keburukannya ataupun sekurang-kurangnya memberi peluang kepada pihak Kementerian untuk menyakinkan orang ramai bahawa langkah seumpama ini tidak akan menjejaskan mutu pelajaran.

Yang saya ingin merayu kepada pihak perkhidmatan awam ialah sentiasa bersedia untuk berunding. Benarlah bahawa perundingan ini memang akan mengambil masa yang panjang tetapi sekiranya ini dapat mengelakkan satu masalah yang timbul nanti yang akan membazirkan lebih banyak masa dan wang, maka biarlah kita melaksanakan, mempraktikkannya dan mengamalkannya demi kepentingan negara. Perundingan juga dapat menghasilkan faedah-faedah kepada Kerajaan kerana selalunya orang awam mempunyai cadangan-cadangan yang baik iaitu kita dapatlah mendapatkan atau memperolehi cadangan-cadangan dan idea-idea yang bernas dari semua pihak sebelum kita melaksanakan sesuatu.

Kita juga dapat mengesan dan juga menggalakkan inisiatif pihak swasta. Sebagai satu contoh, Kerajaan sentiasa menegaskan betapa pentingnya untuk memulih penagih-penagih dadah dan Kerajaan sendiri telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun untuk cuba memulih penagih dadah. Tetapi adakah Kerajaan mengambil kira usaha-usaha pihak swasta misalnya di Batu Gajah terdapat satu yayasan yang dinamakan Pusat Pertolongan Putra yang menjalankan proses pemulihan penagih dadah yang pada pendapat saya lebih berkesan daripada apa yang dipraktikkan oleh pihak Kerajaan. Bolehkah kita mencontohi atau kita mempelajari daripada pihak swasta mengenai perkara-perkara seumpama ini? Sebenarnya bagi pusat ini ongkos

untuk memulih seorang penagih itu ialah lebih kurang \$400-\$500 dan ini adalah lebih rendah daripada ongkos \$700 sebulan yang dibelanjakan oleh Kerajaan. Kadar kejayaannya adalah jauh lebih tinggi iaitu lebih kurang 30% hingga 40% kalau dibandingkan 10% yang didapati di pusat-pusat pemulihan Kerajaan. Maka kita haruslah cuba mewujudkan kerjasama di antara pihak ataupun sektor awam dengan sektor swasta supaya kita melalui perundingan dan kerjasama ini kita mewujudkan satu suasana yang lebih baik, kita menggalakkan penyertaan dari orang ramai supaya sistem demokrasi berparlimen kita menjadi lebih bermakna lagi dan supaya orang awam mempunyai kepercayaan terhadap sistem kita ini.

Saya sekarang ingin beralih kepada satu tajuk yang lain iaitu dalam Titah Ucapan Baginda, Beginda telah menasihatkan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah kekal menjadi tempat pertumbuhan semangat kebangsaan yang sihat dan membina, bukan dijadikan gelanggang pertentangan di antara berbagai-bagai golongan. Nasihat ini memang bernas dan tepat kerana pada berapa tahun kebelakangan ini pertentangan antara golongan-golongan dan juga perhubungan kaum di antara pelajar-pelajar di kampus telah menjadi satu tumpuan dan telah menarik perhatian serta membimbangkan pucuk pemimpin negara kita.

Dalam perkara ini, kita harus mencari punca-punca dan mengkaji sebab-sebab mengapa pusat-pusat pengajian tinggi menjadi gelanggang pertentangan seperti yang dikatakan oleh Baginda itu. Pada pendapat saya, sebenarnya terdapat beberapa punca ataupun sebab. Yang pertamanya ialah kerana wujudnya perbezaan konsep dan pendapat termasuk fahaman politik dan kepercayaan dan juga tafsiran agama di kalangan

pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar. Sebenarnya, perbezaan seumpama ini tidak akan menjadi masalah sekiranya ianya tidak menjadi melampau. Tetapi sekiranya kita tidak cuba untuk mewujudkan satu suasana yang positif dan sihat, kalau sekiranya unsur-unsur politik juga masuk ke dalam kampus untuk memperalatkan pelajar-pelajar dan juga golongan pensyarah, maka ini akan menjadi satu masalah. Saya berharap bahawa dalam kampus, isu-isu politik boleh dan harus dibenar dibincangkan tetapi dibincangkan dalam satu suasana yang sihat dan positif.

Sebab yang keduanya ialah persaingan yang begitu hebat untuk mendapatkan tempat di universiti tempatan. Ini menjadi lebih hebat dan bercorak perkauman dengan adanya sistem quota. Saya menyedari bahawa sistem ini ialah untuk membantu menambahkan bilangan pelajar bumiputera di universiti supaya melaksanakan dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Saya bukan mengatakan kita harus menghapuskan quota ini sama sekali kerana tidak dapat dinafikan bahawa sistem ini sudah mencapai kejayaan yang tertentu dari segi bilangan pelajar-pelajar bumiputera yang diberi peluang untuk mengikuti kursus di peringkat universiti.

Apa yang kita harus kaji, Tuan Yang di-Pertua, ialah kesan-kesan yang negatif supaya kita dapat mengambil langkah untuk mengatasi kesan-kesan ini.

Yang pertamanya seperti yang diketahui ramai ialah pihak pelajar-pelajar bukan bumiputera oleh kerana sistem ini mempunyai perasaan tidak puas maka implikasi seumpama ini harus diambil kira iaitu kita harus mengakui bahawa dari segi hak asasi individu sistem ini memanglah sudah menjejaskan hak mereka itu.

Yang keduanya yang kurang dibincangkan ialah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bumiputera yang diterima masuk melalui sistem ini. Memang sebahagian besar daripada mereka ini dapat menikmati dan sangat menghargai peluang yang diberi itu. Tetapi melalui pengalaman saya sebagai seorang pensyarah di universiti selama 7 tahun saya dapati pelajar-pelajar bumiputera merasai tekanan jiwa yang amat berat apabila mempelajari di universiti atas beberapa sebab. Satu sebab ialah persediaan ataupun asas akademik mereka ini berkurangan oleh kerana setengah-setengah sekolah-sekolah kita terutamanya di kawasan desa adalah serba kekurangan. Maka unsur-unsur ini kita harus mengkaji—kita harus mengkaji reaksi psikologi, kita harus mengkaji reaksi sosio dinamik di kalangan pelajar dan kita harus mengkaji apakah sebabnya terdapat jurang perbezaan yang begitu besar di kalangan pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera terutamanya dalam bidang sains.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang sastera perbezaan tidak begitu ternyata. Pada pendapat saya salah satu faktor yang menyebabkan perbezaan jurang yang begitu besar, ialah pelajar-pelajar bumiputera yang bermutu tinggi iaitu mendapat kejayaan yang baik telah dihantar ke luar negeri. Hampir kesemuanya iaitu selepas Tingkatan V atau sebelum itu telah dihantar. Maka yang masuk ke dalam universiti tempatan ini bukan merupakan pelajar-pelajar yang terbaik sekali dari segi mutu. Maka saya mencadangkan bahawa setengah daripada mereka yang mempunyai pencapaian akademik yang baik itu ditempatkan di universiti tempatan supaya mereka dapat memberi satu "demonstration effect." supaya pelajar-pelajar bumiputera pada keseluruhannya dapat perasaan yakin diri (confidence) yang

lebih tinggi kerana ada di antara mereka ini dapatlah menunjukkan pencapaian yang cemerlang.

Yang keduanya mungkin agaknya bersangkutan paut dengan suasana di universiti. Saya telah diberitahu oleh majikan sama ada di sektor awam atau di sektor swasta bahawa pada pendapat beberapa orang daripada mereka ini, nampaknya graduan-graduan daripada Institut Teknologi MARA pada amnya dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi kalau dibandingkan dengan graduan-graduan daripada universiti-universiti yang lain. Maka apakah sebabnya, adakah ini disebabkan suasana ITM itu lebih sesuai untuk menggalakkan pencapaian? Itu harus kita mengkaji.

Yang ketiganya kita harus mengambil kira langkah jangka panjang iaitu apakah asas di peringkat rendah sama ada di sekolah rendah ataupun di peringkat pra-sekolah itu dapat menyediakan murid-murid bumiputera ini untuk bertanding dan bersaing secara terbuka di peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu soalan-soalan seumpama ini hanya dapat dijawab sekiranya kita menjalani penyelidikan secara saintifik, secara jujur supaya kita dapat mengambil langkah-langkah yang positif sehingga pada suatu ketika nanti sistem quota ini tidak diperlukan lagi kerana pelajar-pelajar bumiputera dapatlah bertanding setanding dengan pelajar-pelajar bukan bumiputera dan tidak payah diadakan satu sistem di mana pelajar-pelajar kita dibahagikan ke dalam dua golongan. Pembahagian ini tentulah mempunyai kesan-kesannya terhadap polarisasi kaum.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berlanjutan daripada perbincangan saya tadi mengenai pendidikan asas, saya ingin menyentuh satu perkara yang sebenarnya kurang diberi perhatian dalam Dewan ini dan juga oleh Kerajaan. Ini ialah mengenai

kanak-kanak cacat khasnya yang cacat pendengaran. Ini ialah kerana kanak-kanak yang cacat pendengaran ini nampaknya normal kalau dibandingkan dengan kanak-kanak yang lain. Oleh itu kita harus mengadakan pengesanan dan pemeriksaan awal (early detection) kerana sekiranya kita mengesan hanya selepas tahun ketujuh, mungkin sudah jadi lambat kerana perkembangan lisan kanak-kanak itu akan terjejas.

Bersangkutan paut dengan ini kita harus mengadakan rawatan awal. Setahu saya, dalam Kementerian Kesihatan tidak ada langsung speech therapy untuk diberi kepada kanak-kanak khasnya. Maka saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya diadakan speech therapy bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang-orang cacat di Malaysia jauh ketinggalan jikalau dibandingkan dengan orang-orang cacat di negeri yang lebih maju.

Maka saya merayu kepada Kementerian Kesihatan, Kebajikan dan Pelajaran untuk bekerjasama demi mengatasi masalah ini, kerana bagi segala anggota negara kita dan segala rakyat kita, kita haruslah mengutamakan dan memaksimakan potensi mereka tanpa mengira sama ada mereka cacat atau tidak.

Maka itulah harapan saya dan dengan ini saya menyokong Usul untuk Menjunjung Kasih kepada Baginda atas Titah Ucapan Baginda. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

4.08 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan

rakan-rakan saya yang lain menyokong Usul mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titahnya ketika merasmikan pembukaan penggal baru Parlimen kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka dalam Titahnya telah memberi penekanan mengenai masalah ekonomi negara. Baginda bertitah bahawa kita harus bersyukur kerana ekonomi kita masih teguh lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan ekonomi negara-negara lain termasuk negara-negara maju yang dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar purata 3.4% sahaja bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang lebih benar daripada hakikat bahawa ekonomi Malaysia walaupun menghadapi keadaan-keadaan yang tidak seteguh pada satu ketika dahulu, tetapi masih merupakan sebuah ekonomi yang teguh dari segi relatifnya. Dan apabila kita bercakap tentang masalah ekonomi, ada orang cuba menjejaskan pencapaian kita itu dengan menimbulkan masalah hutang negara. Perbincangan-perbincangan mengenai hutang negara ini diadakan di luar dan di dalam Dewan ini, dan pada pandangan saya perbincangan-perbincangan seperti ini mempunyai manfaat yang amat besar, kerana ini boleh memberi kesedaran kepada rakyat kita untuk mempelajari sesuatu tentang ekonomi negara kita. Apa yang menjadi masalah ialah bahawa perbincangan-perbincangan seperti itu tidak dibuat dalam konteks sedunia, dengan izin, global contact dan oleh kerana itu sering menimbulkan tanggapan-tanggapan yang salah oleh rakyat bahawa kita ini suka sangat berhutang dan bahawa hutang negara kita meningkat tahun demi tahun yang akhirnya akan membebankan rakyat jelata. Sudah tentulah kalau ditinjau daripada pandangan seperti ini dan ditinjau pula dengan statistik-statistik yang menunjukkan bahawa

pembayaran hutang negara kita meningkat dari tahun ke tahun, rakyat akan menjadi gelisah dan mereka mula menyuarakan perasaan tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi prospektif yang betul, supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan rakyat mengenai masalah hutang negara, perbincangan-perbincangan seperti ini wajarlah diadakan dalam konteks yang lebih luas. Yang perlu kita tekankan ialah masalah hutang yang sebenarnya adalah masalah sedunia.

Dalam tahun 1971, sejumlah US\$100 bilion telah dihutangi oleh negara-negara maju dan membangun di seluruh dunia. Dalam tahun 1982 jumlah ini telah meningkat menjadi US\$700 bilion iaitu satu kenaikan 7 kali ganda dalam tempoh satu dekad, tentulah angka ini meningkat lebih tinggi lagi sejak 2 tahun yang lalu. Dengan jumlah hutang begitu besar, tidak hairanlah setengah-setengah negara yang berhutang tidak berdaya membayar balik bukan sahaja hutang pokok, malah juga bayaran faedah.

Sepintas lalu marilah kita lihat 10 buah negara di dunia yang mempunyai tanggungan hutang yang paling banyak:

- (i) Brazil dengan jumlah hutang pada tahun 1982 sebanyak US\$87 bilion dan terpaksa membayar pada akhir tahun 1983 sebanyak \$30.8 bilion.
- (ii) Mexico dengan hutang US\$80.1 bilion terpaksa membayar \$43.1 bilion.
- (iii) Argentina US\$43 bilion terpaksa membayar \$18.4 bilion.
- (iv) Korea Selatan \$36 bilion terpaksa membayar \$15.7 bilion.
- (v) Venezuela \$28 bilion terpaksa membayar \$19.9 bilion.

- (vi) Israel \$26.7 bilion terpaksa membayar \$15.2 bilion begitulah seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud hendak menyebut satu persatu. Apa yang cuba hendak saya perkatkan di sini ialah betapa masalah hutang negara yang sedang dihadapi sekarang ini bukan sahaja ditanggung oleh kita, tetapi ditanggung lebih teruk lagi oleh negara-negara lain dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa hutang luar negeri tidak boleh diambil kira semata-mata dari jumlahnya sahaja, ia harus dikira dari segi peratusan nilai eksport sebuah negara itu. Menurut laporan Bank Negara yang terbaru yang dikeluarkan beberapa hari yang lalu, nisbah bayaran balik hutang negara kita selepas tahun lepas ialah sebanyak 11.9% sahaja daripada nilai eksport iaitu meningkat sedikit sahaja daripada tahun 1982 dan 1983 masing-masing sebanyak 9.2% dan 9.7%. Bagaimana pula keadaannya dengan negara-negara penghutang yang lain? Menurut Laporan Morgan Guarantee Trust Company yang beribu pejabat di New York, terdapat 7 buah negara yang terpaksa lebih daripada 100% dari nilai eksportnya semata-mata untuk membayar hutang. Negara-negara tersebut ialah:

Zambia .. ..	195%
Argentina .. ..	153%
Israel .. .. .	129%
Mexico .. .. .	162%
Bolivia .. .. .	118%
Brazil .. .. .	117%
Venezuela .. ..	101%

Sementara negara kelapan iaitu Poland hampir mencecah tahap 100%. Angka-angka ini ialah menunjukkan angka-angka jumlah yang perlu mereka bayar dari segi nilai eksport negara pada tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan IMF (International Monetary Fund) dalam tahun 1981 terdapat 30 buah negara yang tidak dapat membayar balik hutang masing-masing menurut jadual. Antara negara-negara tersebut termasuk negara Eropah Timur. Malaysia tidak disebut sebagai salah satu daripada 30 buah negara tersebut. Sebenarnya, kalau dikaji dari senarai penghutang-penghutang besar dunia yang dikeluarkan oleh Morgan Guarantee Trust Company, Malaysia tidak pun tersebut dalam senarai 20 negara penghutang-penghutang besar. Laporan Bank Negara tahun 1984 menunjukkan bahawa jumlah hutang negara yang belum dijelaskan pada masa ini ialah \$37.042 bilion iaitu bersamaan dengan US\$1.5 bilion dan angka ini bukan sahaja merupakan hutang Kerajaan Persekutuan yang ditanggung terus, angka sebenarnya ialah \$7.138 bilion, dalam bentuk jaminan dan \$9.128 bilion yang dipinjam oleh sektor swasta, tanggungan Kerajaan Persekutuan yang sebenarnya secara langsung ialah \$20.686 bilion sahaja.

Tentunya, Tuan Yang di-Pertua, angka ini adalah jauh lebih rendah daripada jumlah hutang yang ditanggung oleh negara-negara yang terkecil sekalipun jumlah hutangnya di dalam senarai "Morgan Guarantee Trust Company" itu, iaitu kira-kira US\$3 bilion bersamaan dengan M\$7.5 bilion, iaitu negara Bolivia.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah peratusan bayaran hutang negara kita jauh lebih rendah daripada yang paling rendah peratusnya dalam senarai Morgan Guarantee Trust Company itu, iaitu negara USSR yang terpaksa membayar hutang sebanyak 25% daripada nilai eksportnya dalam tahun 1983. Jelaslah di sini bahawa kalau dinilai dari "perspective global" hutang negara kita sebenarnya tidak menjadi satu masalah sekiranya kadar Keluaran Kasar Negara terus berada pada

alirannya sekarang dan sekiranya eksport kita terus berada pada tahap yang kukuh.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya hutang luar negeri tidak akan menjadi satu beban dan tidak harus menjadi satu punca kebimbangan di kalangan rakyat sekiranya Kerajaan Barisan Nasional terus-menerus memerintah negara. Saya percaya rakyat, termasuk pihak Pembangkang tahu hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kedudukan hutang negara kita sedang berada dalam paras yang "manageable", dengan izin, saya tidak pula bermaksud untuk menyuruh Kerajaan kita terus-menerus berhutang untuk membiayai projek-projek pembangunan yang sebenarnya kita tidak mampu, malah saya ingin menyeru Kerajaan supaya memperhebatkan langkah-langkah memperketatkan perbelanjaan, termasuk belanja pembangunan. Saya memperhatikan dengan penuh kesyukuran bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan menurut laporan terbaru Bank Negara pada keseluruhannya terus bertambah baik sejak 2 tahun yang lalu. Ternyata bahawa strategi-strategi Belanjawan untuk mengadakan imbalan antara perbelanjaan dan sumber-sumber pendapatan yang sedia ada telah membawa hasil yang memuaskan. Akuan Semasa Kerajaan telah menunjukkan peningkatan lebih semasa daripada \$234 juta pada tahun 1983 menjadi \$255 juta pada tahun lepas. Begitu juga kekurangan keseluruhan selepas diambil kira perbelanjaan pembangunan telah menunjukkan aliran yang menurun daripada \$8,183 juta dari 1983 kepada \$7,358 juta dalam tahun 1984. Kita berharap kekurangan ini akan menjadi lebih rendah pada tahun ini. Kita berharap angka kekurangan sebanyak \$6.283 juta yang diramalkan akan

berlaku dalam Belanjawan 1985 akan menjadi kenyataan, malah akan menjadi lebih rendah daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bertambah kurangnya defisit keseluruhan, maka akan bertambah kurang pula keperluan untuk kita berhutang. Saya berharap kita tidak akan kembali kepada tahap tahun 1981, 1982 dan 1983 apabila kita telah berhutang dengan banyaknya dari sumber-sumber luar dan dalam negeri. Syukur alhamdulillah, sejak 2 tahun kebelakangan ini tanda-tanda menunjukkan bahawa neraca hutang negara telah menurun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan kewangan negara yang bertambah baik, sesebuah negara mudah terperangkap kepada jempunan-jempunan untuk meminjam wang dari pasaran dunia. Pasaran kewangan dunia pada masa ini sedang mencari pelanggan-pelanggan yang mempunyai keupayaan membayar balik yang tinggi untuk diberi pinjaman selepas mereka menghadapi banyak masalah, menghadapi negara-negara yang mendapati sukar untuk membayar balik pinjaman. Kepada negara-negara yang dianggap kukuh kedudukan kewangannya dan sanggup mempunyai kesanggupan membayar balik, negara-negara penghutang dan institusi-institusi memberi hutang ini menawarkan syarat-syarat bayaran faedah yang lebih liberal dan jangka matang yang lebih lama. Saya telah membaca dalam satu laporan bahawa Malaysia adalah salah satu daripada negara-negara yang menjadi tumpuan kepada institusi-institusi peminjam wang di seluruh dunia oleh kerana mereka menganggap bahawa Malaysia mempunyai potential yang amat besar untuk meminjam lebih besar dan bahawa ekonomi kita amat teguh untuk kita mampu membayar balik setiap sen yang kita pinjam. Saya percaya mereka akan terus-menerus

mempelawa kita membuat pinjaman-pinjaman dari semasa ke semasa dengan syarat-syarat yang amat menarik.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Bank Negara telah menyebut bahawa beberapa pinjaman baru telah dibuat oleh Kerajaan sejak akhir-akhir ini. Pinjaman yang berbentuk liberal dengan faedah yang rendah dan tempoh matang yang lama telah digunakan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang mesti dibayar balik dalam tahun 1986 dan 1987. Saya bersetuju bahawa ini adalah satu cara yang baik, iaitu meminjam dengan syarat-syarat yang lebih longgar untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang syaratnya lebih ketat, tetapi saya berharap kita tidak akan terdorong untuk meminjam semata-mata kerana kadar faedah dan syarat-syaratnya yang liberal. Kita hanya patut meminjam kalau kita perlu membiayai projek-projek yang ternyata boleh membawa kadar pulangan ekonomi yang tinggi. Kita harus berhenti daripada membiayai projek-projek yang viabilitinya diragukan atau projek-projek yang tidak langsung tertakluk kepada ujian-ujian sensivity yang ketat. Kita perlu mendidik diri kita dan rakyat seluruhnya supaya bersederhana di dalam expectation kita dalam bidang pembangunan ekonomi, seperti juga halnya dengan lain-lain bidang.

Malaysia adalah sebuah negara kecil dengan penduduk cuma lebih kurang 15 juta orang manusia. Kita tidak perlu menjadi juara dalam semua hal. Apa yang membimbangkan saya ialah bahawa kita selalu sangat suka membesar-besarkan apa yang kita ada lebih daripada sepatutnya. Kita selalu mendengar bahawa kita mempunyai sebuah bangunan yang kubahnya paling besar dalam dunia, kita mempunyai sebuah jambatan antara yang terpanjang dalam dunia, selain daripada hakikat bahawa kita adalah

pengeluar getah yang terbesar di dunia, pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, pengeluar kelapa sawit yang terbesar di dunia. Tidak salah kalau kita bersikap "patriotic", tetapi kalau kita tidak hati-hati tujuan kita untuk memupuk sikap kebangsaan itu, kita akan mengajar rakyat kita menjadi manusia yang hidup di dalam kebesaran yang khayal. Apa yang penting bagi kita ialah kita harus menjadi bangsa yang mempunyai ekonomi yang besar dan kuat tanpa gembar-gembur. Projek-projek besar HICOM yang dirancangan dan sedang dilaksanakan boleh membawa kita ke arah itu. Namun, kekuatan ekonomi bukanlah sesuatu yang kita sendiri harus canangkan, ia adalah sesuatu yang diiktiraf oleh orang lain. Sebagai seorang manusia kalau diri kita adalah seorang kaya, kita tidak harus mendabik dada menyatakan bahawa aku adalah orang kaya. Biasanya orang lain yang mengatakan kita kaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang perlukan kekuatan ekonomi supaya daripada kekuatan ekonomi itu kita dapat menimba kekuatan politik dalam dan luar negeri terutama apabila kita berhubung dengan negara-negara kuasa besar. Kalau kita memilih untuk bersikap berkecuali dalam hubungan antarabangsa maka itu adalah pilihan kita, bukan kerana kita disuruh oleh orang yang menolong meringankan bayaran hutang kita. Kalau kita mengkritik sesebuah negara besar maka kritik itu adalah berasaskan kepada hakikat bahawa dasar-dasar negara itu adalah salah menurut kaca mata kita bukan kerana kita disuruh berbuat demikian oleh sebuah negara besar yang lain selepas ia menjanjikan untuk membayar hutang eksport kita. Kita sudah tentu tidak boleh bersikap kecuai kalau kita terpaksa memintaminta dari kuasa-kuasa besar kerana kedhaifan ekonomi kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyetuh sedikit sebanyak tentang masalah nilai mata wang kita. Perkara ini sentiasa menjadi heboh setiap kali nilai mata wang kita turun dalam nilai mata wang Singapura. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak ada apa yang patut dirisaukan dalam hal ini malah hal ini dianggap sebagai suatu rahmat tersembunyi atau, dengan izin, blessing in disguise. Dengan naiknya nilai matawang Singapura berbanding dengan matawang Malaysia sudah tentu harga barang-barang di Singapura mahal. Ini sepatutnya menimbulkan nafsu kita rakyat Malaysia untuk berbelanja di Singapura, sebaliknya orang-orang Singapura akan mendapati harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia lebih murah dan ini sudah pasti mendorong mereka untuk berbelanja di Malaysia. Keadaan seperti ini tentulah akan menguntungkan kepada kita pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, laporan Bank Negara menyebut bahawa mata wang Malaysia sebenarnya cuma merosot kalau dihubungkan dengan mata wang Singapura iaitu sebanyak 1.3% dan juga mata wang Amerika Syarikat iaitu sebanyak 3.6%. Sebaliknya ringgit kita telah meningkat kalau dihubungkan dengan lain-lain matawang dunia iaitu 3% terhadap SDR, dengan izin, Special Drawing Right, 20.4% terhadap Pound Sterling, 11.5% terhadap nilai mata wang Deutschmark dan 4.3% terhadap nilai Yen Jepun. Walau bagaimanapun, walaupun nilai ringgit kita telah meningkat dibandingkan dengan nilai negara-negara yang disebutkan tadi, saya berharap ini tidak pula akan mendorong rakyat kita untuk berbelanja secara sewenang-wenangnya di negara-negara tersebut oleh kerana kalau ini berterusan maka keuntungan yang diperolehi akhirnya akan menjadi sebaliknya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak rakyat kita masih kabur tentang aspek-aspek matawang dan segala perubahan yang berlaku sehingga kita menjadi begitu gusar dan risau apabila nilai ringgit kita merosot dibandingkan dengan nilai ringgit Singapura. Tetapi pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun 60an nilai matawang Kanada adalah sama dengan nilai mata wang Amerika Syarikat. Pada masa ini nilai mata wang Kanada telah menurun tetapi nilai mata wang Amerika masih juga kekal ataupun turun sedikit sahaja pada paras yang lama. Ini tidak bererti bahawa ekonomi negara Kanada telah menurun dan ini tidak pula menjadi suatu masalah yang memeningkan kepada rakyat Kanada. Keadaan ini berlaku oleh kerana rakyat Kanada hampir-hampir seluruhnya mengerti bahawa sebarang perubahan pada nilai mata wang belum berti bahawa keadaan ekonomi mereka sedang menghadapi keruntuhan. Oleh yang demikian adalah penting bahawa kita di Malaysia ini mengadakan program-program untuk memberi pengajaran kepada rakyat kita tentang masalah kewangan dan mata wang dan juga ekonomi kepada keseluruhannya. Saya berharap perkara-perkara perubahan nilai mata wang ini akan dijadikan suatu subject. Suatu mata pelajaran di sekolah-sekolah tinggi dan di sekolah-sekolah menengah dan juga sebagai lanjutan daripada cadangan ini saya berharap media-media Kerajaan seperti radio dan televisyen patut menyiapkan program-program khas yang bertujuan mendidik rakyat kita mengenai masalah kewangan dan ekonomi terutama masalah kewangan negara kita.

Sekian sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kluang. Bolehkah Yang Berhormat pendekkan sedikit dengan kerana kita akan menghabiskan perkara ini pada hari ini.

**Tuan Quah Wee Liam:** Boleh, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4.36 ptg.

**Tuan Quah Wee Liam (Kluang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa merasmikan pembukaan mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen yang Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka telah menegaskan Kerajaan terus mengamalkan sikap kesederhanaan dalam segala hal termasuk perkara-perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi. Seri Paduka juga mahu generasi muda menimba pengetahuan dan pengalaman supaya boleh menjadi tenaga penggerak kepada masyarakat

Tuan Yang di-Pertua, negara kita memerlukan generasi muda yang bersatu-padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan bermoral tinggi serta sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara. Salah satu cara untuk mencapai tujuan tersebut ialah melalui integrasi di antara pelbagai kaum. Melalui integrasi kita akan dapat sedikit sebanyak memahami perbezaan-perbezaan agama dan adat kebiasaan setiap kalangan kaum yang berlainan. Persefahaman perlu ada di antara jiran tetangga yang berlainan agamanya dan berlainan latarbelakang kebudayaannya. Persefahaman itu pula diikuti pula dengan sikap bertimbang rasa, bertolak ansur dan

saling menghormati di antara jiran tetangga dari berbagai kaum perlu ada sikap muhibbah, yakni rasa persahabatan yang erat di antara sesama anggota masyarakat negara kita supaya muhibbah dapat lebih bererti, maka prasangka perkauman perlu dikikis habis.

Dalam sistem demokrasi dengan satu masyarakat yang berbilang kaum, integrasi dan kerjasama adalah penting supaya kemajuan, keamanan dan keselamatan kelak lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bercita-cita untuk membina sebuah masyarakat yang aman, dinamis dan bersatu padu tetapi cita-cita yang demikian itu akan tercapai hanya jika negara kita dalam keadaan aman dan tenteram. Ada dua perkara yang akan menentukan adakah sebuah negara itu tenteram atau tidak. Yang pertama keadaan politik dalam negara yang mantap. Di sini rakyat Malaysia adalah sangat bernasib baik kerana Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, negara kita akan dapat dibangunkan secepat mungkin sebagai sebuah negara yang maju dan bermaruah.

Yang kedua iaitu hubungan yang baik dengan negara-negara lain di dunia, negara kita mempunyai dasar luar negeri yang mementingkan hubungan baik dengan semua negara di dunia tanpa mengira dasar politik negara-negara itu asalkan negara itu menghormati kedaulatan Malaysia dan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yakin bahawa keadaan yang sangat diperlukan di rantau Asia Tenggara adalah keadaan aman dan mantap. Dalam keadaan yang demikian baharulah negara-negara di rantau ini dapat menggunakan segenap sumber tenaganya untuk usaha-usaha pembangunan.

Oleh yang demikian Kerajaan serantau di Asia Tenggara bukan sahaja penting bagi kedamaian rantau tersebut tetapi juga penting bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat disetiap negara yang berkenaan. ASEAN ditubuhkan dengan tujuan utama untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan, kebudayaan di rantau ini melalui usaha bersama yang dilaksanakan dengan semangat bersatu padu dan berganding bahu. di sini kami harap Kerajaan mengkaji sama ada ASEAN berjaya atau gagal membentuk kerjasama dan perpaduan serantau dan juga membincangkan kerjasamanya terhadap dalam ASEAN dari sudut tujuannya. Bidang-bidang kerjasama dan kejayaan-kejayaan serta kelemahan-kelemahan yang terdapat.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan masalah dadah adalah serius dalam negara kita. Kebimbangan timbul terhadap kegiatan menyalahgunakan dadah berpunca dari laporan-laporan bertambahnya rampasan terhadap orang-orang yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan dadah. Pesakit-pesakit yang dimasukkan ke hospital-hospital dan pusat pemulihan kerana ketagihan dadah serta juga terdapat beberapa kes dadah di sekolah-sekolah.

Angka tangkapan dan rampasan dari Polis, Kastam dan Pusat Biro Narkotik dalam tempoh tiga tahun yang lalu menunjukkan bertambah banyak madat, ganja dan dadah telah berjaya dihalang kesaluran haram.

Kebimbangan yang lebih besar ialah terhadap kegiatan menyalahgunakan dadah di kalangan belia-belia dan ini adalah satu kegiatan semakin merebak serta adalah satu ancaman yang sangat merbahaya kerana perbuatan menyalahgunakan dadah boleh melemahkan tenaga dan seterusnya

membawa kepada kemerosotan segala usaha pembangunan dan keselamatan oleh Kerajaan.

Perkara yang terlibat dalam masalah menyalahgunakan dadah ini bukan sahaja berkait dengan masalah pengedaran dadah, malahan ia berpunca dari kelemahan jiwa dan kurang pengetahuan oleh segolongan masyarakat terhadap kegunaan dan bahaya-bahayanya dadah.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang telah melaksanakan program anti dadah diseluruh negara. Usaha-usaha bersama yang dijalankan oleh Polis, Kastam dan Pusat Biro Narkotik telah menghasilkan pertambahan jumlah rampasan berbagai jenis dadah haram dalam dua tahun ini. Kerajaan yang terbesar dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan dalam tahun ini oleh Kerajaan ialah terjumpanya banyak makmal haram dan sulit yang memproses heroin, tangkapan lebih ramai pengedar-pengedar besar dan penagih-penagih.

Saya juga harap Kementerian Pelajaran akan mengeluarkan satu kertas kerja mengenai program-program anti dadah yang dijalankan di sekolah dengan tujuan mencegah pelajar-pelajar kita dari terlibat dalam salahguna dadah.

Baru-baru ini pemimpin-pemimpin kita terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri kita telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin dunia seperti Yang Berbahagia Setiausaha Agong United Nations, dengan izin, tentang kerjasama melawan masalah penyalahgunaan dadah. Saya harap satu laporan yang lebih lengkap akan dapat dikeluarkan mengenai

keputusan-keputusan dari per-bincangan-perbincangan tersebut yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan sekali lagi beberapa rayuan daripada penduduk-penduduk kawasan Keluang. Bandar Keluang adalah sebahagian besar daripada kawasan pilihanraya saya yang membangun dengan pesatnya. Projek-projek perumahan dan juga projek-projek pengilangan terdapat di sana sini. Hal ini menimbulkan berbagai masalah sampingan yang melibatkan keselesaan rakyat.

Yang pertama jalanraya. Pertambahan penduduk-penduduk di bandar ini menjadikan jalan-jalanraya terutamanya Jalan Persekutuan seperti Jalan Mersing tidak begitu sesuai lagi, dengan bilangan kenderaan yang menggunakan Jalanraya ini telah menjadi begitu sempit dan membahayakan.

Pada masa sekarang saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang telah setuju membuat siasatan dan perundingan mengenai rayuan memperluaskan Jalan Mersing di Keluang dengan pihak-pihak berkenaan.

Keperluan memperluaskan jalanraya ini sekarang adalah sangat mendesak dengan kelemahan masalah-masalah di bawah oleh pertambahan taman-taman perumahan dan kilang-kilang disekeliling jalanraya ini. kesusahan dan gangguan kepada pengguna-pengguna jalanraya ini dan juga kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kerjaraya akan menimbang melaksanakan bagi memperluaskan jalanraya Jalan

Mersing tidak lama lagi. Penduduk-penduduk Keluang sedang menunggu pengumuman baik dari Yang Berhormat.

Yang kedua, Pejabat RIMV. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang telah menjawab soalan saya mengenai Pejabat RIMV di bandar Kluang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan rayuan rakyat dari Kluang bahawa satu Pejabat RIMV adalah penting dan satu keperluan yang mendesak kepada penduduk di daerah Kluang. Bandar Kluang dengan populasi sebanyak 150,000 orang adalah satu bandar yang membangun dengan pesat. Pembangunan bandar itu juga membawa banyak masalah tentang perkhidmatan awam seperti perkhidmatan RIMV. Populasi Kluang sudah bertambah banyak dan begitu juga kenderaan-kenderaan telah bertambah dengan banyak. Sejak pilihanraya umum pada tahun 1982, saya telah disoal berulang kali oleh penduduk di kawasan saya mengapakah daerah Kluang dengan populasi 150,000 orang tidak boleh dapat perkhidmatan RIMV di bandar Kluang. Mereka dikehendaki membaharui lesen memandu kereta dan lesen-lesen kenderaan di Johor Bahru atau di Muar. Memegang lesen memandu adalah satu perkara biasa sekarang dan majoriti orang tidak kira jantina yang berumur 18 tahun ke atas memegang lesen memandu kenderaan.

Mereka sangat berharap Kerajaan boleh memberi kemudahan iaitu mengadakan satu Pejabat RIMV di bandar Kluang di mana mereka boleh membaharui lesen-lesen memandu dan lesen kenderaannya. Perkhidmatan ini akan mengurangkan kesusahan dan banyak gangguan mereka yang diakibatkan jika mereka dikehendaki dapat perkhidmatan itu hanya di Johor bahru atau di Muar.

Saya bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menimbang semula rayuan mereka. Pejabat RIMV di Kluang adalah sangat diperlukan dan diharap kami akan diberi perkhidmatan RIMV tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini masalah-masalah yang telah diakibatkan dari pengumuman dari Kementerian Dalam Negeri mengenai penukaran Kad Pengenalan bagi orang-orang yang mencukupi umur 18 tahun. Di sini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Dalam Negeri kerana memanjangkan tempoh masa penukaran Kad Pengenalan kepada 30hb Jun, 1985. Walaupun tempoh masa telah dipanjangkan, rakyat masih merasa ketakutan kena denda dibawa ke mahkamah jika lewat membuat permohonan penukaran Kad Pengenalan mereka. Maka Pejabat-pejabat Pendaftaran tiap-tiap hari adalah penuh sesak dengan orang-orang yang membuat permohonan baru. Di Kluang, Pejabat Pendaftaran adalah hanya sebuah pejabat yang kecil dengan orang seorang pegawai dan beberapa orang kerani untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat Kluang. Saya berharap Kerajaan akan menghantar lebih banyak pegawai ke daerah Kluang dan jika boleh mengadakan sebuah pejabat yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang mana pihak Jabatan Pelajaran menolak permohonan dari Sekolah Menengah Chung Hwa bagi murid-murid yang belajar dalam Junior Middle III untuk mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia. Aduan dari pihak sekolah dan ibubapa telah diterima mengenai perkara tersebut. Di sini saya bagi pihak penduduk Kluang merayu kepada pihak Kementerian Pelajaran

menerangkan mengapakah permohonan bagi tahun-tahun yang lalu dapat diluluskan kecuali tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Lipis.

*4.53 ptg.*

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie (Lipis):** Tuan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan sidang ini adalah sangat bernas, tepat dan mendorong. Ke bawah Duli Tuanku menarik perhatian kita di dalam beberapa perkara berkenaan hal luar. Saya menjunjung tinggi Titah Baginda di dalam perkara itu dan kali ini izinkan saya memberi serba sedikit pandangan di dalam beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sentuh soal Vietnam dahulu iaitu satu perkara sebagai pekung yang tak dapat diubah, satu perkara yang merunsingkan, satu perkara yang boleh merebak membawa kepada satu sengketa yang tidak dapat dielakkan umpamanya oleh negara Thai dan melibatkan kita serta negara ASEAN yang lain. Sambil itu beratus ribu manusia melarikan diri dari Kampuchea membanjiri Thailand yang sekarang bongkok berlipat tiga menanggung beban pendatang haram.

Oleh yang demikian, tanpa mengenal penat lelah ASEAN baik secara selonggok atau masing-masing anggota mencari ikhtiar untuk menyelesaikan penjajahan Vietnam yang menakluki Kampuchea pada hari ini.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, masing-masing "pelakun besar" dalam drama ini suka kalau perkara ini belarutan. China mengharapkan semakin lama Vietnam menduduki

Kampuchea, semakin berat Vietnam itu menderita sehingga pada satu tahap akan timbul perubahan pimpinan yang diharapkan atau mengikut telunjuk China atau sekurang-kurangnya sanggup bertolak ansur dengan China. China juga suka berbaik-baik dengan Soviet tetapi satu daripada syaratnya ialah memperbaiki keadaan perbatasan dengan Soviet sambil mahu juga berbaik dengan Vietnam, kalau Vietnam mahu meninggalkan Kampuchea. Vietnam pula enggan meninggalkan Kampuchea kerana syak terhadap China akan kembali pengaruhnya di Kampuchea dan mengancam Vietnam dari Selatan dan Utara. Vietnam takut tekanan pula akan dibuat apabila Vietnam berdamai dengan Kampuchea supaya Soviet akan meninggalkan Telok Cam Ranh dan Danang. Maka dengan itu hilanglah bantuan wang dan lain-lain bantuan lagi yang diberikan oleh Soviet kepada Vietnam tanpa jaminan gantinya.

Bagi pihak Soviet pula kalau perdamaian tercapai, apa akan jadi padanya? Dan kedudukan yang begitu senang di Indo-China menghadapi, dengan izin, United States' Seventh Fleet dan perbatasan dengan China menggunakan permusuhan antara Vietnam dan china. Wang bantuan yang diberikan untuk Vietnam itu adalah sangat munasabah pada hakikatnya bahkan kecil kalau dibandingkan perbelanjaan yang terpaksa dibiayai oleh Soviet sekiranya kapal atau pesawat terbang mereka terpaksa balik ke Vladivostok. Jadi, buat apa Moscow membantu mencari penyelesaian.

Bagi pihak Vietnam apa yang hendak dihambat cepat-cepat selesai? Semakin lama semakin ramai orang Vietnam dipindahkan ke Kampuchea dan apabila sampai satu tempoh mengikut undang-undang yang mana mereka akan buat di Kampuchea, sampai satu tempoh mereka ini boleh

menjadi warganegara dan rakyat Kampuchea. Jadi kalau ASEAN atau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun mahu pungutan suara pungutlah. Mereka akan menentukan satu pemerintahan yang pro-Vietnam.

Pihak Amerika pula, mereka ini main berdalih di sebalik telunjuk ASEAN, dan tidak mahu mencari penyelesaian secara langsung, mempengaruhi Soviet dan China. Bahkan mereka khuatir kalau China dan Soviet berbaik pula, sehingga kita dengar desas-desus bahawa sekiranya China dan Soviet berbaik-baik, Amerika Syarikat akan teragak-agak membantu China di dalam hal pemindahan teknologi penting. Dan Amerika Syarikat masih lagi ingatkan demam Vietnam yang mereka tanggung tidak berapa lama dahulu dan sekarang sudah serik, tidak lagi mahu melecurkan jari dan campur tangan di dalam hal Indo-Cina.

Jadi, siapakah yang berkehendak perkara ini selesai? ASEAN, ASEAN kerana kita faham kalau soal Kampuchea tidak selesai, kita tidak dapat memajukan, dengan izin, ZOPFAN, bangsa Kampuchea akan lenyap di Kampuchea dan siapa sahaja hendak bertemu dengan bangsa Kampuchea carilah mereka di Seattle, di California atau Paris. Dan kalau berlarutan perang Kampuchea, maka tidaklah kesempatan bagi pemimpin Vietnam belajar hidup dengan cara damai dan aman yang mengganti yang lama pun akan terus mempunyai semangat perang, terus berperang, syak wasangka dan tidak mengetahui benar-benar akan makna damai dan disitulah sulitnya kalau kita dari ASEAN hendak mencari kerjasama dengan negara-negara Indo-China nanti. Jadi, ASEAN terkontang-kontang, apa yang dia boleh buat. Apatah lagi pihak Kampuchea yang menentang Vietnam, bukan sahaja tidak tabah, bahkan mereka ini tidak sepakat, bukan sahaja mereka sama

mereka tetapi mereka sama mereka dalam satu puak itu pun bersinggitsinggit. Dan kalau hendak perang pun cara hero, tepuk dada berdepandepan, tidak mahu pukul curi cara guarilla dan tidak mahu berpisah dengan family dari kemnya. Inilah kesulitan yang dihadapi di dalam mencari penyelesaian Kampuchea ini.

Tetapi baru-baru ini kita dengar ada satu unsur baru apabila baliknya Bapa Mokhtar daripada Hanoi iaitu Vietnam melibatkan juga soal "MIA", dengan izin, "Missing in Action", iaitu satu soal yang melibatkan pihak Amerika Syarikat. Ini kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat menarik, tiba-tiba dengan tidak semena-mena Vietnam mahukan USA terlibat secara langsung dengan menggunakan soal MIA dalam mencari penyelesaian Kampuchea. Ini adalah sangat menarik. Jadi, saya berharap perkara ini janganlah kita abaikan, siasat dengan teliti akan muslihat Vietnam itu dan jangan terus kita katakan bahawa ini propaganda atau tempat beralih kerana saya masih ingat waktu saya di dalam Jemaah Menteri dahulu saya sudah bawa soal MIA ini kepada Vietnam. Saya diminta oleh pihak USA untuk mengemukakan hal peri kemanusiaan ini. Tetapi Vietnam pada masa itu menjawab dengan cerewetnya, kononnya mengapa beria-ia sangat mencari mayat penceroboh, walhal orang mereka sendiri banyak hilang jadi korban. Sekarang mereka sanggup mengaitkan soal MIA ini dengan soal Kampuchea.

Saya syorkan kepada pihak ASEAN, kita mesti tabahkan mengambil kesempatan ini untuk bertempelak atau memecah tembelang Vietnam dan jangan kita terus kata itu propaganda. Mana tahu boleh jadi oleh kerana desakan masa, Vietnam sendiri berubah sikap. Dia boleh berubah sikap juga kerana takut sekiranya wujud perdamaian antara Soviet

dengan China. Pada waktu itu dia berkehendakkan USA pula dan berkehendakkan ASEAN tempat berlindung atau sekurang-kurangnya tempat mengadu hal atau sekurang-kurangnya dapat mengimbangkan keadaan. Dan di sini saya meminta pula iaitu pihak Amerika Syarikat janganlah berlindung lagi di kain pinggang ASEAN di dalam menyelesaikan perkara ini. Seperti apa yang saya sudah katakan dahulu beberapa kali, soal Kampuchea ini adalah angkara buatan kuasa-kuasa besar iaitu China, Amerika Syarikat dan Soviet. Hanya mereka sahaja yang boleh menyelesaikan. Kita hanya boleh membantu. Jadi, ambil apa juga kesempatan yang boleh dimanfaatkan dan jangan dibiarkan melarat kalau sebab kita kurang ikhtiar atau gelap fikiran.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah soal Antartika. Apa ini Antartika, mengapa Antartika, apa kena mengena Antartika dengan Malaysia? Saya mengatakan di sini, Antartika itu adalah bumi Allah, hak warisan manusia, bukan untuk satu-satu pihak, bukan untuk satu-satu bangsa atau bukan untuk satu-satu kuasa. Kita tidak berhajat untuk mengganggu apa yang teratur pada masa ini oleh beberapa kuasa dunia termasuk Soviet dan Amerika Syarikat. Ini yang pelik! Kita khuatir kalau hari ini perkara Antartika tidak diselenggara dengan baik dan waras, sekiranya masih diperhitungkan dari kaca mata penjajah seketul air batu ini akan membekukan dunia apabila ianya menjadi rebutan. Yalah, boleh cakap, pada waktu teknologi salji belum mencapai tahap untuk membuat manusia berebut. Semua mengatakan biarlah Antartika! Ini adalah pemikiran dari sisi beberapa kuasa sahaja.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan kita soal Antartika kerana kalau angkasa lepas pada suatu masa tidak ada siapa pun peduli, dengan adanya teknologi angkasa lepas, sekarang angkasa lepas jadi rebutan, angkasa lepas sudah menjadi gelanggang "Star Wars" dan angkasa lepas boleh menjadi satu benda yang menyebabkan negara-negara berebut.

Cuba lihat sekarang Soviet dengan United States (Amerika Syarikat) terpaksa bertemu di medan diplomasi tetapi bertemu dengan hati yang curiga, dengan semangat yang berkonfrantasi, sebab pada suatu waktu dahulu soal ini tidak diselesaikan. Adalah sangat tepat bahawa Kerajaan kita mengambil inisiatif supaya soal rebutan tidak terjadi pada masa hadapan supaya satu lagi benda atau perkara yang boleh membawa manusia bunuh-membunuh dapat dihindarkan. Jadi, apabila sudah sampai pada masa itu, sudah sampai pada tahap rebut-merebut, apa lagi guna kita hendak bertanya, apa ada fasal Antartika dengan Malaysia. Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir kalau kita tak hangus, barangkali kita sudah beku.

Kita berharap Dewan yang mulia ini dapat mendengar kemajuan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengemukakan perkara ini di United Nations pada tahun 1982, janganlah hendaknya perkara ini dibiarkan terpendam. Perkara Antartika ini janganlah dibiarkan Kerajaan sahaja mengusahakan, eloklah kita Yang Berhormat anggota Dewan ini atau anggota Parlimen semasa di mana-mana sahaja memajukan perkara ini di mana sahaja kita dapat forum di luar negeri supaya dapat kita mempengaruhi keadaan ini. Janganlah hendaknya kita berasa perkara ini tidak ada sangkut paut dengan kita atau dengan manusia biasa

kerana apabila perkara Antartika menjadi *Casus belli*, dengan izin, jadi satu fasal perang, fasal gaduh, mahu tidak mahu kita akan terlibat juga.

Satu lagi perkara yang kita anggota Parlimen iaitu yang bukan anggota pemerintah patut berusaha, Tuan Yang di-Pertua, adalah dalam bidang swasta. Maksudnya swasta Malaysia mendekati banyak lagi swasta negara-negara yang membangun bukan negara yang sudah maju sahaja tetapi yang membangun juga di dalam dagangan antara kita sama kita yang membangun. Kerjasama antara negara membangun dalam segi swasta adalah sangat penting kerana negara yang sudah maju tidak sekali-kali berganjak daripada dasar exploitasi. Mereka itu seolah-olah lena dan asyuk dengan tamak haloba sehingga lupa bahawa exploitasinya itu akan menjahanamkan sistem pasaran bebas (*free market system*). Negara yang menjadi mangsa terutama sekali negara membangun sudah tentu akan hilang percaya kepada sistem ini. Perkara ini adalah disebabkan oleh aliran pemikiran mereka daripada negara yang sudah maju. Pemikiran yang masih kolot dan masih kuno seolah-olah negara membangun itu adalah hak jajahannya. Pemikiran yang muncul pada waktu Perang Dunia Kedua dahulu untuk menghadapi soal ekonomi dunia yang digunakan pada masa ini lagi adalah sudah usang, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada gunanya mereka itu rapat dan berjumpa di Cancun atau di Versailles, kalau asas fikiran masih kaku dengan pendirian masing-masing Kerajaan bukan berdasarkan untuk memperkuatkan *free market system*. Mereka hanya menyentuh apa yang ketara tetapi bukan soal pokok.

Waktu saya berbincang dengan Hans Grancher, Menteri Luar Jerman, saya menanya pada beliau, macam mana kereta Mercedes Benz ini dijual, adakah dengan cara lelong. Dia

terperanjat, mengapa soalan saya begitu. Saya kata macam mana cara menjual Mercedes Benz. Dia kata, ikut harga, distributor berapa, retailer berapa, itulah harganya. Mengapa begitu saya bertanya. Oh! sebab begitu harganya mengikut perbelanjaan membuat sesebuah motokar. Jadi, saya bertanya kepada dia, kalau itu asasnya, mengapa saudara-saudara yang daripada Barat ini melelongkan getah di pasaran dunia, kerana saya boleh memperhetongkan harga getah satu tan sehingga kepada satu ounce. Mengapa getah dilelong, Mercedes Benz boleh jual dengan harga yang tetap. Kalau itu asasnya, ini bermakna bahawa pemikiran cara apa yang dikatakan free market system itu yang difikir, yang digunakan oleh mereka itu adalah pemikiran penjajah, pemikiran yang kolot dan pemikiran yang kunu.

Begitu juga saya tengok di Soviet, di Komunis Russia dan negara-negara Comecon. Mereka masih lagi berpegang pada zaman Marx, seolah-olah Marx itu masih hidup lagi pada masa ini dan keadaan dunia adalah begitu dan dia cuba menyelesaikan segala hal ekonomi dengan menggunakan ideologi Marx. Ini pun kolot juga, inipun kunu juga. Nampaknya pada saya, Tuan Yang di-Pertua, daripada kuasa besar yang sedar akan soal ini adalah negeri China, dia sedar. Jadi, apabila China membuka pintu untuk berdagang dengan negara-negara luar dan melonggarkan peraturan di dalam negara maka bersoraklah orang-orang Amerika, bersoraklah orang-orang Jepun, bersoraklah orang-orang Eropah Barat dan Timur mengatakan, "Wah! China akan bertukar corak menjadi kapitalis."

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar. China hanya mengubah suai mengikut zaman seperti kata pemimpin-pemimpin mereka, Marxism itu tidak boleh menghurai semua masalah ekonomi, dia sendiri

cakap tetapi kita tidak dengar. Semua perkara hendaklah diperbaharui. Deng Xiao Peng sendiri mengatakan mereka tidak akan menjejaskan sosialismanya, hanya memperkuatkan. Ini bermakna bahawa China sedarkan musim sudah berubah dan mereka membuat sosialisma China lebih relevant dan lebih kuat, lebih menarik daripada socialism Soviet.

Atas kesedaran inilah maka kita mesti bertanya, kalau negara Barat dan Soviet lepa atau alpa dalam hal ekonomi dunia yang begitu dinamis, saya kira ideologi Barat atau free market system bahkan ideologi Soviet yang menggunakan Marxist 100 tahun dahulu ini akan lumpuh dan China nanti ke depan. Jadi, atas kesedaran inilah maka kita negara membangun hendaklah membuat aliran baharu dalam rangka free market system, yang menunjukkan kepada swasta bahawa berniaga itu seperti apa yang diajarkan oleh Islam adalah dibuat dengan tanggungjawab tanpa eksploitasi atau keuntungan yang memeras tetapi hanya keuntungan yang halal dan diredai oleh Allah. Dengan ini insya Allah akan terjaminlah free market system.

Jadi, satu daripada badan swasta yang ditubuhkan 18 bulan dahulu dengan dorongan dan restu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisi maksud kerjasama dagang dalam free market system ini di antara negara membangun ialah, dengan izin, Malaysian Overseas Investment Corporation. Saya berharap banyak lagi daripada swasta kita menceburi di dalam hal ini. Tugas MOIC sekarang telah merebak ke Fiji, Maldives, Bangladesh, Papua New Guinea, Indonesia sehingga ke negara China. Saya menyeru supaya banyak lagi swasta menyambut cabaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan badan-badan yang sudah ada mengarong lautan baharu seperti MOIC. Saya boleh sebutkan

dua tiga lagi umpamanya Kuok Brothers yang sudah menceburi, mengarong dalam hal ini supaya dapat kita mempertingkatkan lagi kerjasama antara swasta negara yang membangun dalam rangka sistem pasaran bebas supaya sistem ini terjamin.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya dilantik dengan restu Perdana Menteri untuk membantu dalam hal ini sebagai seorang perunding atau penasihat MOIC dan oleh kerana keyakinan saya sendiri di atas kemurnian maksudnya, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya mengenakan bayaran \$1.00 sahaja setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda dan menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

*5.21 ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tempoh hari ini mengucapkan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda yang baik dan seimbang di mana Seri Paduka Baginda telah menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mengeneppikan sikap melampau, menegaskan betapa perlunya semangat cintakan negara ditanamkan ke dalam jiwa setiap belia serta mengingatkan kita bahawa kestabilan negara adalah bergantung kepada perpaduan kaum.

Sejak mula-mula lagi, Seri Paduka Baginda telah membuktikan bagaimana seorang pemimpin harus berlagak apabila Tuanku bertitah bahawa elau yang diterimanya akan didermakan kepada suatu tabung amal untuk membantu orang-orang yang memerlukan bantuan. Ini telah membuatkan rakyat menyayangi

Tuanku. Sebagai seorang ahli sukan, Tuanku telah mengilhamkan pemuda-pemuda dan orang-orang tua supaya mengamalkan satu cara kehidupan yang sihat dan bertenaga supaya dengan berbuat demikian, mereka dapat membina sebuah negara yang dinamik.

Baginda adalah seorang pemimpin yang memimpin melalui teladan dan Titah Ucapan Di Raja Baginda telah menunjukkan kebijaksanaan dan impian Tuanku apabila Tuanku menggesa supaya diamalkan sikap sederhana serta penegasan Tuanku terhadap nilai-nilai seperti patriotisme dan perpaduan negara sebagai penting bagi pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian serta-merta hendaklah diberi kepada seruan Di Raja terhadap patriotisme dan perpaduan negara dan langkah-langkah hendaklah diambil untuk menggariskan asas-asas bagi perpaduan negara. 28 tahun telah lalu sejak negara kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, akan tetapi jalan ke arah perpaduan negara masih tidak tentu arah. Malah baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri kita telah mengakui bahawa terdapat polarisasi kaum di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah kita. Bukan sahaja jurang perkauman ini wujud di sekolah-sekolah tetapi juga di universiti-universiti kita, di kalangan orang-orang dewasa yang berpelajaran baikpun lelaki atau perempuan.

Masanya telah sampai untuk menilai semula dasar-dasar yang wujud sekarang yang menyebabkan polarisasi kaum dan keputusan hendaklah dibuat untuk sama ada semak atau tidak dasar-dasar tersebut demi untuk merapatkan jurang di kalangan pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, politik kini telah menjadi satu subjek yang hangat diperbincangkan dalam kebanyakan rumah dan kedua-dua ibubapa dan

anak-anak sedar bahawa politik negara ini adalah berdasarkan perkauman. Ini tidaklah menghairankan kerana parti-parti politik ditubuhkan berasaskan kaum dan setiap parti membuat rayuan yang bersifat chauvinistic kepada setiap kaum. Rayuan-rayuan tersebut tidaklah berupa nasionalistik atau Malaysian pada keseluruhannya. Disebabkan ini maka adalah amat sukar bagi nasionalisme Malaysia untuk hidup dalam fikiran pemuda-pemuda kita kerana mereka sering terdengar seruan-seruan yang dibuat yang menyeru supaya orang-orang Melayu bersatu-padu, atau orang-orang Cina bersatu-padu ataupun orang-orang India bersatu-padu. Sekiranya tujuan Kerajaan adalah untuk hentikan polarisasi kaum, maka Kerajaan hendaklah menimbang dengan seriusnya untuk menyusun semula kebanyakan partai-partai komponennya untuk menjadikan partai-partai tersebut sebagai partai-partai berbilang kaum. Sebagai contoh di dunia misalnya Amerika Syarikat, satu masyarakat yang berbilang kaum ada dua parti sahaja iaitu republican dan Democrat.

Penegasan ke atas satu identiti Malaysia yang bersama hendaklah juga dilanjutkan ke bidang-bidang lain. Hampir semua pelajar-pelajar kita yang berada di dalam sekolah atau universiti adalah dilahirkan di negara ini dan mempunyai keturunan yang sama. Mereka semuanya adalah rakyat Malaysia yang dilahir atas bumi Malaysia dan berhak ditafsirkan sebagai bumiputera. Pada masa ini, mereka yang muda ini dinafikan hak mereka untuk mendapat taraf bumiputera dan inilah faktor utama yang menggalakkan polarisasi kaum.

Sebagai sebuah masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai pelbagai budaya dan agama, kebebasan untuk mengamalkan budaya atau agama seseorang tidak

harus disentuh. Maka dengan itu, seruan Baginda supaya mengeneipkan sikap pelampau adalah kena pada masanya dan ia memang lebih boleh diterima daripada dasar dahulu "Satu bangsa, satu bahasa dan satu budaya". Belia kita haruslah dibenarkan memilih agama yang mereka dipercayai ataupun memeluk agama yang mereka sukai. Dalam sebuah negara yang berbilang bangsa, satu cara untuk mewujudkan integrasi ialah melalui perkahwinan antara kaum dan pasangan-pasangan yang terlibat hendaklah diberi kebebasan untuk bukan sahaja memilih pasangan yang mereka cintai tetapi juga agama yang mereka mahu.

Peluang-peluang ekonomi dan pelajaran hendaklah diberi kepada semua rakyat Malaysia yang muda dan tidak seorang pun harus dinafikan peluang-peluang tersebut berasaskan kepada kaumnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kebebasan membahas isu-isu penting, selepas mesyuarat Barisan Nasional pada Mac 24, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menuduh akhbar-akhbar tertentu yang memainkan isu-isu tertentu yang telah melemahkan perpaduan negara dan beliau telah mengugut bahawa permit penerbitan mereka akan ditarik balik. Ini adalah amat dikesalkan dan ia merupakan suatu, dengan izin, "knee-jerk response" ataupun reaksi hypersensitive kepada kritikan-kritikan. Pihak akhbar di negara ini adalah sangat jinak (tame) berbanding dengan negara-negara lain dan untuk menjinakkannya lagi akan bermakna akhbar-akhbar kita akan menjadi begitu menarik seperti penerbitan-penerbitan Kerajaan.

Parlimen sedang meraikan ulangtahun ke-25nya dan ini bukanlah masanya untuk bercakap tentang sekatan-sekatan yang lebih yang harus dikenakan ke atas kebebasan akhbar. 25 tahun adalah tempoh yang cukup

untuk melahirkan satu generasi baru pembaca-pembaca suratkhbar yang lebih berpelajaran serta suratkhbar-suratkhbar yang bertanggungjawab untuk membahas serta membincang isu-isu yang begitu penting kepada pembinaan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF, masalah Bukit Cina dan peristiwa pembuangan sisa-sisa nuklear di Papan semuanya adalah masalah-masalah awam yang melibatkan negara pada keseluruhannya. Memang laporan yang adil dan tepat adalah penting untuk memastikan bahawa isu-isu seumpama itu dikendalikan dengan adilnya demi kepentingan awam. Untuk tidak menyiarkan isu-isu tersebut atau menyapukanya ke bawah permaidani akan hanya mendidih sehingga ia meletup.

Dasar-dasar Kerajaan dan pemimpin-pemimpin politik adalah harta awam dan tertakluk kepada pemeriksaan awam. Kritikan-kritikan hendaklah dijawab dengan alasan-alasan yang lojik dan bukan dengan ugutan 25 tahun demokrasi berparlimen adalah cukup untuk mencipta kematangan politik yang cukup untuk memungkinkan "laugh at one's own weaknesses" atau ketawa terhadap kelemahan-kelemahan kita sendiri. Surat-surat khabar di negara-negara lain yang mempunyai demokrasi lebih lama daripada kita membekalkan pembaca-pembacanya dengan bahan-bahan ketawa menerusi kartun-kartun dan rencana-rencana yang mencemuh bersifat politik atau political lampooning.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu membangkitkan satu perkara di kawasan saya di Seremban yang serius berkenaan dengan banjir. Dengan berlalunya tahun demi tahun, lebih banyak bahagian bandar Seremban menjadi seolah-olah seperti tasik selepas hujan turun. Ini telah menyebabkan ketidak selesaan dan kerosakan kepada harta benda. Banjir

berlaku kerana parit-parit di Seremban telah berlonggok dan tersumbat akibat tanah dan pasir hasil pembangunan kawasan-kawasan perumahan baru. Di satu tempat di Rahang, jalanraya ke Tampin dan Selatan Highway juga kerap kali dilanda banjir dan ditutup kepada lalulintas. Landasan keretapi juga dilanda banjir dan satu kemalangan keretapi hampir berlaku tetapi dapat dielakkan disebabkan seorang warganegara yang berwaspada telah menahan pemandu keretapi tersebut.

Masalah ini telah dibawa ke perhatian bekas Menteri Pengangkutan yang juga adalah bekas Presiden MCA di waktu itu dan beliau telah memberitahu bahawa perwakilan telah dibuat kepada Kerajaan Pusat untuk mendapatkan \$30 juta untuk mengatasi masalah banjir di Seremban. Sehingga hari ini, tidak ada apa-apa yang dibuat oleh Perbandaran Seremban dan Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah tersebut. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang yang juga adalah Presiden MCA haruslah memberi perhatian kepada perkara ini serta menepati janji yang diberi oleh bekas Presiden MCA. Namun Kerajaan Pusat hendaklah memperuntukkan wang untuk memperbaiki perparitan di Seremban sebelum banjir yang lebih dahsyat berlaku di Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya mahu sentuh iaitu saya hendak membangkitkan dua kes penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis. Kes yang pertama berlaku pada jam 3.30 petang di alamat 408A, Sungai Chua, Kajang.

Seorang anak perempuan Encik Seow Kim Sang dan Puan Yap Pik Haw Kuan yang bernama Cik Seow Fong dan berumur 18 tahun telah hilang dari rumah tersebut pada 27hb Mac tahun ini. Cik Seow bekerja sebagai seorang Guru Tadika di pekan Kajang. Apabila pihak keluarga Seow dapat tahu Cik

Seow berada di tempat kediaman polis, Kajang bersama-sama dengan P.C. Mohamad Arif, adik isteri Seow, Encik Yap Kee Mee terus pergi ke Tadika di mana Cik Seow mengasuh kanak-kanak, lalu membawa Cik Seow balik ke rumah tersebut pada kira-kira jam 1.00 petang hari itu.

Pada kira-kira pukul 3.30 petang 27hb Mac juga, P.C. Mohamed Arif datang ke rumah Encik Seow tersebut dengan motosikal diikuti dengan sebuah radiokar yang memuatkan tiga orang ahli polis. Salah seorang daripada keempat-empat ahli polis itu mempunyai satu sub-machinegun. Mereka memasuki rumah tersebut tanpa waran sambil melaung-laungkan "tangkap, tangkap". Mereka berada di rumah tersebut selama lebih kurang 20 minit. Selepas diperingatkan oleh Encik Yap tersebut bahawa keempat-empat orang itu tidak mempunyai waran dan tindakan mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang, barulah mereka tinggalkan tempat kejadian tersebut.

Kes yang kedua ialah mengenai seorang lelaki Encik Lau Swee Huat yang disyaki menagih dadah di Muar, Johor. Mendiang Lau Swee Huat telah ditahan oleh pihak polis pada 18hb Mac, 1985 dan meninggal dunia pada 27hb Mac, 1985 di Hospital Muar. Sanak saudara mendiang Lau telah mempunyai satu syak wasangka mengenai kekerasan yang kononnya dilakukan oleh pihak polis ke atasnya. Sekiranya mendiang Lau adalah seorang penagih dadah, maka beliau haruslah dihantar ke pusat yang sewajarnya.

Saya menyeru pihak Kerajaan supaya membuat penyiasatan yang teliti ke atas kedua-dua kes tersebut untuk memastikan sama ada pihak polis telah menyalahgunakan kuasa dan seterusnya mengambil tindakan yang diperlukan.

Saya hendak menekankan bahawa apabila usaha dibuat oleh pihak penguatkuasa untuk menyelesaikan kes pertama di mana hubungan di antara gadis dengan lelaki yang beragama berlainan, kita patut menyedari perasaan amat sensitif tentang agama. Di dalam Titah Ucapannya, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi jaminan tidak akan menjejaskan hak asasi bukan Islam. Pada 28hb Mac, 1985, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyeru umat Islam supaya dipandu oleh kesederhanaan apabila terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk menyebarkan keimanan agamanya. Menurutnya, ini adalah penting untuk kepentingan keharmonian di antara pelbagai kaum. Saya berharap seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dapat diterima dan dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pontian.

5.37 ptg.

**Tuan Mokhtaram bin Rabidin (Pontian):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengucap berbanyak-banyak syukur dan junjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda bersempena dengan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada minggu yang lepas.

Dalam Titah Baginda yang tegas tetapi padat isinya yang mencakupi seluruh aspek dan dasar negara dengan menekankan kepada sikap kesedaran adalah menunjukkan tinggi hemah Baginda bersama-sama rakyat untuk membina, memaju serta meninggikan prestasi negara. Didoakan mudah-mudahan negara

tetap akan di dalam keadaan aman dan makmur di sepanjang pemerintahan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, bersifat sederhana di dalam segala hal adalah memang dikehendaki oleh ajaran Islam. Apatah lagi di dalam negara kita yang unik ini yang rakyatnya terdiri berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai asal keturunan yang masing-masing mempunyai cara hidup, kebudayaan, agama dan kepercayaan sendiri dan untuk menjadikan negara ini aman damai, tidak dapat tidak tiap-tiap golongan orang yang tersebut itu mestilah mempunyai perasaan toleransi dan tahu faham memahami perasaan dan adat istiadat, pantang larang di antara satu dengan lain berdasarkan kepada kesederhanaan yang tersebut itu.

Untuk menyatu padukan rakyat Malaysia yang berbagai kaum dan berbagai asal keturunan itu, pada jangka panjangnya berbagai cara dan ikhtiar telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Satu daripadanya ialah melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berpandukan kepada Penyata Pelajaran Razak 1956 dan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib 1960.

Mengikut Dasar Pelajaran itu, murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah menengah dan rendah di negara ini belajar di dalam satu bumbung sekolah, mengikuti sukatan pelajaran yang sama dan menggunakan bahasa pengantar utama iaitu Bahasa Malaysia di peringkat sekolah menengah dan yayasan pelajaran tinggi. Sedangkan di sekolah rendah walaupun menggunakan sukatan pelajaran yang sama tetapi masih menggunakan bahasa pengantar bahasa ibunda masing-masing.

Untuk mengikut sikap melentur buluh biarlah dari rebungunya maka kurikulum serta sukatan-sukatan pelajaran di peringkat sekolah-sekolah

rendah dan sekolah menengah bagi pelajar-pelajar yang berumur di antara 6 tahun hingga 18 tahun itu adalah di titikberatkan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan negara kita supaya perasaan cintakan tanahair secara mendalam dapat ditanam di dalam hati sanubari anak-anak bangsa kita bagi memupuk perasaan bersatu-padu. Malangnya, ada golongan-golongan rakyat di negara kita yang masih belum berapa percaya kepada Dasar Pelajaran negara kita ini dengan cara menghantar anak-anak mereka yang masih muda, yang masih belum dapat berfikir, belajar di peringkat sekolah menengah di negara jiran walaupun dengan menggunakan perbelanjaan yang lebih mahal. Hal itu sangat ketara kepada rakyat yang tinggal di selatan Semenanjung Malaysia ini dan di lain-lain tempat juga. Beribu-ribu pelajar yang sedemikian telah terlibat. Sekiranya perkara ini berlanjutan dengan secara meluas maka cita-cita Kerajaan untuk membentuk satu warganegara yang betul-betul cintakan tanahair dan cintakan negara kita dengan erti kata yang sebenarnya pada masa yang akan datang akan sedikit sebanyak terjejas. Begitu juga dengan hal persatu paduan rakyat di negara kita. Oleh sebab, itu saya menyarankan supaya diadakan peraturan-peraturan yang tertentu yang membolehkan perkara-perkara yang sedemikian rupa tidak akan berlaku berlanjutan dengan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penggunaan tulisan jawi, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Pelajaran yang telah mula menitikberatkan semula pengajaran dan penggunaan tulisan jawi di sekolah-sekolah bermula dari sekolah rendah. Hal ini memang sudah kena pada tempatnya walaupun sudah agak terlambat kerana penggunaan tulisan jawi adalah sebahagian daripada kebudayaan kita.

Sebelum kita mengenal tulisan rumi kita telah terlebih dahulu menggunakan tulisan jawi iaitu sebelum tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Batu bersurat yang ditemui di Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu yang sekarang tersimpan di Muzium Negara adalah menjadi satu daripada bukti-buktinya.

Pada masa ini ada beberapa sistem ejaan jawi sedang digunakan termasuklah sistem ejaan ZABA. Untuk menyelaras dan menyatukan berbagai-bagai sistem ejaan jawi itu, saya cadangkan supaya Kementerian Pelajaran menerima dan melaksanakan keputusan Kongres Ejaan Jawi 1984 yang diadakan di Kuala Terengganu dan pelajar-pelajar KBSR boleh terus diajar dengan menggunakan sistem tersebut supaya pengajaran dan penggunaan tulisan jawi menjadi lebih tersusun dan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara kita yang lalu, rakyat negara kita yang berbilang kaum dan berbilang bahasa itu telah dapat menerima bahasa Melayu yang sekarang dinamakan Bahasa Malaysia menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negara kita. Memandangkan perkembangan Bahasa Malaysia yang semakin pesat, bukan sahaja di negara kita tetapi juga di negara-negara ASEAN yang lain iaitu telah menjadi bahasa rasmi di Indonesia, Brunei dan menjadi salah satu bahasa rasmi di Singapura dan digunakan dengan agak meluas juga di Selatan Thailand dan di Selatan Filipina, maka sudah sewajarnya ditubuhkan satu pusat bahasa Melayu serantau di ASEAN ini sebagaimana pusat bahasa Inggeris serantau yang diadakan di Singapura. Sekiranya pusat bahasa Melayu serantau ASEAN ini ditubuhkan, saya sarankan supaya ditubuhkan di ibu negara kita Kuala Lumpur ini memandangkan

kemudahan-kemudahan yang boleh didapati. Dengan adanya pusat bahasa Melayu serantau itu bukan sahaja soal-soal istilah boleh dibincangkan tetapi penyelidikan-penyelidikan yang lebih mendalam dan saintifik boleh dilaksanakan yang boleh membawa langkah-langkah untuk menjadikan bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan bukan sahaja di ASEAN dan tidak mustahil di seluruh Asia dan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang banyak memberi peruntukan kepada pembangunan pelajaran, terutama di dalam pembinaan bangunan-bangunan sekolah termasuklah bilik-bilik darjah. Untuk mengurangkan kerja-kerja JKR yang memang sudah banyak, maka untuk menyoerakan pembinaan bangunan-bangunan itu, Kementerian Pelajaran telah menggariskan satu sistem secara package deal atau yang dikenal dengan rancangan pasang siap. Malangnya, rancangan untuk menyoerakan bangunan-bangunan tersebut dengan secara pasang siap, nampaknya sudah menjadi pasang tidak siap, kerana banyak rancangan-rancangannya yang telah tergendala walaupun sudah memakan masa lebih daripada 3 tahun disebabkan oleh pemborong-pemborongnya telah hilang entah ke mana.

Sebagai contoh di daerah Pontian sendiri daripada 10 rancangan, satu pun belum siap lagi. Diharapkan Kementerian Pelajaran dapat menyambung pengurusan pembinaan sekolah-sekolah tersebut, terutama dalam bidang pembinaan bilik-bilik darjah supaya dapat diadakan dengan seberapa segera supaya murid-murid tidak belajar bertaburan di sana sini, menumpang di balairaya, di surau, di masjid dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh keselamatan negara, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima

kasih kepada pasukan keselamatan negara kita termasuklah pasukan Polis yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan berdisiplin yang membolehkan kita rakyat biasa hidup dengan aman dan tidur dengan nyenyak. Walaupun begitu dengan kejadian-kejadian yang agak rancak di sempadan Vietnam/Thailand dan Vietnam/Kampuchea maka gerakan penyusupan komunis dari selatan Thailand dan anasir-anasir gerakan bawah tanah mestilah diawasi dengan lebih ketat dan lebih rapi lagi. Kegiatan-kegiatan kapal-kapal selam Russia melalui Selat Melaka dan Laut China Selatan walaupun dengan secara aman dan juga penerbangan helikopter Russia di kawasan pelantar minyak di laut Terengganu hendaklah dicurigai walaupun pihak Kementerian Pertahanan menyatakan hal yang tersebut belum ada tanda untuk mengancam keselamatan negara. Tetapi perasaan curiga kita mesti ada dan dengan adanya kecurigaan itu langkah yang tepat dan tegas boleh dilaksanakan kerana peribahasa ada menyatakan "kalau tidak berada-ada tidakkan tempua bersarang rendah."

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan negara kita ini dari segi geography adalah sangat strategik dan menjadi persimpangan jalan di antara dunia barat dengan dunia timur, Selat Melaka adalah menjadi tempat utama laluan kapal-kapal besar. Untuk mengelakkan daripada dikenakan bayaran oleh pelabuhan di Singapura, maka banyak kapal-kapal itu berlabuh di laut, di selatan yang berdekatan dengan Tanjong Piai, barat daya Johor, sementara menunggu masa untuk masuk ke Pelabuhan Singapura yang sebenarnya, dan ini telah mendatangkan pencemaran air di kawasan tersebut yang menjadi halangan kepada nelayan-nelayan kecil di tempat yang tersebut itu dan menjadikan pekerjaan serta hasil nelayan tempat itu telah terjejas. Diharapkan Kerajaan kita dapat

berunding dengan pemerintah Indonesia dan pemerintah Singapura supaya perkara yang tersebut itu dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal pembedahan terhadap mayat-mayat yang kematiannya disebabkan oleh kemalangan atau seumpamanya. Mengikut ajaran Islam menyiksa mayat itu dan termasuk pembedahan adalah haram atau tidak dikehendaki, berdosa sekiranya melakukannya. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu peraturan atau undang-undang supaya mayat orang-orang Islam yang kematiannya disebabkan oleh kemalangan atau seumpamanya dikecualikan daripada dikenakan pembedahan untuk menentukan sebab-sebab kematiannya dan untuk gantinya bolehlah dibuat secara lain mengikut ilmu kedokteran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon sama-sama menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada 3 orang lagi dan kita masih mempunyai 37 minit lebih kurang, bolehkah seorang berucap selama 12 minit? Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.53 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan yang penuh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan baginda yang dilafaskan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin minggu lalu. Dalam Titah Ucapan Baginda, Baginda menyeru supaya semua rakyat mengamalkan sikap sederhana dalam segala hal termasuk perkara-perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi supaya keharmonian yang wujud di antara kaum-kaum di negara ini dapat kita

kekalkan. Keharmonian yang baik, yang tidak terjejas di antara kaum di negara ini, akan menjamin suasana politik yang stabil. Dengan kestabilan politik, perkembangan ekonomi, sosial dan kebudayaan di negara ini akan berjalan dengan lancar demi untuk meninggikan kemakmuran dan taraf kehidupan rakyat.

Selepas 25 tahun kita merdeka, kita telah menyaksikan kepesatan perkembangan dan kemajuan dalam semua bidang pembangunan negara dan satu soalan yang perlu dijawab oleh kita pada saat ini ialah sama ada rakyat jelata di seluruh negara telah menerima dan menikmati buah-buah perkembangan ekonomi negara kita semenjak kita merdeka.

Tidak dinafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan dalam tempoh 25 tahun telah menjalankan beberapa projek dan pembangunan yang telah menguntungkan rakyat jelata. Keuntungan ini kita dapat lihat dalam bentuk infrastruktur yang ada seperti jalanraya dan lebuhraya di seluruh negara. Dari segi kemudahan asas pula Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta wang untuk membekalkan api elektrik dan membina klinik-klinik desa di luar bandar. Dalam hal pendidikan pula anak-anak golongan yang mundur dan miskin diberi peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka ke pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaannya untuk membaiki taraf kehidupan rakyat setakat ini, namun demikian kita berharap supaya usaha-usaha di dalam meninggikan mutu kehidupan rakyat dan negara dapat maju, sihat, makmur dan berdisiplin.

Tugas Kerajaan pada saat ini ialah untuk menentukan bahawa keperluan-keperluan asas dan kemudahan-kemudahan asas disediakan kepada semua golongan masyarakat terutama golongan yang miskin dan tidak berada seperti rakyat di luar bandar. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan rakyat jelata mempunyai makanan yang cukup, rumah yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas moden seperti api elektrik, jalanraya dan sebagainya dan juga kemudahan-kemudahan kesihatan yang cukup seperti klinik-klinik. Keperluan dan kemudahan asas ini perlu ditunaikan dahulu sebelum Kerajaan memikirkan untuk membawa masyarakat di negara ini ke satu era perindustrian yang bersifat teknologi dan saintifik. Yang kita perlu ingat ialah bukan sahaja kuantiti rakyat dipertingkatkan, tetapi juga mutu hidup rakyat dipertingkatkan. Tumpuan Kerajaan pada masa kita merayakan ulang tahun Parlimen ke 25 ialah untuk membasmi segala kemiskinan di kalangan rakyat jelata dan menyediakan rakyat dan negara masuk ke dalam abad 21. Kita tidak ingin dikenali oleh masyarakat antarabangsa dengan adanya, dengan izin, sky scrapers atau bangunan-bangunan dan projek-projek besar-besaran, sedangkan dalam asas seperti kemiskinan masih wujud di negara ini. Kita lebih suka dikenali sebagai satu negara yang berjaya membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan sanggup meninggikan taraf kehidupan rakyat, inilah harapan kita dalam masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda dalam Titah Ucapannya juga telah menyentuh mengenai pelajaran dan pendidikan. Pelajaran dan pendidikan merupakan aspek penting di dalam kehidupan seseorang dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang sempurna itu dengan baik. Seorang rakyat dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada perpaduan dan

pembangunan negara. Di dalam dunia moden ini kita perlu melengkapinya rakyat kita terutama generasi muda dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya supaya mereka dapat menggunakan akal fikiran mereka untuk mencari nafkah hidup yang selesa supaya mereka jangan menjadi beban kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar terhadap pendidikan di luar bandar masih terdapat kelemahan-kelemahan di kalangan murid-murid sekolah di luar bandar.

Mengikut keputusan SPM tahun lepas kadar kelulusan SPM bagi Sarawak misalnya ialah 49.6% yang terendah sekali dibanding dengan negara-negara lain di seluruh negara. Bagi MCE pula kadar kelulusan telah jatuh 5% di mana hanya 3,303 pelajar daripada 5,766 pelajar, murid yang mengambil peperiksaan MCE telah lulus.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan di luar bandar terutama di Sarawak perlu diberi priority dan keutamaan daripada Kerajaan, kerana kebanyakan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di negeri Sarawak terletak jauh di luar bandar sehingga jalan masuk ke sekolah ini adalah rumit, oleh kerana sekolah di luar bandar ini terletak di tengah-tengah yang sunyi. Ramai guru-guru yang dihantar ke sekolah tersebut tidak sanggup tinggal di tempat itu. Oleh itu moral dan dedikasi mereka jatuh dan mereka tidak mempunyai semangat untuk mengajar lagi, tambahan pula bangunan-bangunan sekolah di luar bandar ini adalah lama dan buruk, lagipun rumah-rumah guru di sekolah luar bandar ini didirikan dengan bergotong-royong.

Keadaan ini sangat tidak memuaskan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rumah tersebut tidak

dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti apa yang terdapat di bandar. Keadaan ini akan melemahkan semangat guru-guru yang mengajar di luar bandar.

Masalah-masalah lain yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar ialah kelambatan buku teks ke sekolah-sekolah. Kelambatan buku teks ini akan menjejaskan prestasi murid-murid sekolah pada keseluruhannya. Tambahan pula kemudahan-kemudahan yang sedia ada di bandar tidak dibekalkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar, seperti pustaka-pustaka yang sempurna, alat-alat audio visual seperti video, TV dan radio. Oleh itu, saya bercadang kepada Kerajaan supaya langkah-langkah yang positif dan pendekatan-pendekatan baru diambil terhadap pendidikan di luar bandar, terutama di Sarawak supaya semangat guru-guru dan murid dan ibu bapa dipertingkatkan bagi memperbaiki prestasi murid-murid di luar bandar.

Saya bercadang kepada Kerajaan untuk mengadakan satu skim khas yang mengandungi insentif-insentif dan keistimewaan-keistimewaan khas bagi guru-guru yang dihantar ke sekolah luar bandar. Bagi maksud ini Kerajaan perlu mengkategorikan sekolah-sekolah di luar bandar yang kita anggap harus diberi skim khas ini, misalnya sekolah-sekolah di Ulu Belaga, Bahagian Ketujuh dan Ulu Baram di Bahagian Keempat dan Ulu Terusan di Bahagian Kelima, Sarawak harus diberi skim khas ini supaya guru-guru yang dihantar ke tempat ini mempunyai semangat dan dedikasi yang tinggi. Unsur-unsur skim khas ini akan merangkumi elaun kesusahan dan elaun perumahan yang tinggi, tambang pengangkutan pulang-balik sekali setahun bagi keluarga dan peluang-peluang bagi mereka untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan diberi keutamaan. Tuan Yang di-Pertua, saya

percaya dengan adanya skim khas tersebut ini maka mutu pendidikan di luar bandar akan dipertingkatkan.

Di samping mengadakan skim khas tersebut, saya menyeru Kerajaan supaya bangunan-bangunan sekolah di luar bandar yang lama dan buruk, termasuk meja dan kerusi-kerusinya ditukar dengan alat-alat baru. Juga, rumah guru harus dibina oleh Kerajaan dan bukan dengan gotong-royong. Sekolah-sekolah di luar bandar perlu dilawati bukan sahaja oleh Pegawai-pegawai Pelajaran sahaja tetapi juga oleh Pegawai-pegawai Kanan lain demi untuk memberi semangat dan galakan kepada guru dan murid. Kerajaan perlu menghantarkan buku teks kepada sekolah-sekolah di luar bandar awal daripada sekolah-sekolah di bandar supaya apabila sekolah mulai, buku teks tersebut dapat diberi kepada murid. Pustaka di sekolah-sekolah di luar bandar perlu distok dengan buku-buku yang sesuai dari masa ke masa dan alat-alat audio visual seperti video, TV dan radio perlu dibekalkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Masalahnya ialah api elektrik untuk menjalankannya. Saya bercadang supaya Kerajaan menggunakan solar di semua sekolah luar bandar di seluruh negara. Kita tidak mahu main-main lagi dengan pendidikan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan supaya guru-guru yang dihantar ke sekolah di luar bandar adalah guru yang sesuai. Selain daripada menghantarkan guru yang dilatih, Kerajaan perlu menentukan guru tersebut mempunyai sikap yang betul dan dedikasi yang tinggi berkhidmat di luar bandar. Guru tersebut perlu diberi kursus orientasi sebelum dihantar ke luar bandar. Ini perlu supaya mereka yang dihantar tidak terperanjat dengan keadaan yang ada apabila sampai ke sekolah-sekolah tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru yang tidak mempunyai kredit dalam Bahasa Malaysia di Negeri Sarawak adalah tinggi. Kadar purata kelulusan guru-guru yang mengambil kredit dalam ujian satu mata pelajaran, iaitu Bahasa Malaysia adalah 5%. Sebelum mereka disahkan dalam jawatan, mereka perlu lulus dengan kredit dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Memandangkan guru-guru ini tidak diberi pendedahan kepada Bahasa Malaysia dari awal-awal lagi, adalah susah bagi mereka untuk mendapatkan kelulusan dengan kredit dalam ujian mereka. Syarat ini telah melemahkan semangat banyak guru-guru di luar bandar. Saya bercadang kepada Kerajaan supaya syarat ini dilonggarkan terutama kepada guru-guru di Sarawak yang tidak pernah mempelajari Bahasa Malaysia waktu mereka menuntut di sekolah rendah dan sekolah menengah dahulu. Sambil melonggarkan syarat ini, Kerajaan perlu mempertingkatkan usaha dan memperhebatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di antara guru-guru. Untuk tujuan ini, Kerajaan perlu memberi pendedahan yang sehebatnya kepada guru-guru yang lemah dalam Bahasa Malaysia seperti menghantar mereka ke kursus-kursus intensif Bahasa Malaysia, membekal majallah, buku-buku dan surat akhbar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan supaya penglibatan masyarakat umum, ibubapa dan masyarakat di mana sekolah-sekolah itu ditempatkan perlu ditegaskan di sini supaya mereka akan menganggap institusi tersebut sebagai institusi masyarakat. Ini perlu apabila kita ingin supaya prestasi pendidikan di luar bandar dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membawa kepada Kerajaan mengenai masalah yang terdapat di dalam kawasan saya mengenai dengan

penerimaan rangkaian Radio Televisyen Malaysia di Lawas dan Limbang. Saya diberitahu bahawa penerimaan rangkaian RTM tidak begitu terang di kawasan saya dan memandangkan Limbang dan Lawas adalah berdekatan dengan Brunei, kebanyakan rakyat lebih suka melihat rancangan dari Brunei. Saya berharap supaya Kerajaan akan menyiasat masalah ini dan langkah-langkah positif diambil supaya penerimaan rangkaian RTM diperbaiki lagi di kawasan saya supaya jenerasi muda dapat diserapi dengan semangat nasionalisma, bukan terpengaruh dengan nilai-nilai yang datang dari negara jiran.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kinta.

6.08 ptg.

**Tuan Lim Liang Seng (Kinta):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Tuanku kepada kedua-dua Dewan Parlimen pada 25hb Mac, yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju penuh bahawa Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita dan melihat kepada negara-negara di sekitar Malaysia di rantau dunia sebelah sini kita sepatutnya berasa bangga kerana negara kita Malaysia telah mencapai kejayaan yang tertentu dalam semua sektor pembangunan. Tidak syak lagi pencapaian nasional kita adalah berasaskan sistem yang diamalkan di negara kita selama ini, iaitu sistem demokrasi berparlimen. Kebetulanannya kini kita sedang merayakan Parlimen kita menjangkau usia 25 tahun. Perayaan dan Pameran

Parlimen 25 Tahun yang sedang diadakan adalah membawa dua pengertian.

Pertama, ianya mengingatkan semua Ahli Parlimen dari kedua-dua Dewan tentang peranan dan tanggungjawab terhadap negara dan rakyat. Peranan ini seharusnya positif dan membina. Tanggungjawab ini seharusnya dilaksanakan dengan kebijaksanaan dan pertimbangan yang saksama pada setiap masa.

Kedua, ianya juga merupakan satu kesempatan untuk setiap warganegara di negara kita untuk merenung bersama pada ketika ini tentang soal-soal bagaimana dan apakah sesuatu yang seharusnya dilakukan bersama dan secara bersepadu oleh kita agar sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan selama ini akan bertambah lebih kukuh dan berkekalkan untuk selama-selamanya bagi mencapai kejayaan, kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar bagi negara kita Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum ini.

Hendaknya jangan sistem ini di-jahanamkan dan dimusnahkan oleh setengah golongan yang berpemikiran sempit dan bersikap melampau dan keterlaluan yang malangnya ada dan wujud di antara kita kerana keghairahan mereka untuk mencari pengaruh politik, kuasa ataupun ketamakan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Pembangkang sentiasa berusaha cuba menyusahkan dan melemparkan embarrassment kepada Kerajaan pada setiap sidang Parlimen yang lalu. Begitu juga mereka pada sidang kali ini. Kepada saya ini tidak menghairankan sekali kerana ianya merupakan helah Pembangkang semata-mata, akan tetapi apa yang kurang wajar dan patut dikedam sehabis-habisnya ialah percubaan mereka untuk mewujudkan satu kesan yang salah di kalangan rakyat dengan

mensifatkan Parlimen sebagai rubber stamp kepada Kabinet Kerajaan. Kata-kata sifat sebegini bukan sahaja salah malahan adalah menghina. Kepada saya percakapan tersebut telah dibuat oleh pihak Pembangkang kerana frustrasinya, dengan izin, yang telah pun timbul dari kehilangan daya tariknya ataupun appealnya kepada rakyat. Tiada orang lain yang seharusnya disalahkan oleh pihak Pembangkang melainkan diri mereka sendiri kerana kelemahan dan kekurangan diri sendiri, pihak Pembangkang telah gagal mendapatkan sokongan dan mandat yang mencukupi. Pihak Pembangkang juga telah gagal memainkan peranannya sebagai sebuah Pembangkang yang efektif. Ada baiknya jika sekiranya mereka berani dan ikhlas kepada diri sendiri untuk mengaku tentang kekurangan dan kesalahan diri sendiri. Padahal kalau kita tinjau dalam tempoh tiga tahun yang lalu, tidak kurang dari tiga pihak Pembangkang telah diberi peluang untuk membawa Usul Ahli Persendirian bagi dibahas dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini menunjukkan bahawa Parlimen yang kita ada sekarang ini adalah sama tidak berubah dari dahulu dan kalau ada telah bertambah baik dan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kita memahami tentang peri mustahaknya perpaduan kaum di negara kita Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum. Kami di MCA adalah komited dengan sepenuhnya kepada perpaduan kaum demi kesejahteraan, kemakmuran dan kemajuan Malaysia. Kami sentiasa menghargai pengalaman dan hubungan rapat yang istimewa kerana telah berjuang berganding bahu dan berusaha bersama dengan UMNO demi mencapai kemerdekaan dan untuk pembinaan negara dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Kami percaya bahawa perpaduan kaum

adalah terpenting sekali dalam menentukan kestabilan negara yang telah membolehkan kita mencapai apa yang telah dicapai selama ini untuk negara kita. Kami juga percaya bahawa perpaduan kaum akan dapat dikukuhkan lagi dan akan berkekalan sekiranya kita semua sedia berusaha menguatkan sikap toleransi, mengamalkan sikap kesederhanaan dan menguatkan semangat saling menghormati antara kaum di samping menjaga sensitiviti-sensitiviti kaum pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kebelakangan ini beberapa masalah telah ditimbulkan dan tercetus menjadi isu-isu besar dan sensitif. Kerajaan telah mengatakan bahawa pihak Pembangkang sentiasa mengeksploitasi isu-isu ini untuk keuntungan dan modal politik. Saya memang bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Kerajaan akan tetapi satu soalan yang ditanya-tanya orang ialah kenapa masalah-masalah ini telah dibiarkan menjadi isu-isu yang boleh dieksploitasikan oleh pihak Pembangkang. Saya tidak berhajat menyebut isu-isu itu kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebutkannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kerajaan adalah bertanggungjawab dan seharusnya berusaha supaya masalah-masalah yang timbul tidak dibiarkan begitu sehingga mencetus menjadi isu-isu yang besar dan sensitif. Ini adalah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya membawa satu perkara untuk perhatian Kementerian Pelajaran. Perkara yang ingin saya bawakan ini ialah berkenaan dengan kedudukan guru sementara SRC iaitu segolongan guru sementara Kategori C2 dari kumpulan SRC—C2 sementara. Kedudukan mereka sekarang ialah C2 sementara. Mereka ini berjumlah lebih

kurang di antara 120 orang dan bertabur ataupun berkhidmat di merata-rata tempat di beberapa negeri dalam negara kita. Saya difahamkan usaha-usaha telah dibuat sejak dua, tiga tahun yang lalu untuk memastikan kedudukan mereka iaitu meletakkan mereka dalam C2 Tetap akan tetapi oleh kerana guru-guru dalam golongan ini yang kebanyakan mereka telah memasuki perkhidmatan menjadi guru sementara di akhir tahun 60an ataupun di awal tahun 70an yang mana mereka telah tidak dapat peluang untuk pendedahan kepada pembelajaran Bahasa Malaysia dengan sebaik-baiknya.

Oleh yang demikian, walaupun kesemua mereka telah, berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kelulusan dengan kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia SPM sehingga kini cuma beberapa orang sahaja yang dapat dan ada juga yang telah memperolehi kelulusan kepujian dalam Bahasa Malaysia tidak pula dapat kelulusan dalam Lisan. Semua ini menjadi masalah, menjadi halangan kepada mereka untuk diletakkan dalam Kategori C2 tetap.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya utarakan di sini ialah saya difahamkan baru-baru ini guru-guru dalam golongan seumpama ini ada setengahnya telah diletakkan ataupun telah diberi pilihan kepada mereka untuk memilih diletakkan dalam Kategori B2 tetap. Saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian Pelajaran dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran apakah kiranya memberi perhatian yang khas dan memberi pertimbangan yang saksama semoga guru-guru dari golongan ini yang telah berkhidmat dengan jujur dan ikhlas kepada Kerajaan, kepada masyarakat dapat diletakkan dalam satu kategori

iaitu Kategori B2 tetap supaya mereka tidak sentiasa mengkhuatiri kedudukan mereka dan tidak lagi berkhidmat di dalam suatu keadaan di mana semangat mereka adalah begitu rendah sekali.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong usul itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sepang, hanya ada lebih kurang 7 minit. Sila teruskan.

6.23 ptg.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh di atas usul menjunjung kasih yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Seri Paduka Yang di-Pertua Agong ada menyentuh soal rancangan Malaysia Kelima dan saya bercadang untuk bercakap atas hal itu sahaja. Rancangan Malaysia Kelima saya percaya sedang diurus, sedang diatur, sedang dirancang oleh pihak-pihak perancang dan juga pihak-pihak teknokrat sekarang yang mana akan dikemukakan mungkin tidak berapa lama lagi.

Lazimnya mereka yang merancang, mengatur pihak-pihak teknokrat atau pegawai-pegawai ini apabila merancang projek-projek untuk hendak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima lazimnya mereka ini menentukan satu-satu projek itu berdasarkan kepada perangkaan semata-mata, kepada bilangan semata-mata. Katalah sebagai contoh, kalau mereka hendak menentukan sama ada satu-satu perkhidmatan kesihatan hendak diberikan kepada satu-satu tempat maka soal yang pertama pihak-pihak perancang dan teknokrat ini

bertanya ialah berapa bilangan, berapa penduduk di satu-satu kampung itu. Kalau bilangan penduduk itu merupakan suatu bilangan yang kurang dari perangkaan yang telah ditetapkan untuk membolehkan mereka mempunyai perkhidmatan kesihatan barulah kampung itu dianggap sebagai layak mendapat perkhidmatan itu. Itupun setelah ditentukan kampung itu layak mendapat perkhidmatan kesihatan, sebagai contoh, ditanya lagi untuk hendak mendapat perkhidmatan yang kategori mana sama ada pusat kesihatan kecilkah, pusat kesihatan desakah, ataupun suatu hospital yang lebih besar lagi, juga berteraskan, berdasarkan kepada berapa bilangan penduduk. Kalau bilangannya kecil maka pusat kesihatan kecil itu sahaja untuknya, kalau bilangannya besar sedikit maka perkhidmatannya pusat kesihatan desa. Yang lebih besar lagi mungkin hospital daerah dan kalau besar lagi mungkin hospital besar begitulah kaedahnya.

Saya cuma memberi contoh kesihatan, malah dalam perkara-perkara lain pun begitu. Kalau hendak membuat jalan seumpamanya juga ditanya berapa bilangan penduduk yang akan menggunakan jalan itu. Kalau bilangannya kecil dan tidak sampai ke tahap bilangan yang layak mempunyai jalan maka tidak dapatlah kampung itu jalan, dan kalau ia sampai ketahap yang ia boleh layak mendapat jalan, ditanya pula berapa lagi bilangan penduduk, kalau bilangannya sekian-sekian banyak, dia layak diberi cuma jalan merah, kalau layak lagi kalau banyak lagi bilangannya mungkin jalan lebih besar dan banyak lagi bilangannya mungkin jalan tar dan sebagainya.

Perangkaan yang semacam ini saya fikir yang berdasarkan kepada bilangan penduduk semata-mata, pendapat saya mungkin tidak boleh

lagi digunakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, suatu rancangan yang terakhir di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Apa kata kalau diambil kira bukan sahaja bilangan tetapi soal keperluan, kehendak satu-satu tempat dan kalau satu-satu kampung itu katalah berkehendakkan perkhidmatan telefon biarpun bilangannya kecil semacam mana, kalau ada bukti yang sahah bahawa ia perlukan perkhidmatan itu, perkhidmatan itu mesti diberikan tanpa mengira berapa bilangan penduduk kampung tersebut. Dengan cara ini, saya fikir akan dapat kita mewujudkan suatu perimbangan projek supaya jurang kemudahan asas yang ada sekarang ini tidak sangat berbeza di antara bandar dengan luar bandar. Mungkin inilah satu daripada yang menyebabkan fenomena di Asia kita ini iaitu pusat-pusat bandarnya, pusat-pusat negaranya hebat belaka, kosmopolitan suatu metropolis yang cukup moden, apa yang ada di New York, apa yang ada di Paris, apa yang ada di Bonn, ada di bandar-bandar yang terbesar di negara Asia. Tetapi bila kita mula keluar dari bandar-bandar terbesar ini maka mulailah kemudahan-kemudahan berkurangan. Ini satu fenomena. Sebaliknya di negara-negara barat kalau kita duduk di luar bandar kemudahannya hampir sama yang ada di bandar malah orang-orang yang kaya, orang-orang yang mewah duduk di luar bandar daripada duduk di bandar. Tetapi di Asia nampaknya fenomena ini berlaku iaitu di metropolis iaitu di bandar-bandar kemudahan banyak dan di kawasan luar bandar kemudahannya berkurangan dan kemungkinan fenomena ini berlaku disebabkan pendekatan pihak teknokrat menimbangkan satu-satu projek pembangunan itu semata-mata atas perangkaan, atas bilangan penduduk.

Oleh sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak membawa satu pandangan di sini untuk pertimbangan pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan, pihak-pihak teknokrat yang merancang soal-soal pembangunan ini. Kalau boleh dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini sebagai perancangan yang terakhir di bawah Dasar Ekonomi Baru, apa kata kalau diubah sedikit pendekatan, approach, dengan izin, Rancangan Malaysia Kelima ini tidak dilandaskan, tidak didasarkan semata-mata atas bilangan penduduk tetapi atas asas-asas dan perkiraan-perkiraan yang lain seperti soal keperluan atau, dengan izin, needs, oleh satu-satu kampung atau satu-satu masyarakat.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan maka sekian sahajalah ucapan saya maka sekali lagi saya menyatakan sokongan penuh saya kepada usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kemaman. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat esok dan lusa, Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab kepada semua hujah-hujah yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*